

DN.16.12.97

PARLIMEN KESEMBILAN  
*Ninth Parliament*  
PENGKAL KETIGA  
*Third Session*  
MESYUARAT KETIGA  
*Third Meeting*

---

Jilid III                      Bil. 34                      Hari Selasa                      16 Disember 1997

---

K A N D U N G A N

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA:

**Perutusan Daripada Dewan Rakyat**                      (Ruangan )

URUSAN MESYUARAT                      (Ruangan )

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN  
(Ruangan )

RANG UNDANG-UNDANG:

**Rang Undang-undang Perbekalan 1998**                      (Ruangan )

USUL:

**Waktu Mesyuarat Dan Urusan Dibeaskan Daripada  
Peraturan Mesyuarat**                      (Ruangan )

**PARLIMEN KESEMBILAN  
PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN NEGARA  
Mesyuarat Kedua  
Penggal Yang Ketiga  
AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Haji Mohamed bin Ya'acob, P.S.M., P.M.K., S.P.M.K., Dato' Bentara Kanan, S.M.T., P.G.D.K., D.A. (Dilantik)

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Chong Kah Kiat, P.G.D.K., J.S.M., J.P. (Dilantik)
- “ Tuan Abdillah bin Abdul Rahim (Sarawak)
- “ Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman (Dilantik)
- “ Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba, P.B.M., B.K.T., J.P. (Melaka)
- “ Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail, A.M.P. (Perlis)
- “ Dato' Haji Ahmad bin Ismail (Pulau Pinang)
- “ Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad, A.M.N., A.M.K., B.K.M. (Kedah)
- “ Datuk Michael Bong Thiam Joo, P.J.N., A.B.S., J.B.S. (Dilantik)
- “ Tuan Charern Intachat, A.M.N., B.C.K. (Dilantik)
- “ Dato' Chet Singh s/o Karam Singh (Pulau Pinang)
- “ Tuan Chin Kon Tow @ Chin Kong Too, A.M.N., B.K.T., J.P. (Melaka)
- “ Puan Faridah binti Abu Hassan (Dilantik)
- “ Tuan Ding Seling (Dilantik)
- “ Dato' Eng Hoi Choo, A.M.S., P.P.T. (Dilantik - Wilayah Persekutuan)
- “ Dato' Ghazi @ Hasbullah bin Haji Ramli, D.I.M.P. (Selangor)
- “ Puan Hajah Habshah binti Haji Osman, P.P.T., P.J.K. (Dilantik - Wilayah Persekutuan)

- “ Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed. Zain (Dilantik)
- “ Tuan Hanipah bin Ahmad, P.J.K. (Perlis)
- “ Datuk Haji Hashim bin Safin @ Shafin, D.M.S.M. (Dilantik)

Yang Berhormat Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor (Kelantan)

- “ Datuk Haji Ibrahim bin Ali, D.M.S.M. (Dilantik)
- “ Tuan Ibrahim bin Daud, J.S.M., K.M.N., P.L.P., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Johor)
- “ Puan Jamilah binti Ibrahim (Kelantan)
- “ Tuan Jang Chow Thye @ Yio Chow Thye, A.S.M., S.M.T., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Tuan Janggu Anak Banyang, P.B.K. (Sarawak)
- “ Tuan Jiuin bin Jimin (Sabah)
- “ Datuk Johan O.T. Ghani @ Christopher, P.G.D.K., K.M.N. (Dilantik)
- “ Puan Kamilia binti Ibrahim (Dilantik)
- “ Tuan Kan Kok Kwan, D.N.S., K.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Tuan Haji Kasim bin Mh. Yusop (Dilantik)
- “ Puan Hajah Khadijah binti Haji Awang (Terengganu)
- “ Datuk Khoo Keok Hai (Dilantik)
- “ Dato’ P. Krishnan a/l Permual (Dilantik)
- “ Tuan Long bin Jidin (Dilantik)
- “ Tuan Low Kai Meng, P.J.K., J.P. (Perak)
- “ Datuk Maidum P. Pansai @ Paul Pansai (Dilantik)
- “ Tuan N. Marimuthu a/l Nadeson, A.M.P., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Dato’ Dr. T. Marimuthu (Dilantik)
- “ Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Dilantik)

- “ Dato’ Michael Chen Wing Sum (Dilantik)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin, D.S.A.P. (Dilantik)
- “ Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawī, A.M.P., P.P.N., P.J.K. (Perak)
- “ Tuan M.G. Pandithan @ Nyana Pandithan @ Ganapandythan a/l Muthandi (Dilantik)

Yang Berhormat Puan Hajah Rahaiah binti Baheran, P.J.K. (Dilantik)

- “ Datuk Rahim bin Baba, D.M.S.M, A.M.P. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Ramlah binti Kassim (Pahang)
- “ Tuan Rosli bin Mat Hasan (Dilantik)
- “ Dato’ Saad bin Haji Man, D.S.D.K. (Dilantik)
- “ Tuan Haji Sairin bin Karno (Sabah)
- “ Tuan Haji Salleh @ Hassan bin Ali, P.J.K. (Terengganu)
- “ Puan Sri Sarasa Pasamanickam, A.M.N., P.I.S. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Selemiah binti Hashim, P.P.N., A.M.N., P.K.T. (Dilantik)
- “ Puan Tan Ah Eng (Johor)
- “ Tuan Tan Son Lee, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Kedah)
- “ Tuan Tan Swee Hueng (Dilantik)
- “ Dato’ V.K.K. Teagarajan, D.P.M.S., A.M.N. (Dilantik)
- “ Tuan Tee Thiong Hock, S.S.A., A.M.N., P.J.K. (Selangor)
- “ Dato’ Ting Check Sii, D.I.M.P. (Dilantik)
- “ Tan Sri Dato’ G. Vadiveloo a/l Govindasamy, P.S.M., D.P.M.S., S.M.S., A.M.N. (Dilantik)
- “ Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin, P.J.K., A.M.S. (Dilantik)
- “ Dr. Yeow Seng Huat (Pahang)
- “ Tuan Yim Chee Chong @ Yim Kok Kheong (Negeri Sembilan)

- “ Dato’ Zainol Abidin bin Johari, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Tuan Zakaria bin Arshad (Negeri Sembilan)
- “ Puan Hajah Zaleha binti Hussin, P.P.N., A.M.N. (Dilantik)

**DEWAN NEGARA**  
**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Negara:	Abdullah bin Abdul Wahab
Penolong Setiausaha Kanan:	Zamani bin Haji Sulaiman
Penolong Setiausaha:	Haji Mustakin bin Selamat
Penolong Setiausaha:	Nor Hayatee binti Abdullah

**CAWANGAN PENYATA RASMI PARLIMEN**

Pegawai Penerbitan:	Azhari bin Hamzah Monarita binti Mohd. Hassan
Ketua Pelapor Perbahasan Parlimen:	Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.

***PELAPOR PERBAHASAN PARLIMEN***

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop  
Hajah Supiah binti Dewak  
Mohamed bin Osman  
Norishah binti Mohd. Thani  
Shamsina binti Janor

**BENTARA MESYUARAT**

Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib  
Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali  
Mejar (B) Zakaria bin Salleh

**MALAYSIA**

**DEWAN NEGARA**

**Selasa, 16 Disember 1997**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang**

**DOA**

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA**

**PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan tersebut.

Saya jemput Setiausaha membacakan perutusan itu sekarang.

*[Setiausaha membacakan Perutusan]*

“15 Disember 1997.

**Perutusan Daripada Dewan Rakyat Kepada Dewan Negara**

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan rang undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujuikannya:

1. Rang Undang-undang Bil Pertukaran (Pindaan) 1997;
2. Rang Undang-undang Perindustrian Sekuriti Luar Pesisir Labuan 1997;
3. Rang Undang-undang Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (Pindaan) (No.2) 1997; dan
4. Rang Undang-undang Majlis Peperiksaan Malaysia (Pindaan) 1997.

Yang ikhlas,

t.t.

YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT.”

#### URUSAN MESYUARAT

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Chong Kah Kiat]:** Tuan Yang di-Pertua, saya akan mencadangkan supaya rang undang-undang yang tersebut di dalam perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan ketiganya di mesyuarat ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

#### JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Faridah binti Abu Hassan.

**Puan Kamilia binti Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 1.

#### KEJATUHAN EKONOMI DAN NILAI RINGGIT - SEKATAN PROJEK PEMBANGUNAN

**1. Puan Kamilia binti Ibrahim [di bawah S.O. 23(2)]** minta Perdana Menteri menyatakan selain daripada beberapa sekatan perbelanjaan tidak perlu dalam mengatasi ekonomi dan nilai ringgit, adakah kerajaan bercadang untuk mengadakan sekatan kepada projek-projek pembangunan yang tidak perlu dan menyenaraikan projek-projek yang boleh dilaksanakan secara Bina Kendali Pindah atau BKP (Build Operate Transfer atau BOT) dan Bina Kendali atau BO (Build Operate).

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, memandangkan kedudukan kewangan semasa negara, kerajaan meneliti kesesuaian pelaksanaan dan keperluan projek-projek berkenaan dari masa ke semasa bagi menentukan pelaksanaannya dapat membantu kerajaan dalam menangani masalah kewangan negara pada masa ini.

Selaras dengan itu, kerajaan sedang meneliti kembali pelaksanaan projek-projek yang telah diswastakan. Dalam hubungan ini, penelitian projek-projek ini berdasarkan kategori projek seperti berikut:

- (i) projek-projek di mana perjanjian penswastaan telah ditandatangani dan pelaksanaannya telah bermula;



- (ii) projek-projek di mana perjanjian penswastaaan telah ditandatangani dan pelaksanaannya belum bermula; dan
- (iii) projek-projek yang telah diluluskan secara prinsip tetapi perjanjian belum dimuktamadkan.

Bagi kategori (i), kerajaan meneliti kemampuan syarikat konsesi untuk mendapatkan sumber pembiayaan daripada bank. Sekiranya pihak syarikat tidak menghadapi masalah untuk mendapatkan sumber pembiayaan, projek tersebut boleh diteruskan. Kerajaan akan menentukan pelaksanaannya setelah pihak syarikat mengesahkan kemampuan syarikat mendapatkan sumber pembiayaan daripada pihak bank bagi mengelakkan projek-projek tersebut terbengkalai.

Bagi kategori (ii), kerajaan pada masa ini meneliti kesesuaian dan kemungkinan menjadualkan semula pelaksanaan projek-projek ini bagi memantapkan kedudukan kewangan negara.

Bagi kategori (iii), proses menamatkan perjanjian konsesi diteruskan dan pelaksanaan projek akan ditentukan mengikut kemampuan kewangan syarikat dan kedudukan ekonomi negara.

#### UBAT “ANTI-OBESITY” - LARANGAN JUALAN

2. **Tuan Kan Kok Kwan** minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah kementerian sedar tentang larangan yang dikuatkuaskan terhadap dua jenis ubat “Anti-obesity” iaitu fenfluramine dan phentermine yang mempunyai kesan-kesan ‘side-effects’. Adakah kementerian dapat menyatakan kepada Dewan ini sama ada larangan tersebut dijalankan dengan berkesan serta penjualannya tidak boleh diperolehi di pasaran terbuka.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' M. Mahalingam]:** Tuan Yang di-Pertua, pada 29 September 1997 pihak berkuasa kawalan dadah Kementerian Kesihatan telah mengarahkan semua pemegang pendaftaran bagi dua jenis ubat “anti-obesity” iaitu Fenfluramine dan Dexfenfluramine agar menghentikan segala urusan pengimportan, pengilangan dan penjualan lapan produk terbabit. Pemegang-pemegang pendaftaran juga perlu menarik balik stok jualan yang telah diedar kepada pengedar-pengedar, pemborong, klinik, farmasi dan hospital berikutan keputusan penggantungan pendaftaran keluaran-keluaran tersebut.

Penggantungan ini adalah berikutan laporan dari Amerika Syarikat yang menunjukkan adanya kesan kerosakan injap jantung dengan penggunaan ubat-ubatan ini. Setakat ini sejumlah 1,429,871 biji ubat-ubat tersebut yang telah ditarik balik dari pasaran oleh pembekal-pembekal terbabit.

Penggantungan fenfluramine dan dexfenfluramine bermakna ubat-ubat tersebut tidak boleh dipasarkan di negara ini. Unit penguatkuasa farmasi dari masa ke semasa akan menjalankan pemeriksaan di klinik-klinik dan kedai-kedai farmasi bagi memastikan penjualan ubat tersebut tidak boleh diperolehi di pasaran.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, memandangkan kedai-kedai farmasi yang banyak terdapat di seluruh negara yang boleh menjual ubat-ubat secara terbuka kepada orang ramai dan memandangkan pengetahuan berkenaan dengan ubat-ubat yang berbahaya ini kepada rakyat di luar bandar begitu susah sekali, bagaimanakah cara kementerian menyampaikan maklumat-maklumat berkenaan dengan ubat-ubat yang berbahaya dari segi pengambilan seperti Yang Berhormat jawab tadi?

**Dato' M. Mahalingam:** Tuan Yang di-Pertua, pil yang disebutkan tadi, pil diet yang mengandungi Fenfluramine dan Dexfenfluramine adalah diklasifikasikan sebagai racun kumpulan B dalam Senarai Racun 1993. Pil-pil diet ini hanya boleh dibekalkan oleh ahli farmasi dengan adanya preskripsi yang dikeluarkan oleh pengamal perubatan khusus untuk rawatan anti-obesity juga. Berkuat kuasa pada 29 September, pihak berkuasa kawalan telah menggantung pendaftaran semua keluaran Fenfluramine dan Dexfenfluramine berasaskan laporan di Amerika Syarikat, sebab itu kita ada kawal perkara ini.

**Puan Kamalia binti Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, kita tahu bahawa maklumat mengenai ubat adalah satu bidang yang terlalu teknikal, begitu juga dengan racun-racun tertentu yang kita juga tahu yang diambil oleh orang awam. Soalan saya ialah dalam usaha kementerian untuk memberitahu orang ramai tentang racun-racun yang common, dengan izin, adakah pihak kementerian bercadang untuk mewajibkan supaya dipamerkan senarai nama ubat-ubat ini ataupun racun-racun ini di kedai-kedai ubat ataupun di farmasi-farmasi? Terima kasih.

**Dato' M. Mahalingam:** Tuan Yang di-Pertua, semua keputusan yang kita ambil mengenai perkara ini adalah dengan menggazet ataupun digazet, memang kita keluarkan dengan gazet-gazet kerajaan. Oleh itu, itulah notifikasi kita beri kepada rakyat.

### AMANAH SAHAM ANGKASA - MEWUJUDKAN DANA

**3. Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba** minta Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi menyatakan Amanah Saham ANGKASA yang akan dilancarkan mengikut jaminan Timbalan Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim dalam ucapan Mesyuarat Agung ANGKASA:

- (a) bagaimanakah pewujudan saham dana melalui Amanah Saham ANGKASA yang akan dilancarkan itu adakah melalui koperasi atau terus kepada setiap individu; dan
- (b) berapa banyakkah peruntukan yang akan diberikan bagi tiap-tiap koperasi yang menjadi ahli ANGKASA.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi [Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini Amanah Saham ANGKASA yang dikenali sebagai ASA akan dibuka kepada koperasi-koperasi yang menjadi ahli ANGKASA sahaja.
- (b) Sukacita saya maklumkan bahawa tidak ada had peruntukan yang dikenakan kepada setiap koperasi yang menjadi ahli ANGKASA untuk membeli ASA.

**Puan Hajah Zaleha binti Hussin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bilakah Tabung Amanah Saham ANGKASA ini akan dilancarkan dan apakah saiz dana tersebut? Terima kasih.

**Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas soalan itu tadi. Adalah dijangkakan bahawa ASA ini akan dilancarkan pada awal tahun 1998. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ASA ini hanya boleh dilancarkan selepas mendapat kelulusan daripada Suruhanjaya Sekuriti (SC). ANGKASA telah mengemukakan permohonan kepada Suruhanjaya Sekuriti pada 17 November 1997 dan setakat ini masih menunggu kelulusan sahaja lagi daripada Suruhanjaya Sekuriti.

Soalan yang kedua tadi berkenaan dengan saiz, saiz dana di peringkat permulaan bagi Amanah Saham ANGKASA (ASA) ialah RM300 juta dan ianya boleh ditingkatkan sehingga RM500 juta.

### AKTA PEKERJAAN 1955 - CADANGAN PINDAAN

**4. Dato' Haji Ahmad bin Ismail** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan apakah cadangan pindaan Akta Pekerjaan 1955 yang akan dibuat oleh pihak kementerian memberi jaminan melindungi

kepentingan pekerja dan dapat memberi insentif kepada pekerja meningkatkan kemahiran mereka selepas menguasai sesuatu bidang seperti yang dilakukan oleh kebanyakan negara maju.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir]:** Tuan Yang di-Pertua, pindaan kepada Akta Kerja 1955 yang dicadangkan oleh Kementerian Sumber Manusia adalah adil dan saksama kepada kedua-dua pihak, pekerja dan majikan, kerana ianya akan memantapkan perlindungan kepada pekerja tanpa menjejaskan kepentingan pihak majikan. Di samping itu, cadangan pindaan itu akan membantu kerajaan menangani masalah kekurangan pekerja menerusi galakan-galakan untuk meningkatkan produktiviti buruh dan juga penyertaan yang lebih dari kalangan wanita dan tenaga kerja terbiar ke dalam pasaran buruh.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan pada sepanjang masa menggalakkan majikan-majikan supaya menghantar pekerja tempatan mereka untuk menjalani latihan semula dan peningkatan kemahiran kerana pekerja-pekerja yang terlatih dan berkemahiran diketahui adalah lebih berkeyakinan dan produktiviti. Banyak dari usaha ini sedang dijalankan dengan pengendalian Tabung Pembangunan Sumber Manusia. Sejak tabung itu dilancarkan pada tahun 1993 seramai lebih kurang 1.6 juta pekerja telah pun dilatih dengan menggunakan lebih daripada RM400 juta.

Sehubungan itu, di antara pindaan penting kepada Akta Kerja 1955 yang telah dicadangkan ialah untuk menggalakkan majikan memperkenalkan lebih banyak bayaran insentif kewangan bagi tujuan meningkatkan produktiviti dan juga pendapatan pekerja. Bayaran-bayaran insentif kewangan tersebut pula akan dikeluarkan daripada perkiraan ordinary rate of pay, sekali gus membebaskan majikan daripada dikenakan kadar bayaran yang tinggi bagi faedah-faedah statutori yang mesti dibayar kepada pekerja apabila keadaan memaksa.

**Puan Hajah Zaleha binti Hussin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pertamanya saya ucapkan syabas kepada pihak Kementerian Sumber Manusia yang telah pun begitu gigih memberi perlindungan kepada kepentingan pekerja-pekerja di negara ini. Tetapi saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kementerian, apakah pihak kementerian sedar dan menerima laporan daripada pekerja-pekerja mengenai ada majikan di negara kita ini memberi layanan dan juga insentif yang lebih kepada pekerja-pekerja asing kalau dibandingkan dengan pekerja-pekerja tempatan di dalam negara kita sendiri. Terima kasih.

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, Undang-undang Buruh di negara kita ini memerlukan semua pekerja dibayar gaji ataupun imbuhan yang sama kepada kerja yang sama. Kami tidak pernah mendapat laporan bahawa ada majikan-majikan yang membayar lebih kepada pekerja asing. Yang adapun pekerja kita yang dibayar lebih, itu sering kita dengar kompelin dari pekerja-pekerja asing tetapi kita ini mengendalikan jutaan pekerja dalam negara kita ini dan sudah tentu kita tidak dapat kawal semua ini sepanjang masa. Jadi, kalau ada kes-kes spesifik maka bolehlah ini dikemukakan kepada Jabatan Buruh yang berdekatan. Insya-Allah, kita akan siasat dan ambil tindakan secepat mungkin.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucap tahniah kepada pihak kementerian kerana di antara pengumumannya akan mendirikan sebuah pusat latihan kemahiran di negeri Perlis dan termasuk beberapa negeri lain.

Di samping itu, saya juga ingin mendapat penjelasan daripada pihak kerajaan, adakah kerajaan sedar bahawa terdapat majikan-majikan lebih cenderung untuk mengambil pekerja-pekerja asing kerana mereka boleh membuat mengikut kehendak mereka sendiri. Bagaimanakah cara kerajaan dapat mengesan tenaga kerja tempatan yang terbiar supaya kita dapat utilised dan gunakan sepenuhnya.

Adakah kerajaan bercadang untuk menubuhkan suatu agensi ataupun suatu badan untuk membuat penyiasatan bilangan pekerja-pekerja tempatan yang ada, yang ingin bekerja tetapi tidak dapat berhubung dengan pihak-pihak majikan yang perlukan pekerjaan.

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, pertamanya mengenai keputusan untuk mengadakan Institusi Latihan Perindustrian di Perlis. Apabila kami di Kementerian Sumber Manusia memikirkan di mana hendak letak ILP ini, saya terbayang-bayanglah muka Ahli Yang Berhormat sahabat saya sejak Dato' Harun dahulu, jadi kita memutuskan untuk adakan satu di Perlis.

Keduanya, tentang majikan lebih cenderung mengambil pekerja asing. Memang itu betul pada satu ketika dahulu, tetapi apabila kerajaan telah memutuskan untuk tingkatkan levi dan kenakan pelbagai bayaran yang lain, maka menggaji pekerja asing telah menjadi terlalu mahal. Saya rasa majikan kita lebih cenderung sekarang ini untuk menggajikan pekerja asing. Cuma majikan kita selalu menghadapi masalah adalah mengenai job hopping, pekerja kita ini selalu melompat dari satu majikan

ke satu majikan dan ini menimbulkan pelbagai masalah. Oleh sebab kestabilan yang diperlukan dalam pelbagai perniagaan, maka itulah sebabnya kadangkalanya majikan lebih minat untuk menggajikan pekerja asing walaupun ianya mahal sedikit, tetapi perkara itu tidak timbul lagi sekarang sebab pengambilan pekerja asing telah pun dibekukan sama sekali.

Ketiganya, memang kita sedar khususnya di luar bandar terdapat begitu ramai sekali pekerja-pekerja yang terbiar ataupun pekerja under employed. Ini kebanyakannya adalah di atas pemilihan mereka sendiri, dia cuma tidak berminat untuk bekerja ataupun bekerja lebih kerana dia rasa cukup dan puas dengan keadaan diri dia, mungkin cukup makan dan sebagainya. Ini adalah satu masalah besar bagaimana hendak ubahkan sikap penduduk-penduduk di luar bandar kita ini supaya selalunya bekerja sepenuh masa dan kerja lebih sedikit untuk meningkatkan taraf hidup kita. Ini kita perlu penglibatan semua, oleh Jabatan Agama, Jabatan Penerangan dan sebagainya. Memang satu jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Dato' Haji Annuar bin Haji Musa, Menteri Pembangunan Luar Bandar telah pun tubuhkan beberapa komiti termasuk kementerian saya juga untuk mengendalikan perkara ini secara bersama.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' V.K.K. Teagarajan.

**Tuan N. Marimuthu:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 5.

#### **PERMIT KERJA PENSYARAH ASING - TEMPOH KELULUSAN**

**5. Tuan N. Marimuthu [di bawah S.O. 23(2)]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan tempoh masa yang diambil untuk meluluskan permit kerja bagi pensyarah asing selaras dengan hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat pengajian antarabangsa.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Ong Ka Ting]:** Tuan Yang di-Pertua, tempoh yang diambil untuk meluluskan permit kerja bagi pensyarah asing ialah tidak melebihi empat minggu. Tempoh ini adalah mulai tarikh permohonan yang lengkap diterima oleh Jabatan Pendidikan Swasta dan diperakukan kepada Jabatan Imigresen Malaysia sehingga endorsement dibuat di dalam pasport.

#### **UBAT IMPORT - JUMLAH**

**6. Puan Kamalia binti Ibrahim** minta Menteri Kesihatan menyatakan jumlah ubatan yang diimport dari luar negara untuk keperluan hospital kerajaan, adakah peruntukan belanjawan mencukupi dengan kejatuhan nilai wang dan apakah perancangan kementerian untuk memastikan ubatan dan keperluan hospital diimport tidak terjejas.

**Dato' M. Mahalingam:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan sentiasa memberi peruntukan belanjawan yang mencukupi bagi memastikan bekalan ubat-ubatan yang mencukupi untuk keperluan semua hospital kerajaan. Bagi tahun 1996, Kementerian Kesihatan membelanjakan RM224,726,574 untuk membeli ubat-ubatan bagi keperluan hospital kerajaan. Peruntukan ubat-ubatan bagi tahun 1997 ialah RM260,831,995. Bekalan ubat-ubatan standard kepada hospital-hospital dan institusi-institusi kerajaan telah diswastakan pada hujung tahun 1994, oleh yang demikian Kementerian Kesihatan tidak dapat memberi nilai ubat-ubatan diimport untuk kegunaan pihak kerajaan. Walau bagaimanapun, mengikut maklumat Remedi Pharmaceuticals (M) Sdn. Bhd., syarikat swasta yang mengambil alih bekalan ubat-ubatan kepada hospital-hospital kerajaan, nilai ubat-ubatan yang diimport untuk bekalan kepada hospital-hospital kerajaan adalah seperti berikut:

<b>Tahun</b>	<b>RM juta</b>
1995	98.8
1996	121.6
1997	115.3

Untuk memastikan keperluan ubat-ubatan hospital tidak terjejas, bagi tahun 1998 Perbendaharaan telah meluluskan peruntukan tambahan untuk ubat-ubatan sebanyak RM75 juta di bawah dasar baru. Untuk mengurangkan kos ubat-ubatan dan mengelakkan negara dari terlalu bergantung kepada ubat-ubatan import, semua hospital kerajaan telah diarah supaya membeli dan menggunakan ubat-ubatan generik buatan Malaysia. Kontraktor pembekal ubat utama bagi hospital-hospital Kementerian Kesihatan iaitu Remedi Pharmaceuticals Sdn. Bhd. juga diminta memperolehi bekalannya dari pengilang-pengilang tempatan.

Kementerian Kesihatan juga menggalak dan membantu perkembangan industri tempatan termasuk menggalak syarikat-syarikat multinasional supaya mengilangkan ubat-ubatan mereka di Malaysia untuk mengurangkan kos dan negara terlalu bergantung kepada ubat-ubatan import.

**Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ada menyebut tadi mengarahkan supaya mengutamakan ubat-ubatan buatan Malaysia. Saya ingin tahu ada kemungkinankah hospital menggunakan ubat tradisi yang dibuat oleh rakyat Malaysia kerana ubat tradisi ini kadangkala ada yang mujarab kepada penyakit-penyakit. Terima kasih.

**Dato' M. Mahalingam:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini tidak ada, tetapi satu masa akan datang kita fikir ada.

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penerangan daripada pihak kerajaan, sepertimana yang dimaklumkan tadi hospital dapat menyediakan ubat yang diimport, doktor yang berpakar, perkhidmatan yang begitu baik, tetapi dengan keadaan perubahan sekarang ini kita mendapati lebih banyak masyarakat lebih suka mendapat khidmat daripada pihak swasta. Apakah pandangan kerajaan perkara ini berlaku dan adakah ini menandakan satu tahap untuk mendapat rawatan perubatan itu telah begitu baik perkhidmatannya tidak lagi di hospital, tetapi adalah di pihak-pihak swasta.

**Dato' M. Mahalingam:** Tuan Yang di-Pertua, sektor-sektor swasta ada yang menggunakan dua jenis ubat. Satu, patent drug dan kedua, bukan patent drug. Umpamanya kita tengok ubat gastro, ubat yang diimport sekarang dengan paten ialah Zantac - yang mahal, tetapi kita pun ada yang paten sudah habiskah atau tidak, tetapi itu sudah jadi generik. Tetapi bila kita jumpa pakar sektor swasta, mereka beri ubat-ubat yang paten, sebab itulah orang suka itu. Macam kita pergi beli VCR, satu tahun atau dua tahun yang lalu kita boleh gunakan VCR, tetapi kita lebih suka beli yang baru, Laser Disc, itulah jadi masalah - manusia. Jadi perkhidmatan yang diberikan oleh hospital, saya kata adalah baik.

#### **JALAN RAYA DI LEMBAH KLANG DAN KUALA LUMPUR DISWASTAKAN - BILANGAN**

7. **Tuan Tee Tiong Hock** minta Perdana Menteri menyatakan pada masa sekarang berapa jalan di Lembah Klang dan Kuala Lumpur telah diswastakan termasuk kelulusan baru.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Dr. Ibrahim bin Saad]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sebanyak sembilan lebuhraya dan jalan



raya di Lembah Klang dan Kuala Lumpur di mana perjanjian penswastaaan telah ditandatangani. Lebuhraya-lebuhraya tersebut adalah seperti berikut:

- (i) Projek Melebar dan Menaiktaraf Jalan Raya Persekutuan I dari Cheras ke Kajang;
- (ii) Projek Melebar dan Menaiktaraf Jalan Sungai Besi;
- (iii) Lebuhraya Baru Pantai;
- (iv) Lebuhraya Tingkat di atas Sungai Klang dari Ampang ke Kuala Lumpur;
- (v) Lebuhraya Damansara-Puchong-Putrajaya;
- (vi) Jalan Pintas Selat Klang Utara Baru;
- (vii) Lebuhraya Utara-Selatan dan Hubungan Tengah;
- (viii) Skim Penyuraian Trafik Kuala Lumpur Barat; dan
- (ix) Lebuhraya khusus Kuala Lumpur ke KLIA, Sepang.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan Lembah Klang ini merupakan sebagai satu pusat pertumbuhan yang amat pesat seperti megalopolis, saya ingin tahu adakah pihak kerajaan ingin membuat satu kajian ataupun adakah satu kajian telah dibuat atau telah pun diajukan kepada kerajaan dari segi sistem pengangkutan di seluruh kawasan kita ini, di Kuala Lumpur, di Lembah Klang dan sebagainya yang boleh menyatupadukan (integrate) antara jalan raya, kereta api dan juga apa sahaja cara pengangkutan supaya ianya dapat mengemaskinikan lagi sistem pengangkutan kita di Klang Valley ini.

**Datuk Dr. Ibrahim bin Saad:** Tuan Yang di-Pertua, ini soalan lain tetapi tidak apalah. Memang kajian permulaan telah dilakukan sebelum pengangkutan LRT dibuat, sebab itu lorong-lorong ataupun LRT ini ada tempat yang ia pergi dan ada tempat yang ia tak pergi sebab itu atas kajian. Baru-baru ini juga satu lagi kajian sedang dilakukan oleh JAICA yang akan memakan masa dua tahun, yang berbelanja lebih kurang RM10 juta. Berdasarkan kepada banyak kajian sebelum ini, itulah sebabnya projek-projek ini dijalankan. Projek-projek ini dijalankan bukan ikut suka sahaja, sebab sudah pasti kalau jalan raya kita buat ikut suka sahaja akan jadi masalah.

**Puan Hajah Rahaiah binti Baheran:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, setelah dipertingkatkan jalan-jalan tersebut adakah pengguna dikenakan bayaran tol? Jika ada, apakah pihak swasta tersebut diwajibkan menyediakan jalan alternatif lain yang tidak perlu membayar tol?

**Datuk Dr. Ibrahim bin Saad:** Tuan Yang di-Pertua, memang kena tollah [*Ketawa*] sebab jalan ini adalah jalan penswastaan. Prinsipnya, buat jalan baru ataupun jalan-jalan lebuhraya ini ialah jalan lama telah ada tetapi hendak mempercepatkan dan hendak melicinkan lagi perjalanan. Kalau kita ambil misalnya Lebuhraya Baru Pantai, memang ada jalan daripada Petaling Jaya masuk ikut Jalan Klang sampai ke Istana memang sudah ada jalan, tetapi hendak mempercepatkan, sebab itu dia kena lalu tepi sungai masuk ke OUG dan sampai ke Puchong ataupun Jalan Ampang, memang Jalan Ampang sudah ada, daripada Ampang sampai ke Kuala Lumpur tetapi disebabkan 'jam' banyak sangat, maka dibuat jalan atas Sungai Klang, daripada Ampang Point sampai atas Sungai Klang, masuk ke Kampung Baru sampailah ke Hyatt Duta.

Jadi semua jalan ini dan juga traffic dispersal Kuala Lumpur Barat dan sebagainya, jalan memang sudah ada tetapi hendak mempercepatkan trafik, oleh sebab itu kita buat jalan alternatif. Oleh sebab jalan ini ada pilihan (choice), hendak gunakan Jalan Ampang lamakah atau hendak gunakan Jalan Ampang baru. Jadi kita buat pilihanlah, kalau hendak gunakan Jalan Ampang baru hendak cepat, memanglah kena tol, tetapi kalau hendak kena 'jam', tak kena tollah.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucap terima kasih kepada Datuk Timbalan Menteri kerana menjawab tadi, nampak macam cara hendak marah sedikit, saya minta maaf. Kita dapati memanglah penswastaan itu satu perkara yang cukup baik dan memberi manfaat terutama sekali kepada kerajaan. Tetapi pagi tadi saya mengikut siaran TV yang mendapat pendapat umum berkenaan dengan bayaran tol ini. Saya lihat semua orang yang bercakap dalam TV itu membantah dan tidak bersetuju kenaikan tol. Ini menunjukkan suatu pendapat yang kalau sekiranya kerajaan tidak memberi perhatian dan tidak boleh mengawal dalam soal ini, mungkin ia akan memberi kesan yang tidak baik kepada kerajaan.

Adakah kerajaan hendak mengkaji semula perjanjian konsesi yang kita beri kepada syarikat-syarikat untuk mengadakan jalan-jalan yang ada tol ini, termasuklah Lebuhraya Utara-Selatan dan

mana-mana lebuhraya di dalam bandar-bandar besar dan saya dengar kerajaan hendak buat lebuhraya melalui pantai, daripada Johor sampai ke Taiping, dia tidak terus sampai ke Perlis. Itu pun satu perkara yang cukup elok juga. Yang itu pun pelik jugalah, dia sampai setakat Taiping sahaja, Perlis ini tidak ada lebuhraya, dahulu pun buat ikut Bukit Kayu Hitam, sekarang pun hendak ikut pantai sampai setakat Taiping, tahniahlah kepada kerajaan hendak tolong negeri Perlis buat macam itu.

Sama ada kerajaan hendak mengatasi masalah ini dia boleh mengambil alih jalan lebuhraya ini, macam kita buat di Bakun bila sudah timbul masalah. Pertamanya, sama ada kerajaan boleh kaji balik syarat-syarat konsesi itu. Kalau tidak boleh, sama ada kerajaan boleh ambil alih pengurusan lebuhraya itu, semua hak swasta yang kita buat yang menimbulkan masalah. Sebab sistem pengangkutan ini satu kemudahan asas yang kita tidak boleh beritahu kepada rakyat kalau tidak mahu bayar tol, ikut jalan lama. Ini satu perkara yang saya ingat tidak logik, tidak munasabah. Bila kita buat kemudahan, kita perlu beri kemudahan kepada rakyat dengan bayaran yang berpatutan. Ini atas bumi Allah Ta'ala beri, ikut jalan, ikut sungai, macam itu juga ikut udara, bukan kena bayar apa, tiba-tiba orang yang dapat konsesi itu hendak ambil untung banyak, terpaksa orang lain disuruh bayar. Apa pandangan kerajaan terhadap masalah ini?

**Datuk Dr. Ibrahim bin Saad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ini kena dijawab oleh Yang Berhormat Dato' Seri S. Samy Vellu pasal tol ini. [*Ketawa*] Walau bagaimanapun, prinsipnya ialah memang jalan yang dibuat ini bukannya dibuat oleh kerajaan tetapi jalan ini dibuat oleh pihak swasta dan kerajaan tidak membayar duit kepada pihak swasta. Kalau tidak ada tol, macam mana pihak swasta ini hendak buat jalan.

Kalau kita tengok negeri kita dahulu, masa tidak ada Lebuhraya Utara-Selatan, kerajaan tidak mampu hendak buat Lebuhraya Utara-Selatan, jadi kita gunakan jalan lama. Kalau hendak tunggu sampai sekarang pun saya ingat mungkin kerajaan tidak cukup duit, oleh sebab itu dia biarkan swasta buat jalan ini dan kita kena bayar tol kepada dia. Tetapi saya setuju bahawa pembayaran tol ini harus berpatutan dan tidak membebankan rakyat. Itu kita semua tahu. Tetapi untuk mengambil alih, kalau dia tidak boleh bayar hutang dia, memang boleh diambil alih tetapi sampai sekarang ini jalan-jalan tol ini tidak ada masalah lagi.

Masalahnya ialah kepada pengguna kalau dia hendak mempertingkatkan, tetapi tiap-tiap penswastaaan ini ada syaratnya yang tersendiri. Saya tidak pastilah syarat-syaratnya bila dia boleh naikkan kadar tol ataupun bila dia tidak boleh naikkan, tetapi seperti yang saya faham, seperti Jambatan Pulau Pinang itu syaratnya dia tidak boleh naikkan harga tol selama lima tahun, sebab itu pihak lain naik kadar tolnya tetapi dia tidak naik. Saya tidak tahu tentang syaratnya bila dia boleh naikkan kadar tol dan bila dia boleh kaji semula. Itu secara yang detailnya. Saya minta maaf tentang negeri Perlis ini, janganlah marah, saya tidak tahu. *[Ketawa]*

**EDARAN OTOMOBIL NASIONAL (EON) - TEMPAHAN  
KERETA PROTON ISWARA**

**8. Dato' Ting Check Sii** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:

- (a) kenapa pihak EON menolak tempahan kereta Proton Iswara daripada pelanggan sejak Jun tahun ini; dan
- (b) kenapa pihak EON mengambil masa begitu lama, kadangkala 6 bulan, untuk menyerahkan kereta yang ditempah; dan adakah pihak EON mampu memenuhi permintaan pelanggan kerana semua rakyat diminta membeli barangan buatan Malaysia.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Tuan**

**Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Keupayaan EON memenuhi permintaan pelanggan banyak bergantung kepada keupayaan pengeluaran Proton Berhad oleh kerana kekurangan bekalan setelah cawangan dan pengedar EON tidak dapat menerima tempahan baru. Dengan siapnya kilang Proton berkapasiti sederhana di Shah Alam, jumlah keseluruhan pengeluaran Proton telah ditingkatkan kepada 230,000 unit setahun. Kini EON berupaya menerima lebih banyak tempahan dan masalah menolak tempahan dapat diatasi.
- (b) Peningkatan kapasiti pengeluaran ini juga membolehkan EON mengurangkan tempoh penyerahan kereta Proton yang ditempah, malah EON pernah mengeluarkan kenyataan akhbar pada pertengahan November lalu berhubung perkara ini di mana EON telah memaklumkan bahawa masa menunggu telah dikurangkan kepada satu bulan. Di samping kilang kapasiti

sederhana ini, kapasiti pengeluaran juga akan meningkat dengan siapnya kilang baru Proton di Tanjong Malim. Pihak Proton yakin bekalan Proton akan mencukupi untuk memenuhi permintaan yang semakin meningkat.

**Datuk Haji Sairin bin Karno:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, di negeri Sabah sebuah kenderaan pacuan empat roda harga di Semenanjung RM99,000 manakala di Sabah RM118,000. Dari segi perbezaan terlalu jauh dan bagaimana pula dengan EON ini, berapakah perbezaan harga untuk di negeri Sabah dan di Semenanjung? Terima kasih.

**Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada maklumat berkenaan dengan perbezaan harga oleh kerana beliau tanya berkenaan dengan kapasiti pengeluaran, jadi saya mohon notis.

#### **SUKAN KOMANWEL 1998 - JENIS SUKAN DIPERTANDINGKAN DI SARAWAK**

**9. Tuan Janggu Anak Banyang** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan apakah jenis sukan yang dipertandingkan di negeri Sarawak semasa temasya Sukan Komanwel XVI yang akan datang:

- (a) adakah pihak kementerian berfikir untuk mengadakan pertandingan bola sepak di negeri Sarawak semasa Sukan Komanwel XVI yang akan datang; dan
- (b) jikalau tidak, apakah sebabnya.

**Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Dato' Loke Yuen Yow]:** Tuan Yang di-Pertua, tidak ada apa-apa jenis sukan yang akan dipertandingkan di Sarawak semasa Sukan Komanwel XVI yang akan datang. Bola sepak bukanlah permainan yang dipertandingkan di Sukan Komanwel XVI ini. Mengikut Perlembagaan Sukan Komanwel, bola sepak tidak termasuk di dalam senarai acara yang dipertandingkan. Antara acara-acara yang akan dipertandingkan adalah seperti berikut: olah raga, renang, gimnastik, angkat berat, tinju, menembak, kriket, hoki (lelaki), hoki (wanita), skuasy, lawn ball, ten pin bowling, bola jaring, badminton, lumba basikal dan ragbi.

**Tuan Janggu Anak Banyang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah sebab Sarawak dielakkan dari menganjur Sukan Komanwel kerana Sarawak juga adalah sebahagian dari Malaysia.

**Dato' Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja Sarawak yang tidak diberi peluang untuk mengadakan sebahagian acara Sukan Komanwel kali ini, negeri-negeri lain pun tidak ada peluang. Ini kita tengok walaupun ada polisi dan hasrat Kementerian Belia dan Sukan dan kerajaan supaya negeri-negeri diberikan peluang untuk mengadakan sebahagian acara, tetapi kita kena tengok dari segi perbelanjaan yang lebih, dari segi infrastruktur yang sedia ada, dari segi kontrol lalu lintas dan sebagainya, jadi bukanlah senang pasal ini satu imej yang mana imej negara yang kita kena jaga. Jadi, kita minta maaf yang mana tidak diberikan peluang. Terima kasih.

**Puan Hajah Rahaiah binti Baهران:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Malaysia menjadi tuan rumah untuk temasya Sukan Komanwel yang akan datang ini, saya ingin bertanya adakah kerajaan memberi perhatian untuk mengetengahkan sepak takraw sebagai satu acara dalam sukan tersebut. Terima kasih.

**Dato' Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, memang kerajaan berasa bahawa acara sepak takraw ini dimasukkan ke dalam senarai acara Sukan Komanwel tetapi bukan kali inilah. Jadi adakah acara ini masuk atau tidak, ia bukan keputusan kerajaan kita tetapi keputusan Commonwealth Games Council. Kita harap apabila sukan ini dijadikan lebih popular antara negara-negara lain, pada satu hari nanti acara ini akan dimasukkan ke dalam senarai acara Sukan Komanwel.

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ini mendapat penjelasan daripada kerajaan tentang kedudukan pasukan Malaysia menghadapi Sukan Komanwel. Soalan ini saya timbulkan sebab pada tempoh hari ada dipertikaikan yang mengatakan ada cadangan-cadangan daripada badan-badan yang tertentu untuk menamatkan jurulatih luar dengan menempatkan jurulatih tempatan. Apakah pandangan kerajaan dan apakah tindakan yang telah diambil oleh kementerian terhadap perkara tersebut?

**Dato' Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, temasya Sukan Komanwel ini adalah satu temasya sukan yang bukan terbesar, tetapi kedua terbesar di dunia. Jadi, ini kita tahu bahawa persaingan dalam sukan ini adalah besar dan kuat sekali bahawa pasukan Malaysia kemungkinan belum sampai tahap yang boleh kita memenangi banyak pingat emas, tetapi kita akan bersaing sedaya upaya supaya kita dapat memungut sebanyak boleh pingat emas seperti badminton, bowling dan sebagainya.

Jadi, untuk menyediakan atlet-atlet kita menghadapi temasya Sukan Komanwel ini kita telah bermula beberapa tahun dahulu mengambil jurulatih-jurulatih daripada negara-negara lain yang mana negara mereka itu adalah kuat dalam sukan itu, tetapi kita nampak ada sebahagian jurulatih dari luar negeri ini tidak bersungguh-sungguh dalam menjalankan tugas mereka dan tidak nampak prestasi yang baik. Jadi terpulanglah kepada persatuan sukan yang berkenaan bahawa adakah wajar supaya mereka memberhentikan ataupun meneruskan kontrak jurulatih itu.

Jadi, Kementerian Belia dan Sukan cuma boleh menasihatkan supaya persatuan itu mengambil satu keputusan yang wajar dan baik sekali. Nampaknya ada satu persatuan yang tidak ingin memberhentikan kontrak jurulatih itu, tetapi jurulatih itu kata dia hendak berhenti, jadi itu kita tahulah bahawa adakah baik pada tempoh ini yang mana kita nampak Sukan Komanwel sudah dekat dan jurulatih dari luar negeri itu hendak meletakkan jawatan. Jadi, kita haraplah ini dapat diselesaikan di dalam persatuan sukan yang berkenaan. Dari segi Kementerian Belia dan Sukan, kita tidak harap apa-apa keputusan yang diambil oleh persatuan yang berkenaan ataupun jurulatih luar negara yang berkenaan akan menjejaskan prestasi pasukan Malaysia kita. Terima kasih.

#### **BAYI PEKERJA ASING - JUMLAH KELAHIRAN DI HOSPITAL SABAH**

**10. Datuk Haji Sairin bin Karno** minta Menteri Kesihatan menyatakan bagi tahun 1993-1997 berapa orangkah bayi pekerja asing yang berdaftar dan haram yang dilahirkan di hospital-hospital di seluruh Sabah.

**Dato' M. Mahalingam:** Tuan Yang di-Pertua, bilangan kelahiran bayi warga negara asing di hospital kerajaan mengikut Jabatan Kesihatan Negeri Sabah adalah seperti berikut:

<b>Tahun</b>	<b>Jumlah Bayi</b>
1993	15,668
1994	10,223
1995	8,431
1996	9,047
1997 (sehingga Julai)	5,293

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya Yang Berhormat, kalau jumlah ini cukup banyak, dekat 50,000 bayi ini, apakah Yang Berhormat hendak buat dengan bayi ini bila besar nanti? Terima kasih. *[Ketawa]*

**Dato' M. Mahalingam:** Tuan Yang di-Pertua, saya beri angka-angka untuk Sabah sahaja. Kalau kita tengok di seluruh Malaysia, pada tahun 1995 seramai 21,230 bayi dan tahun 1996 seramai 22,651 bayi. Yang ini saya tidak boleh jawab, saya ingat Kementerian yang lain boleh jawab perkara ini. Orang datang ke hospital, dia lahirkan bayi, kita terima.

#### MAHKAMAH PERUSAHAAN - JUMLAH KES BELUM SELESAI

**11. Tuan Rosli bin Mat Hasan** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan jumlah yang telah dan belum diselesaikan setakat 1997 bagi kes di dalam Mahkamah Perusahaan.

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, saya memang sedar bahawa soalan ini telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat kerana rasa bimbang di atas kes-kes yang mungkin tertangguh sedikit di Mahkamah Perusahaan, tetapi sukacita saya menyatakan hakim-hakim kita di Mahkamah Perusahaan telah pun mengambil tindakan-tindakan sewajarnya untuk mengurangkan kes-kes tertangguh dengan menambahkan pegawai-pegawai di sana dan sebagainya. Alhamdulillah, oleh sebab usaha-usaha ini, sukacita saya menyatakan sejak 30 November 1997 sebanyak 544 kes telah diselesaikan, yang bakinya adalah 491 kes sahaja dan kebanyakan kes ini adalah yang baru berdaftar dan yang lain pula sedang mula pendengarannya.

**Puan Kamalia binti Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berapa buahkah Mahkamah Perusahaan yang ada dan hakim-hakim Mahkamah Perusahaan dan berapakah kes-kes yang dikendalikan, jika ada dengan Yang Berhormat, jumlah kes-kes yang dikendalikan bagi tiap-tiap tahun dan adakah ratio untuk pengendalian itu memuaskan? Terima kasih.

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya kata tadi, pada satu ketika dahulu memanglah cara ianya dikendalikan tidak memuaskan dan kita telah pun mengambil tindakan-tindakan sewajarnya untuk mengatasi perkara ini dan ianya sedang diatasi dengan jayanya.

Tentang perkara-perkara yang lain, iaitu soalan-soalan yang spesifik, saya memerlukan notis.



**LAPANGAN TERBANG SULTAN MAHMUD, KUALA TERENGGANU -  
PEMBESARAN LANDASAN DAN TERMINAL BARU**

**12. Tuan Haji Hassan bin Ali** minta Menteri Pengangkutan menyatakan bilakan Lapangan Terbang Sultan Mahmud, Kuala Terengganu akan dimulakan pembesaran/pemanjangan landasan dan pembinaan terminal baru sepertimana yang dirancangkan.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, projek pembesaran dan pemanjangan landasan dan pembinaan terminal baru Lapangan Terbang Sultan Mahmud, Kuala Terengganu telah pun diluluskan, namun demikian masih belum lagi ditetapkan tarikh pelaksanaannya. Ini adalah kerana projek ini bersama-sama dengan projek-projek pembangunan yang lain sedang dikaji semula pelaksanaannya oleh kerajaan memandangkan keadaan ekonomi negara kita pada masa sekarang.

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bila kita sebut lapangan terbang, kita terbayang MAS kerana yang akan turun atau perhentian ini khususnya adalah kepada MAS. Jadi saya ada kemukakan satu soalan yang berbunyi, adakah benar MAS bercadang untuk menukar logonya.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Lain ini.

**Tuan Hanipah bin Ahmad:**.....dan kalau benar, apakah pandangan kerajaan terhadap perkara ini?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini soalan lain. *[Ketawa]*

**Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi:** Tuan Yang di-Pertua, tadi apabila kita sebut sahaja Kuala Terengganu, kita faham dengan landasannya. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa terdapat jadual penerbangan di antara Kuala Terengganu dengan Kuala Lumpur tidak begitu sesuai terutamanya kami daripada sektor Ipoh ke Kuala Lumpur hendak pergi ke Kuala Terengganu dan begitu juga saya dapat pasti bahawa Johor Bahru juga dari Senai ke Kuala Lumpur tidak begitu sesuai dengan sektor Kuala Terengganu. Maksudnya, apabila kita sampai di Kuala Terengganu, penerbangan ke Johor Bahru sudah lepas dan penerbangan ke Ipoh juga sudah lepas. Jadi apakah cara untuk menyesuaikan atau tindakan selanjutnya yang perlu diambil oleh kementerian? Sekian, terima kasih.

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Tuan Yang di-Pertua, yang tadi pun terkeluar, yang ini pun terkeluar juga. *[Ketawa]* Bagaimanapun, kita memang sudah sesuaikan perjalanan kapal terbang ini supaya sesuai supaya penumpang tidak tunggu lama, misal kata dari Johor Bahru tiba di Kuala Lumpur tidak tunggu lama dan boleh pergi ke Kuala Terengganu. Bagaimanapun, jika ada penantian ini agak lama, kita akan semak semula supaya perkara ini dapat diperbaiki lagi.

#### **SUKAN KOMANWEL - USAHA MEMPERBANYAKKAN DESTINASI PELANCONGAN**

**13. Tuan Ibrahim bin Daud** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan sekat ini apakah usaha-usaha yang kementerian beliau telah ambil bagi membaiki dan memperbanyakkan lagi destinasi-destinasi pelancongan yang lebih menarik dan semula jadi bagi menarik lebih ramai pelancong datang ke Malaysia menjelang Sukan Komanwel.

#### **Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [Dato' Teng Gaik Kwan]:**

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha membaiki dan mempelbagaikan lagi destinasi-destinasi pelancongan semula jadi bagi menarik lebih ramai pelancong melawat negara ini, kerajaan telah mengambil beberapa langkah yang diantaranya ialah:

- (i) mengadakan Dasar Pelancongan Negara yang menggariskan jenis-jenis produk yang boleh dibangunkan di seluruh negara;
- (ii) menyediakan Pelan Induk Ekopelancongan Kebangsaan yang telah mengenal pasti dan menyediakan garis pembangunan mampan, tarikan-tarikan pelancongan semula jadi yang sedia ada dan tarikan-tarikan baru;
- (iii) membantu kerajaan-kerajaan negeri mewujudkan produk baru yang berasaskan imej tempatan dan cita rasa pelancong asing dan domestik dan mempertingkatkan produk-produk pelancongan yang sedia ada dengan menyalurkan peruntukan pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh;
- (iv) melaksanakan kajian-kajian khusus pelancongan seperti kajian pelancongan domestik, kajian pembangunan muzium, arkib dan galeri, kajian pembangunan air panas, kajian pengurusan pelancongan dan sebagainya

dalam usaha mempelbagaikan produk pelancongan dan mempertingkatkan kemudahan dan perkhidmatannya.

Pelaksanaan pembangunan produk-produk pelancongan melalui:

- (i) projek-projek pemunggaran dan pemuliharaan produk-produk pelancongan yang berpotensi menarik pelancong;
- (ii) mempertingkatkan kemudahan-kemudahan awam di kawasan pelancongan; dan
- (iii) menyediakan penginapan kos sederhana, yakni melalui Hotel Seri Malaysia di kawasan yang berdekatan dengan tempat pelancongan supaya pelancong-pelancong yang kurang mampu dapat mengunjungnya.

Langkah-langkah di atas adalah merupakan usaha-usaha kerajaan yang berterusan, bukan semata-mata untuk menampung keperluan Sukan Komanwel 1998 sahaja malah untuk pembangunan industri pelancongan dalam jangka panjang.

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ini penting, saya hendak tanya Yang Berhormat, soalan ini ialah berkaitan kementerian Yang Berhormat dari segi peranan untuk menarik pelancong di waktu Sukan Komanwel. Ini soalan yang telah diajukan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Ibrahim bin Daud. Saya hendak tanya, selain daripada dasar, pelan induk dan sebagainya dalam konteks menarik ramai pelancong datang ke Malaysia menjelang Sukan Komanwel ini, pertama, adakah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan mempunyai peranan khusus dan bekerjasama ataupun ada masalah dengan pihak Sukom.

Saya bertanya demikian sebab saya dapati kempen menarik pelancong sempena Sukan Komanwel ini saya rasa belum menyeluruh, ini penting, sebab ianya akan berlangsung tahun depan dalam ekonomi yang seperti sekarang ini. Sebab saya lihat sebelum ekonomi jatuh baru-baru ini, saya banyak juga berjalan ke luar negeri, saya tengok tak ada, tak banyak, malah di Kanada sendiri tidak ada anggota Komanwel apatah lagi di negara-negara lain. Di kota raya London sendiri pun, di kedutaan-kedutaan, di restoran-restoran Malaysia tidak ada, tidak banyak, kecuali apa yang dibuat oleh

kementerian baru-baru ini, itu saya ucap tahniah, mengecat bas-bas dua tingkat baru-baru ini ada sambutan, saya tengok cukup menarik.

Jadi saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan peranan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan dalam memberi promosi untuk menarik pelancong sempena Sukan Komanwel, khusus saya tanya. Sekian, terima kasih.

**Dato' Teng Gaik Kwan:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih banyak kepada Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali kerana di atas amat prihatin kepada kementerian saya. Berkaitan dengan soalan yang pertama ialah kementerian saya tidak ada masalah bekerjasama dengan Sukom. Ini amat penting. Yang kedua, kita ada perancangan-perancangan atau program-program khusus untuk menarik lebih lagi pelancong dari luar negeri. Untuk makluman Yang Berhormat, pada tahun 1997 hingga 1998, dua tahun ini kita ada satu projek yang khusus untuk menarik pelancong-pelancong dari luar negeri, begitu juga pelancong dari dalam negeri. Projek ini ialah rekreasi dan sukan kerana kita hendak bekerjasama dengan Sukom untuk menggalakkan lagi pelancong-pelancong masuk ke negara ini.

Lagi satu saya hendak menjawab soalan daripada Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali. Sebenarnya kita sudah membuat banyak promosi di luar negeri. Mengikut kata Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali tidak nampak iklan dan promosi dijalankan di luar negeri, barangkali dia tidak nampak, kerana banyak kita buat - kita buat banyak, Tuan Yang di-Pertua.

*[Ketawa]*

**Tuan Abdillah bin Abdul Rahim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan bercadang untuk membawa pelancong-pelancong ataupun mereka yang akan mengikuti Sukan Komanwel kelak semasa pesta Sukan Komanwel itu ke

negeri Sarawak, memandangkan kita mempunyai banyak produk yang terbaik seperti Gua Mulu dan Gua Niah, manakala hotelnya pun murah juga seperti Hotel Hilton di Kuching dan juga di Batang Ai Resort, seperti yang kita terima edaran daripada PERNAS kadarnya terlalu murah.

**Dato' Teng Gaik Kwan:** Tuan Yang di-Pertua, tadi Timbalan Menteri Belia dan Sukan telah mengatakan dia tidak pergi ke Sarawak. Tetapi kita ada pakej-pakej tourism selepas temasya Sukan Komanwel, kita akan mengadakan promosi. Kita akan menghantar pelancong-pelancong dari luar negeri ke Sarawak, kerana saya sebut tadi jawapan saya ialah ada 'ecotourism'. Kalau 'ecotourism' bukan di Sarawak atau di Sabah, di Kuala Lumpur tidak ada 'ecotourism'. Jadi kita memang hendak pergi ke Sarawak untuk mengunjungi Gua Mulu (Mulu Cave) dan alam semula jadi. *[Ketawa]*

**Tuan Yim Chee Chong:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ini *Berita Harian* semalam - Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad shake hand dengan Presiden Negeri China, Cheng Chek Ming - ini menunjukkan persahabatan antara Malaysia dengan negeri China adalah erat dan baik.

Sekarang saya ingin bertanya tentang pelancong dari negeri China. Dua minggu yang lalu Tuan Yang di-Pertua, saya mengetuai satu rombongan ke negeri China seramai 150 orang untuk menghadiri satu konvensyen di negeri China. Di situ kerajaan tempatan negeri China menyambut rombongan dari

Malaysia, mereka mengatakan Malaysia dengan China adalah kawan yang baik, mereka menghormati Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad. Tetapi di dalam pesawat MAS ada seorang pelancong perempuan, seorang gadis yang cantik, dia kompelin kepada orang lain bahawa beliau ingin masuk ke Malaysia, beliau telah mendapat visa daripada Duta Malaysia ke negeri China, ada visa masuk ke Malaysia. Rombongannya adalah seramai 15 orang. Bila hendak masuk ke Malaysia di dalam pejabat imigresen ada orang mengatakan “you sangat cantik - tidak boleh masuk ke Malaysia” *[Ketawa]* takut dia cari makan di negara kita ini *[Ketawa]* - ada dua makna cari makan. Dia mengatakan kawannya semua sudah masuk ke Malaysia, tetapi dihantar pulang ke negeri China. Apabila .....

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Tuan Yim Chee Chong:** Nanti dahulu kalau hendak minta laluan.

*[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini apa soalnya?

**Tuan Yim Chee Chong:** Apabila lapangan terbang.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Apa soalan tambahannya?

**Tuan Yim Chee Chong:** Soalan tambahan saya belum sampai situ.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini bukan sambung perbahasan ini.

**Tuan Yim Chee Chong:** Ini pendahuluan. *[Ketawa]* Saya mengikuti perempuan China itu turut di Lapangan Terbang Antarabangsa Kwang Ching.

Saya ikut dia berjumpa immigration officer yang berbangsa China, pegawai immigration yang berbangsa China sangat tidak berpuas hati tentang sikap imigresen negara kita. Dia kata 'tengok' dia tunjuk kepada saya, orang ini adalah pelancong China, tetapi imigresen negeri kita ini mengatakan, walaupun ada mempunyai visa dari Duta China, tetapi mereka ditahan dan tidak dibenarkan masuk ke Malaysia.

Soalan tambahan saya, Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Kementerian Yang Berhormat berhubung dengan Menteri Dalam Negeri ataupun Jabatan Imigresen supaya kalau sesiapa dari negeri China yang mempunyai visa yang ditandatangani oleh Duta Besar Malaysia ke negeri China, benarkan dia masuk, kalau dia cari makan, polis kita boleh menangkap dia.

**Beberapa Ahli:** Boleh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau dia mahu kahwin dengan Yang Berhormat pun boleh?

**Tuan Yim Chee Chong:** Ha! Kahwinkah? Itu kahwin lain hal.. Bukan kita bincang di Dewan yang mulia ini. *[Ketawa]* Nanti kita boleh bincang di kedai kopi. *[Ketawa]*

**Dato' Teng Gaik Kwan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan Yang Berhormat ini ada terkeluar sedikit daripada soalan asal. Walau bagaimanapun saya mengucapkan terima kasih kerana dia ada point juga.

Sebenarnya ini adalah di bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN), kalau dikatakan imigresen yang menahan itu - itu adalah di bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN), tetapi visanya adalah 72 jam, kita membenarkan mereka masuk, selepas itu boleh extend lagi. Saya boleh jawab di sini itu sahaja. Yang lain-lain soalan itu, Yang Berhormat tanya KDNlah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat masa untuk pertanyaan bagi Jawab-Mulut sudah selesai.

*[Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan bagi 14 hingga 44 akan dijilid dalam buku berasingan]*

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1998**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.” *[15 Disember 1997]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Yim Chee Chong menyambung ucapan, tetapi pendekkanlah.

**3.40 ptg.**

**Tuan Yim Chee Chong:** Boleh, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Beri peluang kepada Yang Berhormat yang lain.



**Tuan Yim Chee Chong:** Sebab semalam saya nampak ramai Yang Berhormat hendak berucap, tetapi belum dapat peluang. Ini menunjukkan semua Senator menyokong Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad dan menyokong Dato' Seri Anwar bin Ibrahim. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun saya banyak point yang hendak dicakap, hendak disentuh, tetapi oleh kerana nampaknya ramai Yang Berhormat yang ingin berucap, jadi saya pendekkan ucapan saya. Walau bagaimanapun pendek, sekurang-kurangnya 20 hingga 30 minit. *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** 10 minit sahajalah.

**Tuan Yim Chee Chong:** Tuan Yang di-Pertua,.....

**Tuan Yang di-Pertua:** 10 minit sahajalah.

**Tuan Yim Chee Chong:** 10 minit ya. Tengok dahulu Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar, kalau you jadi Tuan Yang di-Pertua, saya boleh cakap panjang lagi. Jadi, saya sokong Tan Sri jadi Tuan Yang di-Pertua kita - semua sokong Presiden kita.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Tuan Yim Chee Chong:** Ya. Menjalankan tugas dengan adil dan saksama. Tuan Yang di-Pertua.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Tetapi selepas puji saya, tidak boleh sambung lebih daripada 10 minit, ya.

**Tuan Yim Chee Chong:** Semalam saya menyentuh mengenai Dana Kewangan Antarabangsa (IMF) Namanya cantik. Pada bulan yang lalu IMF memberi bantuan kecemasan sebanyak US\$17 bilion kepada Thailand dan sebanyak US\$27 bilion kepada Indonesia dan juga bagi bantuan kepada Korea Selatan. Ramai orang sebelum bantuan itu sangka mungkin dapat menyelesaikan krisis kewangan ataupun krisis ekonomi negeri itu, tetapi sebaliknya negara-negara yang menerima bantuan itu lagi teruk keadaan ekonominya.

Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya kalau kita menerima bantuan IMF juga hendak tolong Malaysia, semalam saya katakan pertolongan ataupun bantuan itu harus dari hati yang ikhlas - betul tolong, bukan dengan syarat. Tetapi syaratnya adalah sangat ketat dan tidak adil. Kalau sekiranya kita menerima bantuan daripada IMF, akibatnya pertama kita akan terpaksa membuka pasaran saham dan kepada IMF. Kalau begitu banyak bank tempatan akan ditutup. Kita lihat negeri Thai, sesudah menerima bantuan daripada IMF sebanyak 56 buah bank dan finance company ditutup. Di Indonesia sesudah menerima bantuan daripada IMF sebanyak 15 buah bank dan finance company ditutup.

Mengikut laporan berita yang mengatakan anak lelaki Presiden Indonesia ingin membawa Menteri Kewangan ke mahkamah. Kalau sekiranya kita menerima bantuan daripada IMF, maka kita nampak tidak lama kemudian

bank-bank tempatan akan ditutup. Selain daripada itu sekiranya kita menerima bantuan daripada IMF, interest bank akan dinaikkan dan IMF akan minta kerajaan kita menaikkan cukai. Kalau begitu rakyat akan menderita. Negeri-negeri yang menerima bantuan daripada IMF sebelum menerima bantuan mereka sangka Ringgit ataupun nilai kewangan mereka akan dapat dinaikkan, tetapi sebaliknya sangat mengecewakan, kedudukan nilai wang mereka itu lagi turun. Oleh hal yang demikian, saya juga berpendapat kita tidak akan menerima bantuan daripada IMF.

Sekarang kita mengadakan kemuncak Persidangan ASEAN yang tidak formal. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad juga menjemput Presiden Chang dari negeri China datang ke Malaysia, bincang bersama-sama dengan kita, juga kita menjemput wakil Perdana Menteri Jepun dan wakil dari Korea Selatan ke Malaysia bersama-sama dengan kita, bincang macam mana untuk mengatasi krisis kewangan di Asia ini.

Saya merasa gembira bahawa mengikut laporan *Berita Harian* pada hari ini, yang mengatakan stabilkan keadaan kewangan di Asia, China sedia bantu - Tuan Yang di-Pertua, ini adalah berita harian, bukan saya bercakap bohong. Ini menunjukkan negeri China berhasrat menolong negara-negara ASEAN mengatasi keadaan kewangan yang begitu buruk pada hari ini. Pada hemat saya, bantuan dari China adalah dengan bantuan tanpa syarat, tidak macam IMF.

Saya berharap perhubungan negara kita dengan negeri China akan dapat dieratkan, mengikut laporan akhbar hari ini, bank di negeri China tidak lama lagi akan dibuka cawangannya di Malaysia. Ini kawan dari China lebih baik kawan dari Amerika Syarikat. Amerika Syarikat mengikut *Berita Harian* pada 15 Disember, yang mengatakan bahawa Malaysia bertegas tidak akan mengurangkan syaratnya supaya syarikat insurans asing mengurangkan ekuiti mereka kepada 51%, walaupun Amerika Syarikat mengancam akan mengenakan diskriminasi terhadap negara kita. Tuan Yang di-Pertua, Amerika Syarikat ini menunjukkan sikap yang tidak sopan dan tidak baik terhadap negara kita. Mereka hendak menguasai kedudukan ekonomi di negara kita ini.

Hari ini adalah perang ekonomi, perang dunia adalah perang askar, lawan antara satu sama lain. Negeri Jepun pernah menyerang Malaysia, menduduki negara kita selama 3 tahun 8 bulan dan juga Jepun pada Perang Dunia Yang Kedua menghantar tenteranya ke negeri China, menduduki negeri China secara kekerasan.

Pada 13 Disember ini adalah peringatan [*bercakap dalam bahasa Cina*] bermakna ‘pembunuhan besar di Nanking’. Apabila negeri Jepun menghantar tenteranya menduduki Bandar Nanking selama satu minggu, bandar itu dipenuhi dengan orang Cina seramai 350 orang, tetapi sekarang sudah 60 tahun, ulang tahun yang ke 60 dan baru-baru ini negeri China memperingati hari ini iaitu pencerobohan dari luar negeri yang dahulu orang mencerooboh dengan

tentera, tetapi pada hari ini yang menceroboh ialah dengan wang dan ekonomi. Yang menghantar wang sahaja menguasai negeri orang lain memaksa negeri lain menerima syarat-syaratnya supaya negeri itu menjadi kolonialnya.....

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** *[Bangun]*

**Tuan Yim Chee Chong:** Hendak minta jalan Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Yim Chee Chong, saya hendak minta laluan. Adakah Yang Berhormat Tuan Yim Chee Chong dengan rombongan yang pergi baru-baru ini untuk turut sama menyambut ulang tahun yang disebut tadi?

**Tuan Yim Chee Chong:** Yang ini tidak. Ini lain maksud. Nanti saya terangkan kepada Yang Berhormat di kantin. *[Ketawa]* Sudah ada yang meminta laluan, saya pun tidak tahu mana yang hendak dicakapkan sekarang, sebab ini banyak, Tuan Yang di-Pertua.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Beri peluang kepada orang lain.

**Tuan Yim Chee Chong:** Macam manapun saya ingin menyentuh 34 ahli kongres Amerika Syarikat minta Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad mohon maaf ataupun meletak jawatan. Ini adalah satu sikap yang tidak bersahabat kepada rakyat dan kerajaan Malaysia - 34 orang ini pada hemat saya adalah 'kurang ajar'. Mereka tidak faham sistem politik, mereka tidak faham demokrasi berparlimen yang diamalkan di negara kita ini.

Mengikut Perlembagaan setiap lima tahun kita mengadakan pilihan raya dan siapa yang menang majoriti dalam Dewan Rakyat akan menubuhkan kerajaan. Ini bermakna pemimpin kita Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad adalah dipilih oleh rakyat. Tiga puluh tahun dahulu semasa saya mempelajari Bahasa Kebangsaan Cina baru ada menceritakan Abraham Lincoln iaitu Presiden yang ke-16 Amerika Syarikat pernah mengatakan, 'Kerajaan Rakyat, Oleh Rakyat dan Untuk Rakyat', negara itu tidak akan dilenyapkan di muka bumi ini. Tetapi pada hari ini kita ingin memperingatkan kepada Congressmen Amerika Syarikat bahawa Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad adalah 'Perdana Menteri Rakyat, Oleh Rakyat dan Untuk Rakyat' kita, beliau tidak akan letak jawatan, Tuan Yang di-Pertua.

Saya berharap Amerika Syarikat akan menghormati persahabatan antara Malaysia dengan Amerika Syarikat. Baru-baru ini Duta Besar Amerika Syarikat ke Malaysia mengadakan satu sidang akhbar. Beliau mengatakan seramai 34 ahli kongres yang meminta Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad meminta maaf ataupun meletak jawatan itu adalah tidak wajar.

Saya harap rakyat Amerika Syarikat akan mengetahui congressmen itu adalah tidak wajar dan diharap mereka jangan berbuat demikian pada masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang Maksud B.1 - Parlimen. Saya ingin mencadangkan kepada Dewan Negara yang mulia ini,

tempoh seseorang Ahli Dewan Negara pada hari ini adalah selama 3 tahun. Pada masa dahulu adalah 6 tahun, satu term - 6 tahun, dua terms - 12 tahun, ini panjang sangat. Jadi, kalau satu term 3 tahun untuk Senator pada hemat saya pendek sangat - Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar.

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Yim Chee Chong:** Pendek sangat 3 tahun. Saya sudah masuk Dewan Negara sudah lebih dari satu tahun, bermakna satu tahun lagi saya akan meninggalkan Dewan Negara ini dengan hati yang susah.

Sesudah saya menjadi Senator selama setahun lebih dari tahun ini, saya nampak ramai Senator satu demi satu meninggalkan Dewan Negara yang mulia ini, satu demi satu. Saya susah hati, sebab menjadi kawan yang baik - ha! Orang ini sudah cabut, macam Tuan Ding Seling, Datuk Rahim Baba, Puan Mastika Junaidah, satu demi satu meninggalkan Dewan yang mulia ini. Tiga tahun adalah pendek. Senator-senator sekiranya hendak membuat sumbangan kepada negara, tiga tahun sekejap sahaja sudah habis tempohnya. UMNO dan MIC boleh jadi dua term - enam tahun boleh, tetapi MCA setakat ini ada satu term sahaja, Tuan Yang di-Pertua - satu term sahaja sayonara!

Tuan Yang di-Pertua, dahulu.....

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** *[Bangun]*

**Tuan Yim Chee Chong:** Ya.

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Saya hendak tanya Yang Berhormat Tuan Yim Chee Chong, apa fasal MIC boleh dua term dan MCA satu term? Bolehkan beri penjelasan?

**Tuan Yim Chee Chong:** Soalan ini tanyalah Presiden MCA, nanti jumpalah dia. Kalau saya menjadi Presiden MCA saya akan memberi penjelasan. *[Ketawa]* MCA satu term sahaja, dahulu boleh dua term, tetapi sekarang satu term - tiga tahun, sekejap sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Hendak memberi peluang kepada ramai orang menjadi Senator.

**Tuan Yim Chee Chong:** Betul, sebab ini ramai. Kalau ramai sekejap sahaja satu term, kita sudah berkawan, tidak lama hendak berpisah antara satu sama lain. Jadi, saya mencadangkan .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Kawan - kawan boleh sambung sampai bila-bila tidak payah tunggu jadi Senator.

**Tuan Yim Chee Chong:** Boleh seumur hidup. Tetapi sesudah berpisah hendak jumpa susah - satu di selatan dan satu di utara. *[Ketawa]* Sebab itu kiah menubuhkan Kelab Senator Malaysia, kita hendak aktif. Sebab itu kita hendak hubungkan semua Senator termasuk bekas Senator.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya kerajaan kita akan meminda Perlembagaan agar tempoh Senator itu sama dengan tempoh Ahli Dewan Rakyat - lima tahun, ada sokongan atau tidak Senator-senator, lima



tahun satu term? [*Tepuk*] Diharap kerajaan kita akan menerima cadangan saya ini. Cadangan saya ini bukan untuk kepentingan diri sendiri, ini adalah untuk kepentingan negara dan juga Dewan Negara.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman]:** : Saya minta penjelasan sedikit. Semasa Yang Berhormat Tuan Yim Chee Chong dahulu menunggu hendak menjadi Senator, dia kata mengapa tiga term, sebab tiga tahun dia kata lama sangat semasa dia menunggu. Sekarang apabila dia telah menjadi Senator dia kata terlalu singkat. Jadi, saya hendak tanya macam mana pendirian ini?

**Tuan Yim Chee Chong:** Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya bukan menunggu singkat sangat oleh kerana kita berkhidmat kepada rakyat untuk tempoh tiga tahun adalah singkat. Saya sudah berkhidmat selama empat puluh tahun, kalau tiga tahun 'sap-sap soi' orang Cina cakap, bukan saya tunggu untuk menjadi Senator. Saya tidak mahu jadi Senator, saya mahu berniaga - lagi untung. Tetapi demi kepentingan negara saya terima jawatan Ahli Dewan Negara (Senator) - itu saya hendak jelaskan kepada Yang Berhormat. Adakah sesiapa lagi yang hendak meminta laluan? [*Ketawa*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah - cukup, Yang Berhormat.

**Tuan Yim Chee Chong:** Jadi, saya mencadangkan Tuan Yang di-Pertua, tempoh Ahli Dewan Negara dipanjangkan dua tahun lagi menjadi lima

tahun sama tempoh dengan Dewan Rakyat, diharap kerajaan akan menerima cadangan ini demi kepentingan negara.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya tutup, sebab banyak saya tidak sempat cakap.

**Tuan Yang di-Pertua:** Penutup.

**Tuan Yim Chee Chong:** Ya. Saya berasa gembira, pada hari ini semasa negara kita menghadapi krisis kewangan dan ekonomi semua rakyat jelata dari semua bangsa dan kaum menyokong Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, termasuk ahli-ahli Senator dari PAS pun menyokong Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad. Dato' Nik Aziz, Menteri Besar Kelantan pun mengatakan hari ini kita mengetepikan perselisihan fahaman politik, kita sokong Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada seramai 34 orang ahli kongres dari Amerika Syarikat, kerana dengan isu ini menunjukkan rakyat jelata di negara ini menyokong Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, berdiri teguh di belakang Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, menyokong penuh terhadap perjuangan Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad yang belum selesai akan selesai.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai penutupnya saya menyokong usul yang dibentangkan oleh DPM - Dato' Seri Anwar bin Ibrahim. Kita menyokong

Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad dan kita menyokong Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, kita bersama menghadapi kemelut, kita beri sokongan yang penuh yang tidak berbelah bahagi kepada Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad dan Dato' Seri Anwar bin Ibrahim untuk menghadapi krisis kewangan dan krisis ekonomi, berat sama dipikul. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datuk Haji Sairin bin Karno.

**4.01 ptg.**

**Datuk Haji Sairin bin Karno:** Tuan Yang di-Pertua, saya turut bangun untuk menyokong Rang Undang-undang .....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat sebelum berucap, saya mahu memberitahu pada pukul 4.30 Yang Berhormat Menteri-menteri akan menjawab

**Datuk Haji Sairin bin Karno:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua tolong ingatkan jika sudah sampai waktunya. Saya turut bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Perbekalan yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang dikasihi.

Sebagaimana yang kita sedia maklum bila ambang alaf baru kerajaan terpulas, kita terhempas, kita terseliuh dan kita terperenyok akibat angkara kemiskinan yang melanda kita di sebabkan oleh angkara beberapa orang

pemimpin yang kita tidak ingini, yang telah disebut-sebut oleh beberapa orang rakan-rakan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, walau macam manapun, alhamdulillah, kerana dengan daya tahan negara masih tinggi dan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang dikasihi, kita ingin mengucapkan tahniah semoga mereka akan terus dapat menangani masalah-masalah yang semakin hari semakin menghimpit kepada kita.

Saya ingin membaca petikan ucapan semasa persidangan global di Kuala Lumpur, di mana Perdana Menteri menyatakan ‘Bagi keamanan abad ke-21, tiada sebarang bentuk ‘egominism’ atau pengaruh kekuasaan sesebuah negara ke atas negara lain yang harus diterima. Kita mesti memastikan pemerintahan secara global yang sepenuhnya demokratik.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin, saya ingin memetik ucapan Menteri Kanan Singapura Dato’ Lee Kuan Yew, dengan izin, “*in nearly every economic crisis the root is political not economic*”. Saya sebut kedua-dua perkara ini sebab selama saya melihat, menyaksikan kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato’ Perdana Menteri, daripada awal beliau menceburi politik dengan tulisan-tulisannya yang kadang-kadang kita anggap luar biasa dan mencabar, sehinggalah beliau memegang jawatan sebagai Perdana Menteri ternyata bahawa barangkali ini rahmat Tuhan kepada negara Malaysia yang tercinta, lahirnya seorang pemimpin yang telah menyambung kepimpinan demi

kepimpinan, Perdana Menteri demi Perdana Menteri yang menangani masalah negara Malaysia kita.

Saya yakin dan percaya bahawa Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad dapat melihat bahawa ada agenda-agenda yang tidak baik, yang ingin mengkhianati negara kita terutama Malaysia Asia secara keseluruhannya. Setiap tingkah-laku, setiap buruk sangka yang dibuat oleh musuh-musuh yang kita tidak ingini ini terutama daripada negara-negara Barat yang tidak ingin melihat pemimpin daripada Asian ini melebihi kepintarannya daripada pemimpin-pemimpin negara luar, maka mereka mencari jalan apa sekali pun untuk menjatuhkan atau untuk mencari jalan supaya pemimpin ini tidak bercakap lantang. Bagi kita rakyat Malaysia secara keseluruhan ternyata bahawa kita memang berdiri teguh di belakang kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kadang-kadang kita kasihan tetapi inilah barangkali mainan Barat yang saya ingat telah sampai waktu bagi kita untuk mencari alternatif.

Saya ingin mencadangkan di sini kalau boleh diterima. Kalau negara-negara Barat mempunyai kuasa ekonomi penentu mereka sendiri, kenapa tidak kita fikirkan barangkali Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atau menteri-menteri kita memikirkan supaya kita mewujudkan sebuah ekonomi Asia yang hanya berputar di kawasan Asia sahaja. Bermakna kalau boleh kita cadangkan cuba kita atasi perkara ini, kita berkecuali daripada kita tutup pintu kita

kepada negara-negara Barat selama lima tahun. Maknanya kalau apa pun yang kita buat, kita buat di kalangan Asia, negara China pun sudah seramai 1.2 bilion orang, India hampir 600 juta penduduk dan kalau kita kumpul-kumpul negara kita ini, berapa bilion yang ada di sini dan apa keperluan yang kita import atau dieksport daripada negara-negara Barat bolehlah kita buat secara barter trade kalau perlu di kalangan negara Asia yang ada di sini. Saya yakin, Perdana Menteri terfikir soal ini cuma barangkali cara pelaksanaan bagaimana, mungkin inilah yang sedang dicari jalan.

Hari ini pemimpin-pemimpin berada di Kuala Lumpur dan saya beryakinan bahawa seandainya inilah yang dilakukan oleh pemimpin-pemimpin Asia, saya percaya perkara ini dapat diatasi. Untuk mengatasi masalah IMF ini, memang satu perkara yang susah sebab kita sedia maklum kebanyakan negara di dunia ini menggunakan Dollar Amerika. Bila Dollar Amerika ini mereka cetak sebegitu banyak macam mana pun, tidak kurang daripada 80% penggunaan wang Amerika di seluruh dunia boleh digunakan. Tetapi kita di Malaysia ini menjadi mangsa bukan sahaja Malaysia, bahkan Russia, Thailand, Indonesia, Jepun, Korea dan sebagainya juga turut menjadi mangsa, malah ini adalah permainan orang-orang daripada Barat.

Jadi, saya ingin menguatkan sokongan dan cadangan saya agar kita bentuk satu kesatuan Asia yang hanya berkisar di negara Asia sahaja. Apa bentuk-bentuk lain, masalahnya barangkali biarlah pemimpin-pemimpin kita

fikirkan. Kalau Proton Saga sahaja barangkali kita boleh import, kita boleh eksport ke China, kita boleh eksport ke negara India dan di mana-mana negara yang sesuai. Mana yang tidak terdapat di negara kita yang kita import barangkali kita akan mencari alternatif lain sama ada daripada China, daripada India atau daripada negara-negara Asia, tidak payah lagi ke Amerika, tidak payah lagi ke London, tidak payah lagi ke negara-negara Barat. Itupun terserahlah kepada pucuk pimpinan untuk memikirkannya.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya terlalu banyak yang saya buat di sini, tetapi oleh kerana masa tidak mengizinkan dan saya yakin ada lagi rakan-rakan kita yang ingin memperkatakan soal Rang Undang-undang Perbekalan ini, maka saya ingin mengalihkan perbahasan saya mengenai Maksud B.26 - Pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak rakyat seluruh negeri Sabah, kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada kerajaan khususnya Kementerian Pendidikan yang mana ingin melaksanakan pendidikan yang terbaik dan terunggul di rantau ini, malah di seluruh dunia. Saya percaya pelaksanaan information technology, budaya ingin maju dan ingin menjadi negara terunggul di dunia, insya-Allah akan dapat kita laksanakan seandainya kita berhati-hati dalam melaksanakan apa juga hal.

Saya ingin menyentuh negeri Sabah yang agak menyedihkan, bila kita lihat keputusan UPSR yang telah kita baca melalui akhbar pada hari ini,

Selangor mendapat tempat pertama, kedua - Terengganu, ketiga, keempat dan seterusnya yang nombor dua terakhir adalah negeri Sarawak dan yang ter'uncit' atau yang terkebelakang sekali ialah negeri Sabah, di mana hanya mencapai 1% atau lebih kurang 346 pelajar sahaja yang mendapat pangkat 'A'. Kalau kita lihat kenapa ini berlaku, memang bukan mustahil, sebab salah satu masalahnya barangkali ialah tentang masalah pembangunan pendidikan di Sabah yang memang agak terkebelakang. Saya bukan menyalahkan pendidikan atau menyalahkan sesiapa, tetapi terus terang kita katakan kerana daripada awal sehingga sekarang, nampaknya politik di Sabah selalu tidak menentu dan pemimpinnya bertukar ganti, sehingga yang menjadi mangsa ialah rakyat marhain yang tidak berdosa.

Hari ini saya merayu supaya peruntukan yang telah diberikan kepada Kerajaan Negeri Sabah di mana keutamaan memang telah diberikan khasnya kepada Kementerian Pendidikan dan Kerajaan Malaysia yang mana sebanyak 15.10% daripada RM8 bilion peruntukan yang diperuntukkan di seluruh negara telah diberikan kepada Sabah yang jumlahnya lebih kurang 15.10%. Jadi, dalam konteks ini memang Sabah telah diberi keutamaan, cuma apabila disebut bahawa ada pengurangan 18% yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri Malaysia, saya turut menyokong. Cuma kalau boleh untuk negeri Sabah, kita sedia maklum barangkali sudahlah Sabah ini terkebelakang dan terpinggir dalam banyak hal, Sekolah Bestari pun baru 7



buah, kemudian boleh dikatakan sebanyak 495 buah sekolah rendah yang tidak mempunyai bekalan elektrik dan 119 buah sekolah yang hanya dibekalkan oleh bekalan elektrik luar bandar dan JKR. Kemudian 376 yang dibekalkan dengan generator dan bila generator disebut maknanya banyak lagi sekolah-sekolah yang tidak mendapat peruntukan ataupun penggunaan elektrik secara terus daripada Lembaga Letrik Sabah atau Lembaga Letrik Negara apabila ianya telah diswastakan.

Jadi, saya mohon supaya pengurangan 10% hingga 18% ini kalau boleh janganlah dikurangkan, terutama untuk sekolah-sekolah yang kritikal, kalau barangkali tiada masalah politik, kita pun tidak mahu minta ini terutama barangkali apabila PBS memerintah selama 9 bulan, kita mendapat gerhana dalam konteks ini, kerana waktu itu kerajaan yang memerintah negeri Sabah, saya bukan menuduh, tetapi memang satu kenyataan di mana kita terkebelakang dalam banyak hal dalam konteks pendidikan. Kalaupun umpamanya ada potongan 18% ini, tidak apalah cuma saya difahamkan bahawa Universiti Malaysia Sabah yang telah diinisiatifkan oleh Kerajaan Barisan Nasional dan kelulusan daripada Kerajaan Malaysia, saya mengucapkan berbanyak terima kasih, mereka juga mempunyai rancangan untuk mendirikan hotel dan barangkali untuk membuat blok-blok bangunan universiti itu.

Jadi, kalau umpamanya barangkali mahu dikurangkan 18% itu, mungkin itu bolehlah difikirkan, sebab barangkali hotel untuk Universiti

Malaysia Sabah ini bukan juga tidak perlu, tetapi masih boleh ditangguhkan. Begitu juga dengan blok-blok bangunan, mungkin masih lagi ada peluang untuk kita supaya ianya kita tangguhkan dahulu daripada 18% itu, tetapi untuk rumah guru, kalau boleh memang kita mohon supaya janganlah dipotong terutama di district level, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Begitu juga dengan rumah-rumah daif memang banyak peruntukan yang akan menjadi atau bermasalah seandainya 18% ini dilibatkan kepada rumah guru dan bangunan-bangunan sekolah.

Saya juga ingin melahirkan jutaan terima kasih barangkali di Dewan yang mulia ini perlu juga diketahui bahawa semasa bencana 'Greek' menimpa negeri Sabah, kerosakan yang telah dialami oleh sekolah-sekolah, bangunan dan lain-lain ialah berjumlah lebih kurang RM9.255 juta. Inilah peruntukan yang diberikan oleh kerajaan melalui Kementerian Pendidikan.

Saya mengucapkan terima kasih, sampai begini banyak yang terpaksa dikeluarkan kerana akibat 'Greek' ini, cuma secara kebetulan waktu itu kita terpaksa meminta Kementerian Pendidikan begitu juga JPPS, dengan kerjasama JKR untuk membina sekolah. Saya bukan anti kepada mana-mana ataupun tidak bersetuju dengan mana-mana, tetapi saya ingin mencadangkan kalau bolehlah pembangunan untuk sekolah atau bangunan-bangunan untuk sekolah di negeri Sabah, kalau boleh mengikut macam cara dahulu. Maksud saya pada masa dahulu, Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pendidikan

Negeri Sabah yang melaksanakan bangunan-bangunan sekolah ini, sehinggakan boleh dikatakan dari segi melaksanakan tugas itu Jabatan Pendidikan boleh melaksanakannya dalam tempoh tiga minggu. Ini pada masa ribut 'Greg' yang berlaku. Kemudian JPPS dengan Kementerian Kerja Raya, mereka melaksanakan sehingga empat minggu. Jadi, kalau ditengok dari segi keberkesanan, nampaknya oleh kerana pendidikan itu adalah bidang mereka dan memang mereka lakukan daripada dahulu, barangkali itulah sebabnya mereka dapat melaksanakannya atau menyiapkannya dalam masa tiga minggu, kemudian Jabatan Pembangunan Persekutuan pula memakan masa lebih seminggu daripada yang telah dibuat oleh Kementerian Pendidikan. Jadi, saya mohon kalau boleh supaya ianya dikembalikan kepada Kementerian Pendidikan, mana-mana yang teknikal atau yang memerlukan khidmat nasihat, maka bolehlah mereka memohon bantuan daripada Jabatan Pembangunan Persekutuan Negeri Sabah ataupun daripada Jabatan Kerja Raya (JKR) ataupun "Jasa Kepada Rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi barangkali yang ingin saya sentuh, baru-baru ini Kementerian Pendidikan telah memperkenalkan beberapa anugerah, kemudian secara kebetulan sebuah sekolah yang mempunyai pelajar lebih kurang hampir 3,000 kalau plus dengan Sekolah Menengah SMK Agasi II, pelajarinya hampir 3,000 lebih atau 4,000. Secara kebetulan sekolah ini telah terpilih sebagai sekolah harapan negara, jadi kita sedia maklumlah bila dia

disebut ‘sekolah harapan negara’ bermakna sekolah ini adalah antara sekolah yang terbaik dalam banyak hal berbanding dengan sekolah-sekolah lain di seluruh negara. Jadi, apa yang agak menyedihkan secara kebetulan saya ke sana baru-baru ini dan bertemu dengan beberapa kakitangan sekolah termasuk pengetuanya.

Saya bertanyalah apa yang telah diberikan, macam di Kementerian Pembangunan Luar Bandar ia ada Gerakan Desa Wawasan. Jadi, secara kebetulan Gerakan Desa Wawasan salah sebuah kampung yang telah dipilih sebagai kampung contoh, kampung terbaik ialah di tempat saya sendiri, iaitu di Kampung Tudan Baru Keningau. Kementerian telah memperuntukkan projek-projek dan wang ringgit yang kesemuanya berjumlah lebih kurang RM50,000. Jadi, dengan wang RM50,000 yang diberikan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar ini, maka dapatlah kampung itu melaksanakan beberapa projek yang boleh menaiktarafkan kampung itu dan banyak perkara yang telah mereka nikmati selain daripada yang diberikan oleh Kerajaan Negeri Sabah sendiri

Jadi, saya sentuh ini kerana saya melihat bahawa apabila ‘sekolah harapan negara’ ini telah dipilih, saya memohonlah barangkali kerajaan negeri juga memang sedang mencari jalan untuk memberikan sesuatu imbuhan atau apa juga namanya dalam konteks pendidikan ini. Saya mohon juga Kementerian Pendidikan agar meneliti dan melihat apakah yang boleh diberikan kepada sekolah ini, tidak pun barangkali dalam bentuk wang ataupun

apa juga, tetapi kita mohon supaya ada sesuatu imbuhan yang diberikan, mungkin satu dewan yang besar atau dewan serbaguna yang besar dan sebagainya. Jadi, kalau saya sentuh mengenai dengan pendidikan, memang banyak hal, tetapi saya cukupkan untuk di sini dahulu.

Saya juga ingin menyentuh mengenai Maksud B.44 - Kementerian Penerangan. Tuan Yang di-Pertua, beberapa minggu yang lalu saya pernah menegur dan meminta Kementerian Penerangan ini supaya meneliti, melihat serta memeriksa kenapa siaran TV kita sering terganggu di negeri Sabah, begitu juga dari segi pengeluaran suaranya terutama siaran radionya tidak begitu bagus dan sehingga ianya telah berlarutan, saya ingat lebih kurang dalam tiga bulan. Jadi, kita mintalah supaya Kementerian Penerangan mengambil tindakan yang wajar secepat mungkin, kerana dalam keadaan sekarang almaklumlah di Sabah kadang-kadang perkara yang bukan-bukan boleh berlaku. Jadi, kita mohon supaya ianya tidak akan menjadi satu perkara yang apabila ianya menjadi isu barulah kita tangani. Mungkin juga salah satu masalah yang dialami oleh Radio dan Televisyen negeri Sabah, kerana barangkali peralatan yang ada di sana kebanyakannya saya difahamkan sudah terlalu tua dan sudah usang. Kalau tidak silap saya, Kementerian Penerangan melalui menterinya pernah menyatakan bahawa beliau sedia untuk menggantikan peralatan yang sudah usang.

Saya mohonlah supaya Yang Berhormat Menteri Penerangan, Timbalannya atau Setiausaha Parlimennya mencari jalan, sebab saya ingat peruntukannya pun masih ada sedikit, tolonglah supaya ianya dapat dilaksanakan secepat mungkin.

Untuk tidak membuang banyak waktu saya juga ingin menyentuh mengenai dengan Maksud B.1 - Parlimen. Saya lihat di sini rakan-rakan Ahli Yang Berhormat daripada dahulu sampai sekarang menegur di mana pegawai-pegawai kerajaan kita ada yang tidak ada tempat duduk. Lihatlah di hadapan saya ini ada beberapa orang yang berdiri - tidak ada tempat duduk. Begitu juga di belakang saya ini pun ada beberapa orang pegawai kerajaan kita yang tidak ada tempat duduk. Apa salahnya kalau boleh barangkali kita convert, dengan izin, supaya salah satu daripada tempat pemerhati ini, kalau tidak menyalahi kedudukan kita di dalam Dewan Negara ini, diperuntukkan kepada mereka, saya melihat kasihan juga mereka berdiri sehingga beberapa jam. Jadi, kita mohon supaya perkara ini diambil tindakan secepat mungkin.

Saya juga ingin memberikan pandangan, dalam risalat yang baru-baru ini telah diberikan kepada kita, iaitu buku-buku tebal itu dibuat dalam dua bahasa. Barangkali kalau boleh supaya Parlimen dapat mencari alternatif, kalau untuk Ahli Dewan Negara di sini, beri salah satu sahaja, berapa untuk dicetak dalam bahasa Inggeris dan satu lagi dicetak dalam Bahasa Malaysia, jangan kedua-duanya diberikan kepada kita. Saya ingat cukuplah diberikan

kepada kita dalam Bahasa Malaysia (bahasa Melayu). Begitu juga yang lain-lain saya tengok agak banyak, jadi kalau boleh barangkali Parlimen memikirkan untuk perkara ini diambil kira.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak Parlimen, kerana saya difahamkan bahawa kekurangan petugas di Parlimen walaupun tidak ditambah, tetapi diambil daripada Jabatan Perdana Menteri. Saya ingat ini adalah satu langkah bijak, walaupun barangkali untuk melatih mereka yang baru dalam menganggotai Parlimen ataupun kakitangan ini memakan masa, tetapi sekurang-kurangnya tindakan telah diambil. Jadi, untuk ini saya ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih. Cuma barangkali saya kadang-kadang segan juga bila kita tegur-tegur, tetapi kalau bukan kita yang menegur siapa lagi. Macam bilik air kita kadang-kadang terlalu licin, saya tidak tahu apa chemical, apa jenis sabun yang digunakan di situ. Kadang-kadang ada rakan-rakan kita yang jatuh sehingga terseliuh.

Saya difahamkan juga di bilik air wanita juga tidak ada macam wangi-wangian (perfume) kalau boleh biar wangi-wangi sedikitlah. Barangkali sabun atau chemical yang digunakan ini kalau boleh ditukar jangan lagi licin, sebab kadang-kadang mendatangkan masalah. Begitu juga saya tengok pamnya tidak begitu baik dan berkesan, jadi saya mohon perkara ini kalau dapat diambil perhatian.

Mengenai dengan Maksud B. 4 - Suruhanjaya Pilihanraya. Ramai rakan yang pernah menyuarakan supaya Suruhanjaya Pilihanraya ini.....

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat .....

**Datuk Haji Sairin bin Karno:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada Yang Berhormat minta laluan.

**Datuk Haji Sairin bin Karno:** Silakan.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan sama ada di Dewan yang mulia ini Datuk akan membenarkan Ahli-ahli Yang Berhormat lain yang ingin bercakap, kerana tadi sudah sebut pada pukul 4.30 menteri akan menjawab, tetapi sekarang ini ada lebih kurang dalam 8 minit lagi.

**Datuk Haji Sairin bin Karno:** Saya akan berhenti apabila Tuan Yang di-Pertua mengatakan 'cukup'. Untuk makluman sebab saya difahamkan bahawa kita ada satu rang undang-undang lagi yang juga lebih kurang macam ini, mengenai dengan kewangan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Esok.

**Datuk Haji Sairin bin Karno:** Esok, okay. Kalau begitu barangkali cukuplah sampai di sini, dua minit lagi.

Mengenai dengan Suruhanjaya Pilihanraya saya minta sebab rakan-rakan dahulu pun ada menyatakan mempunyai beberapa cadangan di mana kita



deposit untuk penamaan pilihanraya (election) Parlimen dan Negeri, satu ketika dahulu telah dicadangkan sampai RM30,000 dan sekarang ini untuk Dewan Undangan Negeri RM3,000 dan untuk Parlimen RM5,000.

Saya bersetuju dan saya mencadangkan untuk menguatkan cadangan yang sedia ada supaya RM30,000 ini dikenakan sebab kita melihat bahawa ada rakan-rakan kita atau rakyat di Malaysia ini yang kadang-kadang dengan sesuka hati menyertai pilihanraya ini sebab deposit kita terlalu rendah. Jadi, untuk tidak membuang masa walaupun barangkali tinggal sedikit, saya faham, saya minta maaf kepada Yang Berhormat yang ingin mengambil waktu, tetapi oleh kerana barangkali banyak yang diperkatakan, tidak apalah kita akan sambung dalam masa-masa yang mengizinkan. Untuk itu saya sekali lagi dengan ini menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Puan Hajah Ramlah binti Kassim. Ada 7 minit sahaja, cukup tak?

**Puan Hajah Ramlah binti Kassim:** Tengoklah keadaan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Try ya.

**4.24 ptg.**

**Puan Hajah Ramlah binti Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang juga sebagai Menteri Kewangan, yang telah membentangkan Rang Undang-undang Perbekalan 1998. Walaupun perbekalan tersebut terpaksa

dikurangkan sebanyak 18%, tetapi kalau hendak dibandingkan dengan nilai wang kita ketika ini masih di paras yang rendah.

Saya mengucapkan syabas dan terima kasih kepada kerajaan kerana masih dapat mempertahankan demi kepentingan rakyat terutama rakyat golongan miskin yang berpendapatan rendah, yang kebanyakannya berada di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, berlakunya kejutan kejatuhan Ringgit Malaysia adalah sebagai satu hikmah kepada kita, kerana dalam tengah-tengah suasana rakyat gembira, berada di dalam kemewahan dan kemajuan aman damai, berlaku keadaan sedemikian.

Tuan Yang di-Pertua, semenjak negara mencapai kemerdekaan, kualiti hidup rakyat Malaysia di negara ini terus meningkat, segala kemewahan hidup dari segi makanan, pakaian dan pembangunan segala-galanya cukup mewah kalau hendak dibandingkan dengan negara-negara luar yang lebih dahulu mencapai kemerdekaan daripada kita. Ini kita tidak nafikan disebabkan kegigihan dan kesungguhan pemimpin-pemimpin kita untuk membangunkan negara ini dan untuk melihat rakyat negara ini terus maju serta dapat menikmati hasil perjuangan dan sekali gus untuk membawa rakyat Malaysia ke mata dunia agar dunia dapat lihat Malaysia, walaupun kecil tetapi mampu bersaing dengan negara-negara membangun. Tuan Yang di-Pertua, dengan

berlakunya kejutan ini semoga kita akan lebih berhati-hati dan lebih bersedia dari semua sudut agar perkara yang sama tidak berulang lagi.

Tuan Yang di-Pertua, cuba kita ingat kembali sejarah silam yang menyelubungi negara kita. Persekutuan Tanah Melayu ketika itu, negara kita pernah dijajah dan di akhir-akhir ingatan saya semasa pemerintahan Jepun dahulu kita telah dikejutkan dengan penderitaan yang amat pahit. Sungguhpun wang Jepun berlambak-lambak tidak ada harga, tetapi sungguh sukar untuk mendapatkan makanan dan pakaian. Rakyat menderita dan terus menderita, kelaparan hidup dengan memakan ubi kayu dan sangat sukar untuk mendapatkan beras. Begitu juga dari segi untuk mendapatkan pakaian dan jauh sekali untuk mendapat pembangunan. Yang demikian adalah sudah cukup untuk menjadikan sebagai satu pengalaman dan pengajaran pada kita untuk kita bertindak dan mengatasinya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada semua kementerian dan jabatan yang telah bekerja keras bagi mencapai kejayaan. Walau bagaimanapun, pandangan saya agar semua kementerian dan jabatan sentiasa mengkaji, mengawasi serta bertindak lebih awal, kemungkinan sesuatu masalah kejutan mungkin terjadi terhadap rakyat dan negara kita. Jika ini ada di dalam ingatan kita, jika berlaku juga maka masalah itu dapat dikurangkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh mengenai Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana peruntukan yang besar kepada kementerian ini. Ini adalah sewajarnya dan tidak terlibat dengan potongan budget yang telah dibentangkan. Pada saya, kementerian ini harus berhati-hati tentang perbelanjaan terutama peruntukan makanan di setiap kelas TBK, kerana didapati makanan tersebut ada sebahagian tidak digunakan sebaik mungkin, yang demikian, di sebahagian tempat berlakulah pembaziran dan penyelewengan serta salah guna kuasa, kerana memberi makanan berlebihan itu tidak pada tempat yang sepatutnya. Begitu juga tentang tindak-tanduk segelintir penyelia yang telah menyalahgunakan kuasa terutama setiap tahun apabila tiba masa pemilihan parti. Mereka ini berebut-rebut untuk mendapatkan jawatan kerana kononnya jawatan ini menentukan kedudukannya.

Tuan Yang di-Pertua, kita bimbang kalau perkara ini terus berlaku walaupun bilangannya kecil, tetapi kalau tidak dibendung awal-awal lagi masyarakat akan berpecah, jika berpecah adalah sangat sukar untuk disatukan semula, yang demikian adalah bercanggah dengan hasrat sebenar kerajaan untuk menubuh jabatan ini.

Menyentuh tentang Kementerian Pertanian sebagaimana yang banyak disentuh oleh rakan saya, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada kementerian ini jika rancangan Buku Hijau dihidupkan semula, kerana inilah salah satu cara untuk membantu masyarakat mengurangkan perbelanjaan harian.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Tan Sri Halim, Ketua Setiausaha Negara yang telah mengarahkan semua jabatan kerajaan menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi di dalam semua urusan. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada kerajaan yang telah memberi kepercayaan melantik Puan Rafeah Salim sebagai wakil kita ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Kita berasa bangga kerana beliau adalah wanita pertama dari ASEAN yang dapat menduduki jawatan itu. Dengan kata-kata itu, saya menyokong di atas usul ini dan mengucapkan ribuan terima kasih. Sekian.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya minta esoklah oleh sebab masa sudah sampai untuk menteri-menteri menjawab.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tetapi saya hendak beri pandangan saya. Saya telah melalui Rang Undang-undang Kewangan ini, saya dapati banyak perkara yang saya hendak bercakap tidak ada kaitan. Sebab pindaan Rang Undang-undang Kewangan ini spesifik, khusus perkara-perkara tertentu. Oleh sebab itu, kalau saya cakap esok atas rang undang-undang ini, maknanya menteri tidak akan menjawab apa yang saya cakap oleh kerana di luar daripada perkara yang berkaitan. Oleh sebab itu, pemilihan Ahli Dewan Negara ini bukan sekadar hendak beri peluang, tetapi hendak mengenal pasti apa yang perlu diperbincangkan. Kalau Tuan Yang di-Pertua tidak benar saya pun tidak mengapalah, tetapi itu pandangan saya, saya minta Dewan yang mulia ini catat apa yang saya sebut.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Sekarang saya minta Kementerian Kewangan menjawab.

**4.32 ptg.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Affudin bin Haji Omar]:** Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan Belanjawan 1998 di Dewan yang mulia ini. Saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk menjawab dahulu kerana saya masih ada lagi dua rang undang-undang yang perlu dibentangkan di Dewan Negara. Saya minta maaf kepada rakan-rakan.

Tuan Yang di-Pertua, kami amat menghargai pandangan dan teguran yang membina khususnya yang menyentuh peranan Kementerian Kewangan. Seterusnya saya akan cuba untuk memberi penjelasan serta mengulas seberapa banyak isu yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semasa membahaskan Belanjawan negara. Untuk Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah dapat peluang berucap, di dalam pembentangan undang-undang ataupun Rang Undang-undang Kewangan (No.2) 1997 esok, dapat berucap di dalam masa membahaskan dasar, yang mana di dalam Dewan Rakyat pun ada ahli-ahli yang tidak berpeluang berucap, dapat berucap dan mereka boleh berucap sebebas-bebasnya mengenai kewangan dan Belanjawan yang telah dibentangkan.

Tuan Yang di-Pertua, semasa Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan menyampaikan ucapan menggulung perbahasan Belanjawan 1998 di Dewan Rakyat, Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan telah menegaskan bahawa kita tidak terpengaruh oleh komen-komen negatif yang dibuat oleh media asing dan penganalisis modal asing yang menyatakan pakej cadangan yang terkandung dalam Belanjawan 1998 adalah tidak memadai untuk menangani kegawatan ekonomi yang dihadapi oleh negara. Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan juga menegaskan bahawa cadangan dalam Belanjawan 1998 tersebut adalah bukan sesuatu yang muktamad, kerana jika ada keperluan yang lebih mendesak kerajaan akan terus mengambil tindakan dan langkah-langkah yang sewajarnya bagi memastikan ekonomi Malaysia terus mapan dan kompetitif.

Kegawatan ekonomi yang terus melanda negara-negara rantau ini, memerlukan kita memperkenalkan langkah-langkah dan strategi terbaru selari dengan perkembangan semasa bagi mengukuhkan kesabilan ekonomi dan untuk menanamkan keyakinan pelabur-pelabur terhadap sistem kewangan negara. Justeru itu, Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan telah memperkenalkan langkah-langkah dan strategi tambahan kepada Belanjawan 1998 di Dewan Rakyat pada 8 Disember 1997 yang bertujuan untuk mengukuhkan asas-asas ekonomi termasuk langkah-langkah untuk mengurangkan defisit akaun semasa, mengekalkan disiplin fiskal, meningkatkan kedudukan sumber negara dan mengukuhkan sistem perbankan. Antara langkah tersebut adalah:

- (i) menangguhkan atau membatalkan pelaksanaan beberapa projek infrastruktur yang tidak strategik;

- (ii) mengurangkan perbelanjaan Kerajaan Persekutuan sekurang-kurangnya sebanyak 18% dalam tahun 1998;
- (iii) mengkaji semula atau membatalkan jika perlu sebarang pembelian barangan asing oleh agensi kerajaan dan meningkatkan penggunaan bahan tempatan bagi projek penswastaan;
- (iv) mengenakan duti import yang lebih tinggi ke atas bahan pembinaan, barangan penggunaan dan kenderaan bermotor; dan
- (v) memperkenalkan rancangan kredit untuk memastikan pengurangan pertumbuhan kredit.

Di samping itu, langkah tambahan yang lain juga telah diambil bagi memperkukuhkan lagi sektor perbankan dan korporat. Di antaranya adalah seperti:

- (i) memastikan institusi perbankan mematuhi rancangan kredit secara tegas;
- (ii) memastikan penagihan kredit diberi keutamaan hanya kepada aktiviti produktif, berteknologi tinggi dan menjana pertukaran asing sahaja;
- (iii) menghendaki institusi perbankan lebih berwaspada dalam membuat panggilan margin;
- (iv) meminta sektor swasta mengambil langkah berjimat cermat dan mengkaji semula syarikat-syarikat korporat dan semua permohonan bagi penyenaraian baru terbitan hak dan penyusunan semula korporat dibekukan dan kelulusan baru tidak diberi.

Tuan Yang di-Pertua, ramai Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan isu kegawatan ekonomi yang sedang melanda negara kita pada masa ini dan menyokong langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk mengatasi kegawatan tersebut.

Yang Berhormat Puan Hajah Hunaizah binti Mohamad Noor dan Yang Berhormat Ustazah Jamilah binti Ibrahim telah menyarankan supaya kerajaan menjalankan langkah berjimat-cermat bukan sahaja ketika negara sedang mengalami kegawatan ekonomi tetapi juga ketika ekonomi berkembang pesat. Saya ingin menjelaskan bahawa kerajaan telah mengamalkan pengurusan kewangan berhemat

tidak kira sama ada ekonomi sedang pesat berkembang ataupun ketika ekonomi merosot. Perbelanjaan berhemat yang diamalkan oleh kerajaan telah membolehkan baki keseluruhan kewangan Kerajaan Persekutuan mencatatkan lebih semenjak tahun 1993, yakni belanjawan kita semenjak tahun itu merupakan belanjawan surplus ataupun belanjawan berlebihan.

Projek-projek infrastruktur yang dijalankan oleh kerajaan termasuk yang dijalankan secara penswastaaan adalah untuk meningkatkan tahap keupayaan kita bagi membolehkan ekonomi terus berkembang pesat dalam usaha kita untuk mencapai taraf sebuah negara maju dan bukan merupakan satu tindakan yang boros. Usaha kerajaan untuk memulihkan ekonomi tidak tertumpu kepada satu-satu sektor tertentu sahaja, tetapi sebaliknya kerajaan mengambil pendekatan pelbagai hala. Langkah kerajaan mengurangkan pengaliran keluar mata wang dan menggalakkan eksport hendaklah dipandang sebagai satu usaha yang serius. Pmotongan tambahan sebanyak 18% bagi perbelanjaan kerajaan bagi tahun 1998 adalah untuk mengukuhkan kedudukan kewangan kerajaan tanpa mengeneipikan tanggungjawab kerajaan terhadap rakyat.

Sehubungan dengan ini, Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali telah mencadangkan supaya bukan sahaja gaji menteri Kabinet dan timbalan menteri dipotong 10%, tetapi elaun yang diterima oleh mereka hendaklah juga dipotong. Suka saya jelaskan di sini apa yang lebih penting ialah semangat yang tersirat yang ditunjukkan oleh menteri dan timbalan menteri bagi menangani masalah ekonomi dan tanda sokongan kepada langkah berjimat yang dijalankan oleh kerajaan.

Saya juga ingin mengalu-alukan cadangan Yang Berhormat Dato' Ghazi bin Haji Ramli supaya sektor swasta turut sama memainkan peranan dalam menangani masalah ekonomi ketika ini. Sektor swasta hendaklah mencontohi dasar berjimat-cermat yang dijalankan oleh kerajaan. Bayaran gaji yang tinggi di sektor swasta bagi golongan profesional dan pengurusan seharusnya dikaji semula selaras dengan pertumbuhan ekonomi yang diramalkan sebanyak 4% hingga 5% dalam tahun 1998, iaitu tahun depan.

Tuan Yang di-Pertua, program penswastaaan yang dijalankan oleh kerajaan adalah bertujuan untuk mengurangkan beban kewangan dan pentadbiran kerajaan, meningkatkan kecekapan dan daya pengeluaran aktiviti ekonomi, menggalakkan pertumbuhan ekonomi, mengurangkan saiz dan



penglibatan sektor awam dalam ekonomi dan membantu pencapaian matlamat dasar pembangunan nasional. Untuk mencapai objektif-objektif ini adalah tidak menjadi dasar kerajaan untuk menawarkan projek-projek penswastaaan kepada pihak-pihak tertentu dan hanya kepada kumpulan-kumpulan tertentu sahaja yang akan mendapat faedah dan pelaksanaan dasar penswastaaan seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman.

Semua rakyat adalah berhak untuk mengemukakan cadangan penswastaaan kepada kerajaan. Jawatankuasa penswastaaan yang keahlian terdiri dari pelbagai kementerian dan agensi kerajaan akan meneliti cadangan yang dikemukakan sebelum membuat perakuan kepada kerajaan. Ini bagi memastikan prosedur pelaksanaannya adalah telus dan tidak menimbulkan keraguan. Dalam hubungan ini, syarikat yang mengemukakan cadangan yang dapat memenuhi kriteria yang ditetapkan dalam dasar penswastaaan mempunyai keupayaan untuk melaksanakannya akan mempunyai peluang untuk ditawarkan bagi melaksanakan projek berkenaan.

Namun begitu, Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah memastikan supaya terdapat juga syarikat-syarikat kecil menganggotai syarikat konsesi yang diwujudkan bagi sesuatu projek penswastaaan untuk menjamin supaya syarikat-syarikat tersebut juga mendapat faedah daripada program penswastaaan.

Berhubung dengan isu pembinaan projek Hidro-Elektrik Bakun seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali, kerajaan memang sedar tentang keperluan tenaga elektrik negara menjelang dekad akan datang serta peningkatan kos yang lebih tinggi di masa hadapan sekiranya projek tersebut dihentikan sekarang. Oleh yang demikian, kerajaan telah mengambil keputusan untuk tidak memberhentikan pembinaan Hidroelektrik Bakun, tetapi hanya menangguhkan pelaksanaannya setelah mengambil kira perkembangan keadaan semasa ekonomi negara. Walau bagaimanapun, kerajaan akan meneruskan beberapa komponen projek yang sedang berjalan seperti river diversion tunnel, dengan izin, dan penempatan semula penduduk yang terlibat di kawasan pembangunan projek ini.

Mengenai isu kenaikan kadar tol seperti yang dibangkitkan, ingin saya jelaskan di sini bahawa kerajaan memang sentiasa peka kepada setiap pandangan dan rungutan rakyat. Dalam hubungan ini, dasar kerajaan adalah jelas, iaitu sebarang kenaikan kadar tol dan utiliti lain hanya akan dilaksanakan

selepas kajian terperinci dibuat agar ianya tidak membebankan rakyat jelata dan tidak meningkatkan kos menjalankan perniagaan.

**Datuk Haji Sairin bin Karno:** Minta laluan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Apabila tersebut tol, kalau boleh saya ingin tanya apakah benar dakwaan daripada pihak tertentu bahawa bayaran bonus kepada kakitangan tol adalah 13 bulan gaji?

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat memastikan kesahihan ini, tetapi saya dengar pun begitulah. Yang Berhormat Menteri tidak mengatakan tidak.

**Seorang Ahli:** Enam bulan sahaja.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Enam bulan sahaja. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tidak akan tunduk kepada sebarang tuntutan untuk menaikkan kadar tol dan utiliti lain secara sewenang-wenangnya. Selaras dengan pendirian ini kerajaan telah memutuskan untuk mengkaji semula permintaan PLUS untuk menaikkan kadar tol dan perundingan lanjut dengan PLUS akan diadakan bagi mencari jalan penyelesaian muktamad kepada isu kenaikan tersebut.

Mengenai cadangan Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali supaya Bank Rakyat tidak diswastakan, saya ingin menjelaskan bahawa Kementerian Kewangan belum bercadang untuk menswastakan bank tersebut. Begitu juga dengan Bank Pembangunan dan Bank Industri. Namun demikian, Kementerian Kewangan telah bersetuju supaya Bumiputra diswastakan. Proses penswastaannya kini berada di peringkat akhir. Walau bagaimanapun, memandangkan masalah ekonomi pada masa ini, kerajaan telah memutuskan supaya semua penyenaian baru syarikat-syarikat di Bursa Saham Kuala Lumpur ditangguhkan. Oleh itu, penyenaian Bank Bumiputra juga adalah tertakluk kepada keputusan tersebut.

Berhubung dengan teguran Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman terhadap pemberian kontrak penukaran logo MAS adalah dimaklumkan bahawa kontrak tersebut telah diberikan kepada syarikat tempatan, iaitu syarikat yang bernama Freedom Design Sdn. Bhd. secara usaha sama dengan Difenbakh Alkej, sebuah syarikat asing yang mempunyai kepakaran dalam membina identiti korporat baru di dalam bidang penerbangan. Penukaran logo MAS adalah penting untuk menjadikan MAS sebuah syarikat penerbangan global yang terbesar dan dihormati di mata dunia. Kempen bagi

mengiklankan imej baru MAS pula akan dibuat oleh Leo Bernard Advertising yang juga merupakan sebuah syarikat tempatan.

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** *[Bangun]*

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, ya....

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Berapakah anggaran kos pertukaran logo MAS yang dimaklumkan kepada pihak kerajaan?

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini saya tidak tahu tentang anggaran. Yang Berhormat bolehlah rujuk kepada Kementerian Pengangkutan apabila pihak Kementerian Pengangkutan menjawab nanti mungkin mereka dapat memberitahu kos yang sebenar mengenai penukaran ini.

Tuan Yang di-Pertua, pasaran saham yang merosot ketika ini bukanlah berpunca daripada kesilapan mana-mana pihak dalam menguruskan perjalanan industri sekuriti. Sebaliknya ianya adalah akibat dari spekulasi ke atas mata wang dan pengaruh pasaran saham serantau. Sebelum pergolakan mata wang, Indeks Komposit Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) telah mencatatkan paras tertinggi sebanyak 1,271.57 mata pada 25 Februari 1997. Semasa krisis mata wang Indeks Komposit BSKL telah menjunam kepada paras terendah tahun ini sebanyak 526.12 mata pada 26 November 1997, iaitu kejatuhan sebanyak 58.6%. Cadangan Yang Berhormat Dato' Eng Hoi Choo supaya kerajaan mengadakan satu mekanisme yang boleh mengawal turun-naik saham yang ekstrem serta langkah membendung kegiatan jualan singkat (short-selling), dengan izin, di BSKL adalah dialu-alukan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pasaran saham negara adalah sebuah pasaran terbuka iaitu harga saham dan jumlah urusniaganya ditentukan oleh kuasa pasaran, yakni kuasa permintaan dan kuasa penawaran. Ia juga dipengaruhi oleh faktor-faktor lain seperti prestasi syarikat, kegiatan spekulasi, sentimen pelabur, kestabilan politik dan juga prestasi pasaran utama dunia. Di masa yang sama kerajaan sememangnya menyedari kemungkinan harga saham dimanipulasi oleh setengah-setengah pihak. Suruhanjaya Sekuriti dan BSKL sentiasa menjalankan pengawasan bagi mengelakkan pengepungan saham atau, cornering of stock, manipulasi harga atau sebarang bentuk ketidakpatuhan undang-undang sekuriti oleh mana-mana pihak.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kegiatan jualan singkat di BSKL adalah dilarang sama sekali dan merupakan satu kesalahan menurut peruntukan seksyen 41, Akta Perindustrian Sekuriti 1983. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Negara yang mulia ini bahawa pada masa ini kita sedang membentangkan satu pindaan undang-undang kepada Akta Sekuriti Industri yang mana akan diperketatkan lagi undang-undang yang akan menahan pada masa ini sedang dibahaskan di Dewan Rakyat yang akan mengetatkan lagi usaha-usaha menghalang short selling. Jikalau dahulu orang-orang yang ada kaitan direct, terus-menerus dengan syarikat sahaja dipertanggungjawabkan ataupun dikenakan liabiliti. Sekarang keluarganya, bekas pengarah, bekas pengerusi pun jikalau dipastikan mereka mendapat habuan daripada maklumat-maklumat dalam, mereka pun boleh didakwa ke mahkamah. Inilah yang akan dibawa kepada Dewan Negara pada hari akhir, mungkin Ahli-ahli Yang Berhormat boleh membahaskannya.

Di samping itu, aktiviti pinjaman sekuriti ataupun Security Borrowing and Lending Activities and Regulated Short-Selling, dengan izin, yang sebelum ini dibenarkan ke atas beberapa saham tertentu juga telah dilarang. BSKL telah mengeluarkan pekeliling pada 5 September 1997 melarang sebarang aktiviti regulated short selling, dan BSKL sentiasa mengawasi aktiviti ini dalam urusan harian yang dijalankan oleh ahli-ahlinya dan sebarang ketidakpatuhan yang dilakukan oleh ahli-ahlinya akan dikenakan tindakan yang sewajarnya supaya kepentingan pelabur terjamin dan peranan pasaran saham sebagai salah satu sumber pembiayaan modal pelaburan tidak tergugat.

Berhubung dengan saranan Yang Berhormat Ustazah Jamilah binti Ibrahim supaya sistem ekonomi sekarang ditukar kepada sistem berlandaskan Islam, saya suka menjelaskan di sini bahawa kita tidak harus terburu-buru menukar sesuatu sistem. Walau bagaimanapun, kerajaan telah memperkenalkan sistem perbankan Islam melalui penubuhan Bank Islam Malaysia Berhad dalam tahun 1983 dan pembukaan kaunter Sistem Perbankan Tanpa Faedah (SPTF) dalam sistem perbankan konvensional. Sistem perbankan Islam yang telah diperkenalkan oleh kerajaan telah menunjukkan tahap perkembangan yang menggalakkan dengan jumlah bank konvensional yang turut serta dalam SPTF telah meningkat kepada 24 buah bank perdagangan, 9 buah syarikat kewangan dan 3 buah bank saudagar.

Jumlah deposit terkumpul dari sistem perbankan Islam adalah berjumlah sebanyak RM9,200 juta sementara jumlah aset terkumpul pula berjumlah RM13,100 juta sehingga akhir bulan Julai 1997. Dalam pasaran modal pula kerajaan akan memperkenalkan indeks saham Islam di BSKL dengan tujuan untuk menjadikan Kuala Lumpur sebagai pusat kewangan Islam serantau. Suruhanjaya Sekuriti telah meluluskan senarai awal sebanyak 371 buah syarikat yang disenaraikan di BSKL pada 18 Jun 1997 sebagai sekuriti yang dibenarkan oleh Majlis Syariah untuk diniagakan di bawah prinsip syariah. Kerajaan juga telah meluluskan penubuhan broker saham Islam, iaitu BIMB Sekuriti pada tahun 1994 untuk membolehkan pelabur-pelabur mengursniagakan saham syarikat yang dibenarkan oleh Majlis Syariah tersebut. Di samping itu, kerajaan juga telah membenarkan penerbitan sekuriti hutang swasta secara Islam atau Islamic Private Debt Security, dengan izin, bagi memperkembangkan lagi pasaran modal berasaskan Islam. Di antara Januari hingga Julai 1997 jumlah sekuriti hutang swasta Islam yang diterbitkan adalah sebanyak RM4,000 juta.

Dalam industri insurans pula kerajaan telah memperkenalkan urusan insurans berasaskan prinsip Islam atau Takaful melalui 2 buah syarikat, iaitu Syarikat Takaful Malaysia Sdn. Bhd. dan MNI Takaful Sdn. Bhd. Kedua-dua syarikat ini juga telah menunjukkan perkembangan yang pesat dengan jumlah aset dana Takaful berjumlah RM576 juta pada 30 Jun 1997.

Dalam usaha untuk meluaskan asas percukaian negara melalui percukaian tidak langsung, dalam Belanjawan 1998 kerajaan telah mengumumkan mengenai cukai perkhidmatan ke atas beberapa perkhidmatan pengurusan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Tuan Charern Interchat, perkhidmatan pengurusan termasuklah pengurusan tenaga manusia, audit dalaman, sistem maklumat pengurusan serta pemasaran dan jualan. Pada masa ini Jabatan Kastam dan Eksais Diraja sedang menyediakan garis panduan mengenai pelaksanaannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyentuh pendapat yang diberikan oleh Yang Berhormat Tuan Yim Chee Chong tadi bahawa kita tidak seharusnya menerima sokongan IMF. Alhamdulillah, setakat ini kedudukan kita masih lagi teguh dan kita tidak perlu mendapat bantuan IMF. IMF yang kita tahu bahawa bantuan itu mempunyai banyak 'conditionalities'nya yang akhirnya akan menggugat kedaulatan ekonomi negara kita. Tetapi keadaan kegawatan sekarang jikalau kita hendak

mengelakkan daripada dijajah oleh IMF semestinyalah semua rakyat Malaysia mengikut saranan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk berdisiplin dan mengikut segala arahan kerajaan di dalam usaha kita, strategi kita di dalam memaksimumkan eksport dan meminimumkan import supaya kita dapat memastikan bahawa sumber-sumber modal negara disalurkan kepada pengeluaran barang-barang tradible ataupun barang-barang yang boleh didagangkan ke luar negara dan meminimumkan barang-barang dan perkhidmatan yang tidak tradible. Jadi, ini adalah satu penyelesaian yang paling berkesan. Jikalau semua rakyat menyokong ke arah ini, iaitu dengan mengurangkan penggunaan barang import, maka insya-Allah, kita akan dapat menyelesaikan di dalam masa yang singkat sepertimana yang dianalisiskan oleh banyak ahli-ahli ekonomi dunia. Setakat ini, alhamdulillah, tetapi kalau ianya berpanjangan, maka segala sumber modal kewangan kita akan kecil dan masa itu kita terpaksa meminta pertolongan luar, dan apabila pihak swasta kita terpaksa membayar bayaran hutang luar yang banyak, maka masa itulah terpaksa minta tolong IMF. Tetapi setakat ini belum lagi.

Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian bahawa hutang kerajaan adalah negligible, dengan izin, tidak banyak. Yang banyak hutang luar adalah daripada pihak swasta. Tetapi itu pun jikalau dicampur semua sekali servis hutang kita hanyalah 6% daripada kadar yang ada, dan ini adalah kadar yang cukup selamat. Tetapi di dalam hutang luar negara servis kerajaan hanya 1.1%, 5% yang lain adalah hutang korporat dan hutang bukan kerajaan. Inilah yang patut direalisasikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa keadaan hutang kita dan juga keadaan non-performing loans kita adalah rendah dibandingkan dengan negara lain. Jikalau kita bandingkan sahabat-sahabat kita yang telah tersungkur, loan performing mereka adalah tinggi sehingga 30% pun ada. Kita sekarang hanya 4.3% dalam keseluruhan sistem perbankan kita. Dalam commercial bank kita hanya 3.6%, ini adalah angka yang rendah. Mungkin dalam satu dua bulan jikalau ini tidak diperbetulkan ianya akan naik sedikit. Tetapi saya pasti dengan kepimpinan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, rakyat akan mengikut disiplin yang dikehendaki oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir.

Sebagai penutup, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat.

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, minta laluan. Saya ucapkan syabas dan terima kasih di atas jawapan kementerian. Dalam ucapan yang diberi oleh Timbalan Menteri adalah satu jawpan yang begitu - orang kampung kata, yang payah berlatih. Saya ingin mendapat penjelasan dalam jangka masa pendek dimaklumkan yang Malaysia tidak akan mengambil apa pun bentuk sumbangan pada IMF. Tetapi sekarang kita sudah dapat mendengar yang mengatakan ada negara-negara lain, dengan dana yang ada ingin mengemukakan dana untuk Malaysia. Umpamanya kita dapat mendengar hari ini mengatakan China sendiri juga ada minat dan Jepun juga ada minat untuk membantu negara ASEAN dalam mengatasi masalah kemelut wang sekarang. Adakah Malaysia juga akan mempertimbangkan cadangan itu dengan syarat-syarat yang khusus dan membawa manfaat dan keuntungan kepada Malaysia, adakah Malaysia juga akan mempertimbangkan tawaran atau hasrat baik negara-negara yang tersebut.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Hanipah. Tentang negara-negara yang tersungkur yang terpaksa mengambil bantuan IMF, satu daripada sebabnya yang mereka tersungkur ialah unjuran hutang luar negeri mereka terlalu banyak dan juga persoalan mengenai pelaburan terhadap sektor-sektor yang tidak produktif. Jadi, inilah sebab asasnya unjuran kepada sektor yang tidak produktif. Tetapi alhamdulillah, di Malaysia unjuran itu adalah sedikit, sebab semenjak dua tahun yang lalu Bank Negara telah menghadkan pinjaman kepada sektor perumahan dan sektor equity financing, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Kita telah dapat mengawal keadaan yang kalau kita perlu mengambil bantuan IMF pun adalah di dalam apabila sektor-sektor swasta kita tidak dapat menyempurnakan pembayaran hutangnya.

Setakat ini saya diberitahu bahawa keadaan ini belum lagi timbul di negara kita. Tetapi saya 'berlapiklah', kalau kadar mata wang kita terus jatuh dan bebanan hutang yang ditanggung oleh sektor swasta negara bertambah, maka keadaan mungkin berubah. Tetapi sekarang ini jikalau kita cepat memastikan bahawa kebocoran ekonomi kita tidak berlaku dengan banyak dan juga kita cepat mengambil langkah-langkah yang tertentu seperti rang undang-undang yang dibentangkan nanti, kita akan dapat menyelamatkan diri kita dengan jayanya, insya-Allah. Jadi, setakat ini belum lagilah. Ingin saya nyatakan dan selalu saya nyatakan di Dewan Rakyat bahawa walaupun kegawatan berlaku di

dalam sektor currency dan juga pasaran modal negara, khususnya BSKL, the real economy atau ekonomi sebenar belum lagi terjejas. Pembangunan masih lagi terus berlaku, tidak ada kren-kren yang kosong, tidak ada rancangan-rancangan yang ditinggal begitu sahaja sepertimana di negara-negara jiran kita. Tetapi ini harus dipertahan dengan dasar-dasar dan strategi-strategi yang drastik yang diambil oleh kerajaan. Jadi, saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian akan dapat menyebarkan perkara ini kepada rakyat supaya apa yang diambil oleh kerajaan walaupun ianya pahit sedikit, walaupun minum gula, macam di Perlis mereka minum teh gula sekerat gelas, di Perlis bubuh gula secamca teh sudah, jangan bubuh gula sampai sekerat gelas. Jadi, sekarang kerana itu bukan sahaja membazir, malahan ianya membawa kemudatan kepada kesihatan. Perkara yang kecil-kecil, kerana kita mengimport gula, RM800 juta setahun kita import gula, RM9,000 juta setahun kita mengimport barang-barang makanan sahaja. Jadi, apa yang dilakukan oleh kementerian yang berkaitan perlu disokong, dan Ahli Yang Berhormat sekalian adalah menjadi opinion leaders dan juga activist untuk menyokong ini. Saya harap begitulah.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di atas sokongan yang telah diberikan di samping memberikan pandangan dan cadangan yang bernas semasa membahaskan Belanjawan 1998. Walaupun perkara-perkara yang telah dibangkitkan dan tidak dapat diulas satu persatu, kementerian saya akan mengambil maklum dan perhatian yang sewajarnya ke atas....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Minta laluan lagi.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:**....cadangan yang telah dikemukakan semasa....

**Datuk Haji Sairin bin Karno:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Cuma satu perkara sahaja. Sebelum kita terima IMF ini, apakah ada negara-negara jiran ataupun negara-negara lain atau OIC sendiri berhasrat untuk membantu kita sebelum kita menerima IMF seandainya terpaksa?

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Jikalau dalam keadaan yang teruk kita menerima bantuan-bantuan dari luar. Tetapi kalau banyak sumber bantuan datang kita pilihlah bantuan yang tidak menggugat sovereignty ataupun kedaulatan ekonomi kita.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian saya akan mengambil maklum dan perhatian yang sewajarnya ke atas cadangan yang telah dikemukakan semasa menggubal dan melaksanakan dasar-dasar



yang berkaitan dengan usaha kerajaan untuk menangani kegawatan ekonomi. Dengan itu, sekian dan terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat dari Jabatan Perdana Menteri menjawab.

**5.05 ptg.**

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu bagi pihak Jabatan Perdana Menteri saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam Rang Undang-undang Perbekalan 1998 yang menyentuh Jabatan Perdana Menteri. Sesungguhnya Jabatan Perdana Menteri menghargai pandangan, teguran dan cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali telah menyarankan supaya Kerajaan Persekutuan berhati-hati mengenai permintaan Kerajaan Negeri Kelantan untuk mendapatkan pinjaman mudah atau dengan izin, soft loan bagi melaksanakan projek-projek pembangunan di negeri tersebut. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, memang ini akan diambil kira oleh Kerajaan Pusat. Kita akan berhati-hati dalam masalah ini, dan di bawah peraturan sekarang semua peruntukan projek pembangunan Persekutuan hendaklah disalurkan melalui jabatan ataupun agensi Persekutuan di negeri Kelantan.

Yang Berhormat Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi dan beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat lagi termasuk Yang Berhormat Datuk Haji Sairin bin Karno telah menimbulkan beberapa perkara yang berkaitan dengan ketidakselesaian keadaan di dalam kawasan Parlimen. Perkara itu semua dalam tindakan dan akan diambil perhatian oleh pihak Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba telah mencadangkan supaya Jabatan Agama Islam mengambil tindakan bersepadu dengan Jabatan Polis, Imigresen, Pendaftaran Negara bagi membanteras gejala sosial yang dilakukan oleh pekerja dan pendatang asing di negara ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, agensi-agensi penguatkuasa terutama polis dan Imigresen sentiasa mengadakan pemeriksaan mengejut di tempat-tempat yang biasa menjadi tumpuan kegiatan dan bertentangan dengan undang-undang yang dilakukan oleh pekerja asing

dan pendatang tanpa izin. Di samping itu, tindakan tegas juga diambil menghantar pulang pekerja asing yang didapati berkahwin dengan wanita tempatan atau mereka yang membawa keluarga tinggal di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman dan beberapa lagi Ahli Yang Berhormat telah menyuarakan kekesalan di atas kekurangan keselesaan keadaan jalan raya-jalan raya dan juga banjir-banjir kilat di dalam kawasan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Sesungguhnya bolehlah saya nyatakan bahawa keadaan ini berlaku oleh kerana Kuala Lumpur menghadapi pembangunan yang begitu pesat. Kita meyakini apabila kematangan pembangunan ini tiba, insya-Allah, masalah-masalah itu akan dapat diredakan.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga Tuan Haji Gapar bin Gurrohu menyarankan supaya Dewan Bandaraya mengambil tindakan.....

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya minta laluan. Sebenarnya apa yang disentuh ialah pengawalan. Hari itu saya sebut perondaan, tetapi Menteri Kerja Raya kata bukan kementerian dia. Saya hendak tanya pengawasan dan penyeliaan yang dibuat terhadap pembangunan yang berjalan. Kalau sekiranya kita mengadakan satu kawal selia yang baik, berkemungkinan segala-gala perkara yang berlaku sekarang ini mungkin tidak berlaku. Jadi, saya hendak tanya sejauh manakah pengawal seliaan apabila ada orang membangun bangunan-bangunan dan sebagainya tidak mencemarkan, tidak menyumbat longkang dan sebagainya. Siapa yang bertanggungjawab untuk menentukan perkara ini tidak berlaku supaya akibatnya tidak menimpa kepada pekerja-pekerja di Kuala Lumpur yang sampai ke rumah sampai pukul 10.00 malam, 11.00 malam kerana tersadai disebabkan oleh banjir kilat dan sebagainya?

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** Mengenai banjir kilat kalau tanya saya, Tuan Yang di-Pertua, ini kehendak Tuhanlah. Siapa lagi yang kita hendak salahkan. Sebenarnya banjir kilatkah ataupun lopak-lopak jalan kesemuanya ini berlaku kerana memang pembangunan yang begitu pesat. Kalau tanya saya siapa yang harus mengawas dan menyelia memang Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Itu tanggungjawab Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Tetapi Dewan Bandaraya Kuala

Lumpur juga mempunyai tenaga kerja, kemampuan yang terhad. Sedangkan kita tengok pembangunan di dalam kawasan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur adalah begitu pesat, meluas dan merata. Jadi, sudah tentunya yang harus memainkan peranan utama adalah warganegara kota Kuala Lumpur. Kalau sekiranya didapati ada perkara-perkara yang di luar daripada seharusnya berlaku haruslah dilaporkan oleh mereka kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Saya meyakini, Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan Ahli-ahli Yang Berhormat bahawasanya kadangkala saya sendiri pun pernah terlibat, iaitu tersangkut dalam trafik jam selama dua jam. Tetapi siapa yang kita hendak salahkan, kita mahukan pembangunan dan saya percaya apabila saya nyatakan tadi apabila telah kita, dengan izin, 'mature', semua projek ini siap, lengkap nanti, saya mempunyai keyakinan bahawasanya keselesaan di Kuala Lumpur akan lebih terjamin.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Haji Gapar bin Gurrohu menyarankan supaya Dewan Bandaraya Kuala Lumpur mengambil tindakan segera ke atas banjir kilat, tadi saya telah menyatakan bahawasanya di atas cadangan satu pelan induk perparitan bagi Bandaraya Kuala Lumpur dibuat bagi mengatasi masalah banjir kilat, ingin saya maklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawasanya kerajaan memang mempunyai Pelan Induk Perparitan di bawah pengawasan Jabatan Saliran dan Perparitan, Kementerian Pertanian Malaysia yang mana Timbalan Menteri ada di sebelah saya. Jabatan berkenaan bertanggungjawab terhadap tebatan di Lembah Kelang dan Kuala Lumpur dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur bertanggungjawab untuk menyelenggara sungai-sungai di Kuala Lumpur.

Ini pun saya telah menyatakan tadi bahawasanya kita bersetuju, kadang-kadang kita tengok sungai-sungai, Sungai Kampung Sara dan sebagainya adalah tercemar. Saya rasa kerajaan dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah melakukan apa sahaja. Tetapi ini terpulang juga kepada sikap dan mind set, dengan izin, warga kota Kuala Lumpur. Kiranya ianya tidak mengambil tindakan oleh warga kota sendiri, maka benarlah kata Tuhan, iaitu Tuhan tidak akan mengubah nasib kamu kecuali kamu yang mengubahkannya. Mungkin Tuan Yang di-Pertua, tidak berapa faham, lain kali kita akan huraikan perkara itu. Apabila pelaksanaan pelan induk perparitan dibuat sepenuhnya masalah banjir kilat

diyakini dapat diatasi, kalau sekiranya banjir dalam keadaan sekarang. Setakat ini DBKL sentiasa menyelenggara sungai-sungai dan parit-parit untuk memastikan tidak berlakunya banjir kilat.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mengambil kesempatan ini dan mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah menimbulkan perkara-perkara yang berkaitan dengan kementerian saya, dan sukacita saya mengambil kesempatan mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah menyarankan penghargaan dan sokongan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dalam menerajui negara dalam kegetiran ketika ini. Sesungguhnya, kalau boleh saya menyarankan sokongan ini kalau kita dapat terjemahkan dengan sokongan tingkah laku dari segi oral support, moral support kita telah menerima. Tetapi kalau semua di antara kita dan kalau boleh kita mengajak pula rakyat jelata bekerja keras sepertimana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri dan ramai lagi menteri Kabinet bekerja, saya percaya bahawasanya masalah kita dapat diselesaikan lebih cepat, lebih awal daripada jangkaan.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, jikalau sekiranya ada apa-apa perkara yang tidak dijawab oleh saya pada ketika ini, saya memberi jaminan bahawasanya kementerian saya akan mengambil tindakan di atas perkara-perkara yang mampu diambil tindakan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Kementerian Dalam Negeri menjawab.

**5.07 ptg.**

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Ong Ka Ting]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan perkara-perkara yang menyentuh bidang kuasa Kementerian Dalam Negeri. Terlebih dahulu izinkan saya menyampaikan penghargaan kementerian saya kepada Yang Berhormat Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi di atas keprihatinan beliau ke atas program-program dan aktiviti-aktiviti dalam penjara yang dijalankan oleh Jabatan Penjara Malaysia untuk banduan-banduan yang sedang menjalani hukuman. Sememangnya Jabatan Penjara Malaysia menjalankan pelbagai usaha untuk tujuan pemulihan di samping menjaga kebajikan banduan-banduan tersebut agar mereka dapat lebih bersedia apabila kembali ke pangkuan masyarakat setelah tamat tempoh hukuman dan dibebaskan kelak.

Berhubung dengan kenaikan kos memperbaharui pasport Malaysia seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Janggu Anak Banyang, kerajaan berpendapat kadar bayaran tersebut pada masa kini adalah wajar. Walau bagaimanapun, bagi kemudahan pergerakan di antara penduduk Sarawak dan Brunei kerajaan mempunyai cadangan untuk mengeluarkan satu dokumen perjalanan khas bagi kemudahan penduduk di Sarawak untuk berulang-alik ke Brunei. Perkara ini memerlukan perbincangan dua hala di antara Kerajaan Malaysia dan Brunei Darussalam. Setakat ini Kerajaan Malaysia sedang menunggu jawapan dari Kerajaan Brunei Darussalam berhubung dengan cadangan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan perkara-perkara yang menyentuh Kementerian Dalam Negeri. Jika ada mana-mana teguran dan pandangan yang tidak disentuh dalam jawapan saya tadi ianya akan diambil tindakan sewajarnya oleh kementerian saya. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat dari Kementerian Pengangkutan.

**5.15 ptg.**

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah prihatin ke atas perkara-perkara yang berkaitan dengan bidang tugas Kementerian Pengangkutan. Kementerian menghargai semua pandangan yang telah diberi dan akan mengambil tindakan yang sewajarnya.

Untuk mengulas perkara-perkara yang telah dibangkitkan saya suka menyatakan bahawa usul pertama yang telah dibawa oleh Yang Berhormat Datuk Haji Sairin bin Karno dan Yang Berhormat Dato' T. Marimuthu iaitu mengenai saman ekor. Kementerian Pengangkutan ingin memaklumkan bahawa sebagaimana yang telah diumumkan oleh pihak Polis Diraja Malaysia bahawa pihak Polis Diraja Malaysia telah pun menghentikan buat sementara pengeluaran saman ekor yang menggunakan kaedah pemerhatian anggota trafik semenjak 18 November yang lalu. Hanya saman yang menggunakan kamera sahaja akan diteruskan. Kaedah ini akan hanya dikuatkuasakan semula selepas kajian siap dijalankan bagi mengenal pasti kelemahan-kelemahan kepada kaedah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan isu penggunaan lori 18 roda yang juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Sairin bin Karno, kementerian ingin memaklumkan bahawa lori yang dimaksudkan itu ialah lori semi-trailer yang mempunyai berat dengan muatan 26,000 kilogram dengan 18 tayar dan mempunyai 8 gandar. Lori ini tidak dihadkan penggunaan kecuali pada jalan-jalan tertentu yang mana had berat jalan diwartakan di bawah peraturan sekatan had berat 1989. Peraturan ini adalah di bawah kawalan Kementerian Kerja Raya.

Bagi kes di Sabah, kementerian tidak pasti had berat jalan yang dibenarkan bagi jalan-jalan yang dimaksudkan di dalam usul tersebut. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di dalam peraturan sekatan had berat tersebut nama-nama jalan dan had berat yang dibenarkan adalah disenaraikan secara spesifik. Dari segi kawalan rekabentuk serta berat lori semi-trailer berat dengan muatan 26,000 kilogram itu ianya dilakukan melalui pemeriksaan dan kelulusan pelan sebelum kenderaan tersebut diperiksa dan didaftar. Penggunaannya juga dihadkan kepada had berat jalan yang dibenarkan oleh JKR. Oleh yang demikian, jika ada jalan yang spesifik bolehlah Yang Berhormat rujuk kepada Kementerian Kerja Raya untuk disemak.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pada itu berhubung dengan isu diskaun bagi tambang kereta api dan tren komuter yang seterusnya dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Sairin dukacita kementerian memaklumkan bahawa bagi perkhidmatan antara bandar, KTMB mengenakan setengah bayaran kepada kanak-kanak berumur 4 ke-12 tahun. Manakala kanak-kanak berumur di bawah 4 tahun tiada bayaran tambang dikenakan. Di samping itu, KTMB juga memberi konsesi sebanyak 50% kepada para pelajar termasuk pelajar kolej atau universiti. KTMB juga memberi konsesi 25% kepada kumpulan keluarga sekurang-kurangnya 4 orang yang menggunakan perkhidmatan kereta api antara bandar. Bagi KTM Komuter pula setakat ini belum ada lagi tambang konsesi diberikan memandangkan tambang KTM Komuter adalah pada kadar yang murah dan berpatutan. Kadar tambang komuter ialah RM1.00 bagi dewasa dan 50 sen bagi kanak-kanak 4 hingga 12 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan usul yang Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali yang mencadangkan supaya lintasan kereta api di Pasir Mas dikaji dan ditukarkan dengan lintasan bertingkat, kementerian ingin juga memaklumkan bahawa kerajaan memang mempunyai rancangan

untuk menggantikan lintasan rata di seluruh rangkaian KTMB dengan jejambat atau lintasan bertingkat. Namun demikian, oleh kerana kos keseluruhan bagi projek ini adalah tinggi maka ianya terpaksa dilaksanakan secara berperingkat dimulai dengan lintasan-lintasan di Lembah Klang bagi rangkaian tren komuter. Keutamaan taraf lintasan-lintasan lain sedang dikaji.

Akhir sekali saya ingin menyentuh ulasan atau usul yang dibuat oleh Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman iaitu pada masa ekonomi yang kurang baik pada masa sekarang MAS masih meneruskan usaha menukarkan logo dan pakaian seragam yang melibatkan perbelanjaan yang banyak. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa sekarang penerbangan Malaysia belum lagi membuat keputusan muktamad mengenai pertukaran logo dan pakaian seragam kerana memandangkan keadaan ekonomi pada ketika ini.

Tuan Yang di-Pertua, setakat inilah penjelasan saya berhubung dengan Kementerian Pengangkutan. Ada apa-apa Datuk Sairin?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila jawab Yang Berhormat Menteri Kerja Raya.

**5.20 ptg.**

**Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]:** Tuan Yang di-Pertua, saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh beberapa perkara mengenai bidang tugas dan tanggungjawab Kementerian Kerja Raya ketika Belanjawan 1998. Saya akan menjawab atau memberikan penjelasan kepada perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Jamilah binti Ibrahim telah mencadangkan supaya dibuat kajian ke atas kadar bayaran tol supaya tidak membebankan rakyat. Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman pula meminta Kementerian Kerja Raya mengkaji dengan teliti permohonan pihak PLUS untuk menaikkan kadar tol. Menurut Yang Berhormat itu pihak PLUS mampu membayar bonus kakitangannya di antara tiga hingga lima kali ganda gaji bulanan yang diterima. Ini bermakna kutipan tol yang diterima oleh PLUS tentulah lumayan. Oleh itu, mengapa pihak PLUS masih mahu menaikkan kadar tol terutamanya pada masa sekarang yang mana akan menambah beban rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli-ahli Yang Berhormat maklumi projek penswastan lebuhraya melibatkan perbelanjaan tinggi, dengan izin, capital intensive and gestation period yang agak lama. Oleh yang demikian, dalam menimbangkan pelaksanaan projek melalui kaedah penswastan, antara perkara-perkara yang diberi perhatian ialah daya maju projek, dengan izin, the viability of the project. Ini bermakna hasil pungutan tol mestilah mencukupi untuk membayar balik pinjaman di samping memberikan pulangan yang munasabah kepada pihak syarikat. Dalam hal ini kaedah menentukan kadar bayaran tol ialah secara kenaikan berperingkat-peringkat di sepanjang tempoh konsesi telah dipersetujui dan telah dimasukkan dalam perjanjian, telah ditandatangani oleh kerajaan dengan syarikat. Cara kenaikan tol begini merupakan kaedah yang paling sesuai kerana kadar bayaran tol yang rendah di peringkat awal tidak akan membebankan pengguna. Ini juga akan menggalakkan penggunaan jalan raya atau lebuhraya bertol. Oleh itu, daya maju sesuatu projek penswastan itu dapat dipertahankan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, perjanjian konsesi Lebuhraya Utara-Selatan telah dirundingkan ketika negara menghadapi masalah pertumbuhan ekonomi yang lembab. Oleh itu, segala unjuran kewangan yang dibuat didasarkan kepada keadaan ekonomi ketika itu. Bagi membolehkan lebuhraya ini mendapat pembiayaan, beberapa terma yang sesuai ketika itu perlu dimasukkan dalam perjanjian. Di antaranya ialah kadar tol, tarikh kuatkuasa kenaikan tol, walau bagaimanapun, setiap permohonan kenaikan tol oleh Syarikat Konsesi PLUS Berhad perlu dirunding dan diluluskan dahulu oleh kerajaan. Perkara-perkara yang diambil kira oleh kerajaan dalam menimbangkan sesuatu permohonan menaikkan tol adalah seperti berikut:

- (i) kesan beban kenaikan kepada pengguna;
- (ii) kedudukan kewangan syarikat konsesi seperti obligasinya kepada pihak peminjam; dan
- (iii) hasil kutipan tol berdasarkan unjuran trafik semasa berbanding dengan yang diramalkan.

Tuan Yang di-Pertua, kenaikan kadar tol secara berperingkat, dengan izin, a staggered system of collecting toll di Lebuhraya Utara-Selatan telah diluluskan oleh kerajaan berkuatkuasa mulai 1 September 1996 setelah mengambil kira kesan beban kenaikan kepada pengguna, beban kewangan yang



ditanggung oleh PLUS dan unjuran trafik semasa. Jika Ahli-ahli Yang Berhormat membuat penelitian, sebenarnya kenaikan kadar tol bagi tahun 1996 dan 1997 adalah lebih rendah berbanding dengan kadar yang telah ditetapkan dalam perjanjian konsesi itu.

Sebagai contoh, Tuan Yang di-Pertua, kadar tol bagi kenderaan kelas satu, iaitu kereta untuk tempoh tiga tahun mulai tahun 1996 hingga 1998 adalah seperti berikut; 1996 - 9 sen sekilometer, tahun 1997 - 10.5 sen sekilometer, tahun 1998 - 11.24 sen sekilometer. Memandangkan dengan kadar yang setelah ditetapkan dalam perjanjian konsesi itu iaitu perjanjian asalnya di antara kerajaan dengan syarikat konsesi, tahun 1996 sahaja 10 sen sekilometer, tahun 1997 - 10.6 sen, tahun 1998 - 11.24 sen sekilometer.

Tuan Yang di-Pertua, seperti saya nyatakan tadi memandangkan perjanjian konsesi telah ditandatangani maka kerajaan tidak boleh meminda secara sesuka hati sahaja. Syarat-syarat konsesi yang telah dipersetujui dalam tahun 1988, sebarang pindaan perlu mendapat persetujuan syarikat konsesi. Namun begitu, dalam mematuhi syarat perjanjian konsesi kerajaan juga perlu mengambil kira kesan kenaikan tol ke atas pengguna. Oleh itu, kerajaan perlu bersedia, berkompromi dengan syarikat konsesi sekiranya keputusan dibuat tidak membenarkan sesuatu kenaikan tol. Ini termasuk pertimbangan untuk membayar pampasan ataupun memanjangkan tempoh konsesi.

Tahun 1996, Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah membayar RM50 juta sahaja daripada RM160 juta telah ditetapkan. Untuk tahun 1997 belum dibayar lagi. Pampasan untuk tahun 1996 belum dibayar lagi, tahun 1997 pun belum dibayar lagi. Jikalau kita kata kita tidak boleh naikkan tol, kiralah tiap-tiap tahun kerajaan bayar sahajalah sampai lagi 23 tahun. Jadi, itulah masalah. Walau bagaimanapun, Konsesi PLUS Berhad membuat keuntungan, ini tidak bermakna ia mempunyai aliran wang tunai yang positif dan boleh memenuhi segala obligasi kewangan. Sebenarnya PLUS Berhad mempunyai obligasi untuk membayar balik pinjamannya, iaitu kepada bank-bank komersial dan kerajaan. Kerajaan telah meminjam RM1.6 bilion akan dibayar mulai daripada tahun 2003. Jadi, macam mana kerajaan ambil balik wang itu atau tidak. Bolehkah kita beri free kepada syarikat itu, tidak boleh. Ini adalah perjanjian. Mereka mesti bayar daripada tahun 2003 dalam tempoh 10 tahun mesti dibayar balik RM1.6 bilion dengan faedahnya. Pada akhirnya sekiranya jumlah bayaran kepada

pinjaman lebih kurang RM6.5 bilion. Jadi, itulah Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri datang ke Dewan yang mulia ini untuk menjawab.

Tuan Yang di-Pertua.....

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada yang minta laluan.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Saya minta penjelasan sedikit. Kita sudah dengar banyak data-datang yang dikeluarkan oleh Menteri. Tetapi dua perkara yang saya tidak faham setakat ini. Kalaupun sekiranya perjanjian konsesi ini tidak memberikan aliran kewangan, mohon izin, contradiction in terms. Kita dengar tadi kalau kita tidak dapat tol ini mungkin konsesi holder mempunyai masalah. Tetapi pada masa yang sama kita dengar bisikan menteri mengatakan bukan 13 bulan bonus tetapi 6 bulan bonus. Ini pun kalau ikut spirit ataupun semangat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pun, beliau pun mengajukan pendapat, swasta semacam ini sepatutnya berjaga juga dari segi hendak membayar bonus sampai enam bulan. Pada masa-masa lepas beberapa bulan kita tahu sama ada 6 bulan dan sebagainya.

Yang kedua, Yang Berhormat Menteri ada menyebutkan unjuran. Saya hendak tahu sekarang adakah unjuran yang dibuat semasa konsesi itu ditandatangani bersamaan dengan realiti sebenar trafik yang menggunakan jalan sekarang. Kalau ada perbezaan, adakah perbezaan itu positif atau negatif. Kalau positif berapa kelebihan yang diberikan kepada konsesi holder di atas kelebihan unjuran daripada trafik yang menggunakan jalan?

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, masa kita telah berjanji menandatangani perjanjian di antara kerajaan dengan syarikat konsesi itu, ada juga syarat-syarat iaitu jikalau traffic volume guarantee mesti diberi oleh kerajaan, jikalau traffic volume itu tidak mencukupi, kerajaan bayar ganti rugi, jikalau naik lebih dari apa yang ditetapkan, mereka tidak bayar balik. Itulah perjanjian yang berlaku pada hari ini.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, adakah

.....

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Saya belum jawab lagi. Ada banyak yang kita mahu jawab.

Tuan Yang di-Pertua, pada hari ini kita mengatakan ada juga volume traffic telah ditambah beberapa kali ganda, tetapi tahukah Ahli-ahli Yang Berhormat, hari ini dari RM1 mereka menerima dari setiap penggunaan tol, setiap RM1, PLUS bayar kepada bank tahun 1997 mereka bayar balik 0.78 sen kepada bank, tahun 1998 mereka akan membayar balik 0.94 sen, walaupun masa konsesi yang panjang tetapi perjanjian itu dtempohkan dalam sepuluh tahun dan lima belas tahun mesti dibayar balik.

Tuan Yang di-Pertua, jadi hari ini kita adalah percaya kerajaan sudah buat salahkah atau tidak? Barangkali kita kata kerajaan sudah buat salah, tak payah kita mengadakan jalan dari Bukit Kayu Hitam ke Johor Bahru, tak payah kita lawan balik macam ini, tak payah kita bincang hari ini, tak payah kita bayar tol, tak payah kita marah ini, apa ini enam bulan gaji, enam bulan bonus dibayar kepada pekerja-pekerja, mereka bekerja lebih dari sepuluh tahun tanpa apa-apa bonus, inilah kali pertama diberi bonus kepada mereka, bukan mengira di atas apa keuntungan mereka terima, ini atas prinsip mereka dibayar, prinsip untuk menjaga kepentingan tidak mahu menjatuhkan maruah pekerja di PLUS, itu satu perkara.

Saya bukan tuan punya syarikat itu [*Ketawa*] tetapi saya menteri menjaga kepentingan kedua-dua pihak, pihak saya bagi pihak kerajaan saya

telah menandatangani, pihak syarikat telah diberi beberapa janji, oleh kerana itu, Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, kerajaan sedang menimbang, oleh kerana itulah Yang Amat Berhormat Dato' Seri Timbalan Perdana Menteri telah diarah oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Jemaah Menteri untuk membincang perkara ini dalam peringkat beliau. Sebaliknya Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pun telah memberitahu kepada saya kita tidak boleh menghapuskan kenaikan tol. Jadi, saya mengumumkan saya jadi orang busuk, orang kata ini Menteri Kerja Raya punya hal, apa Menteri Kerja Raya? Menteri Kerja Raya ada hari ini, esok ada juga Menteri Kerja Raya yang baru, dia akan mengumumkan sahaja. Bukannya saya mengambil kira keberatan ini atas tangan saya, atas kepala saya, ini tugas telah diberi kepada saya.

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kata, selepas perbincangan beliau dengan syarikat itu, kita mesti menaikkan sedikit tol, tetapi kita tidak tahu apakah quantum itu, quantum akan diberitahu tidak lama lagi. Saya telah menyoal kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri jikalau ada juga satu kes seperti itu, macam manakah kita boleh mengumumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di Parlimen, Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan Negara dan lain-lain. Jadi, kita mesti menerima gambaran yang benar dalam kes tol ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari itu, kerajaan memang prihatin tentang masalah yang dihadapi oleh pengguna-pengguna lebuhraya berkaitan dengan kenaikan kadar tol dan sedang menjalankan semakan semula kadar tol lebuhraya Utara-Selatan. Rundingan semula mengenai perjanjian konsesi yang melibatkan kadar tol sedang dijalankan dan keputusan saya percaya seperti apa yang saya jelaskan tadi, boleh didapati tidak lama lagi. Kita mesti memutuskan sebelum 1 Januari 1998, saya tidak tahu bolehkah kita memutuskan atau tidak, setiap harinya jikalau kita tidak ada keputusan kita kena bayar, sesiapa pun tidak boleh menukarkan ini, lebih-lebih kita boleh batalkan semua agreement konsesi itu, kalau kita batalkan konsesi itu kita kena bayar ganti rugi beberapa bilion ringgit.

Tuan Yang di-Pertua, jadi saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat bekerjasamalah sedikit dengan kerajaan, kerajaan bukanlah membuat apa-apa kesalahan yang besar, pada masa itu tidak ada syarikat yang suka juga menjalankan projek sebesar seperti ini. Jadi, pinjaman telah dibuat oleh syarikat itu lebih dari RM5.9 bilion akan dibayar balik dalam tempoh 15 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman juga menyarankan agar pihak JKR sendiri membuat rondaan dijalan-jalan raya untuk memastikan tidak ada jalan raya yang rosak, yang masih belum diperbaiki.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak JKR sentiasa membuat pemeriksaan ke atas jalan-jalan Persekutuan dan negeri, JKR daerah telah diarah membuat rondaan ke atas jalan-jalan tersebut dan sekiranya berlaku kerosakan JKR daerah berkenaan dikehendaki memperbaiki segera kerosakan tersebut iaitu dalam tempoh tiga hari.

Walau bagaimanapun, pada masa sekarang banyak pembinaan dijalankan di tepi-tepi jalan raya terutama di bandar besar seperti Kuala Lumpur, misalnya pembinaan sistem LRT, penanaman kabel dan paip yang mengakibatkan kerosakan kepada jalan-jalan. Pihak berkuasa selain dari JKR seperti DBKL juga membuat rondaan untuk memastikan kerosakan jalan-jalan dibaiki dengan segera.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat juga kontraktor-kontraktor yang tidak bertanggungjawab membiarkan kerosakan jalan-jalan tanpa diperbaiki, tindakan tegas ke atas kontraktor berkenaan telah diambil dari masa ke semasa. Untuk menentukan jalan-jalan diperbaiki, kontraktor juga telah diarah meletak papan tanda-papan tanda amaran supaya pengguna-pengguna jalan raya lebih berhati-hati semasa memandu.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah berucap mengenai perkara di bawah kementerian saya. Bagi perkara yang tidak sempat dijawab, kementerian saya akan memberi perhatian dan mengambil tindakan susulan.

Satu pengumuman saya suka membuat di sini, suka juga saya minta kementerian saya untuk mengadakan satu mesyuarat, taklimat di mana Ahli-ahli Yang Berhormat dari Dewan Negara boleh datang ke pejabat saya untuk mendapat semua keterangan yang mendalam apa yang berlaku dari tahun 1986 hingga setakat ini. Terima kasih. *[Tepuk]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Kementerian Perusahaan Utama.

**5.40ptg.**

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama [Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada Ahli-ahli Yang Berhormat khususnya Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali, Yang Berhormat Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi dan Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba yang telah membangkitkan beberapa pandangan, cadangan, teguran yang membina di bawah bidang kuasa Kementerian Perusahaan Utama.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perusahaan Utama adalah bertanggungjawab terhadap pembangunan dan kemajuan sektor komoditi utama negara. Dan kementerian ini terus mengadakan usaha untuk menjadikan sektor komoditi utama lebih berdaya maju dan berdaya saing bagi memaksimumkan sumbangan sektor ini kepada pembangunan ekonomi dan sosial.

Bagi mencapai hasrat ini, kementerian telah, sedang dan akan terus menggembleng tenaga untuk terus memperkukuh dan memperluaskan pasaran yang sedia ada dengan menembusi pasaran baru serta menyediakan infrastruktur dan khidmat sokongan yang berkesan bagi membangunkan industri hulu dan juga hiliran. Usaha-usaha penyelidikan dan pembangunan terus di peringkat dan diperkembangkan, penggunaan teknologi tinggi terus disuntik dan diserap, produktiviti ditingkatkan di samping perbelanjaan mengurus dikurangkan.

Ketika negara menghadapi krisis kejatuhan nilai mata wang, sektor komoditi menjadi begitu penting dan perlu dieksploitasikan serta dijana untuk terus kekal sebagai pembekal bahan mentah utama, bukan sahaja kepada industri pemprosesan barangan separa siap dan siap dalam negara yang mempunyai nilai tambah yang tinggi tetapi juga untuk pasaran eksport dunia bagi mendapatkan tukaran wang asing. Pendapatan eksport dari komoditi utama ini tidak termasuk petroleum dan gas dan produk-produk berasaskan komoditi telah meningkat daripada RM15.2 bilion pada tahun 1980 kepada RM34.3 bilion dalam tahun 1996 iaitu sebanyak 125.7% dengan catatan purata pertumbuhan pada paras 2.7% setahun.

Tuan Yang di-Pertua, menjawab pertanyaan Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali yang menyentuh tentang persoalan supaya harga komoditi tidak ditentukan oleh negara asing, malah perlu ditentukan oleh negara ini



sendiri, saya ingin memaklumkan bahawa harga eksport komoditi utama negara adalah ditentukan oleh sentimen perdagangan dan kuasa pasaran yang berasaskan kepada permintaan dan penawaran komoditi tersebut di pasaran antara bangsa. Negara kita mengamalkan ekonomi pasaran bebas di mana transaksi barangan dan perkhidmatan ditentukan di luar negara. Dengan itu, sebarang campur tangan kerajaan dalam menentukan harga bagi komoditi negara adalah tidak wajar kerana ia boleh menimbulkan keraguan dan menghakiskan keyakinan pasaran serta menjejaskan pergerakan harga sama ada dalam suasana pasaran yang baik atau dalam suasana pasaran yang buruk.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, unsur lain yang mempengaruhi harga ialah kos pengeluaran seperti upah, pengangkutan, input-input pertanian, tenaga dan input-input lain yang berubah dari masa ke semasa. Sekiranya harga eksport komoditi negara ditentukan secara dalaman pada satu-satu tahap, maka pengeluar akan terikat dengan harga tersebut dan tidak dapat menyesuaikan operasi mereka dalam persekitaran harga yang berubah ini. Keadaan ini boleh menjejaskan pendapatan mereka dan oleh yang demikian adalah wajar harga komoditi ditentukan oleh kuasa pasaran supaya ia berupaya mencari titik nilainya yang tersendiri. Persaingan yang sihat hanya dapat diwujudkan dalam sistem pasaran terbuka yang cekap, yang diamalkan oleh negara pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi telah mencadangkan supaya orang-orang kampung dikecualikan daripada keperluan pelesenan untuk menebang rotan dan buluh. Saya ingin memaklumkan bahawa tujuan utama kerajaan mengenakan pelesenan ini di bawah Akta Perhutanan Negara bagi pengambilan apa-apa hasil hutan adalah sebagai langkah untuk melindungi sumber-sumber hutan ini seperti rotan dan buluh daripada ditebang secara sewenang-wenangnya. Ini adalah untuk memastikan supaya sumber-sumber hutan negara diuruskan secara mampan selaras dengan matlamat dan komitmen negara mencapai pengurusan hutan secara berkekalan menjelang tahun 2000.

Mengenai cadangan penubuhan ladang hutan kayu getah, sukalah dimaklumkan bahawa kementerian telah pun menubuhkan satu projek perintis ladang hutan kayu getah di bawah Rancangan Malaysia Keenam. Projek kerjasama di antara Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia dan Institut Penyelidikan Getah Malaysia (RRIM) melibatkan kawasan seluas 1,411 hektar meliputi beberapa kawasan hutan simpan di negeri-negeri Kelantan, Negeri Sembilan, Pahang, Selangor dan Terengganu.

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat untuk memberikan tumpuan kepada tanaman rotan di kebun-kebun getah, suka saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat, kerajaan sedang mengkaji semula Dasar Pertanian Negara Ketiga untuk menggalakkan perhutanan ataupun agroforestry, dengan

izin. Di bawah sistem ini penanaman pokok-pokok hutan, rotan dan buluh bersama dengan pokok getah dan kelapa sawit akan dilaksanakan di ladang-ladang yang sedia ada, di tanah-tanah terbiar dan tanah yang telah digunakan untuk pertanian pindahan atau shifting cultivation, dengan izin.

Melalui sistem pertanian pindahan ini juga, produktiviti ladang getah atau kelapa sawit dapat dioptimumkan dan bekalan kayu untuk industri perabot dapat dipertingkatkan. Insentif dan bantuan yang munasabah akan diberi untuk tujuan berkenaan seperti bantuan teknikal, penggunaan klon-klon pokok getah yang boleh mengeluarkan susu getah serta kayu dan nasihat mengenai penanaman spesies pokok yang berpotensi tinggi.

Ahli Yang Berhormat juga telah membangkitkan perkara di mana masih terdapat kayu-kayu yang mempunyai potensi untuk kegunaan perabot yang tidak dimanfaatkan, contohnya seperti kayu cempedak. Kementerian mengambil maklum mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat itu. Agensi-agensi di bawah kementerian ini seperti Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan Jabatan Hutan telah dan akan terus menjalankan pelbagai kajian mengenai potensi dan kegunaan spesies-spesies kayu hutan yang kurang popular ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba supaya diwujudkan ses untuk penanam-penanam kelapa sawit seperti ses getah, pada masa ini tiada skim khusus bagi membiayai

penanaman semula kelapa sawit. Ini memandangkan sektor estet swasta, FELDA dan FELCRA yang merangkumi lebih 90% daripada keseluruhan kawasan kelapa sawit telah pun mempunyai tabungan masing-masing bagi melaksanakan program tanaman semula. Hanya pekebun-pekebun kecil individu yang tidak mempunyai skim pembiayaan yang dirancang bagi menanam semula kelapa sawit mereka ini yang perlu diberi perhatian dan memandangkan bahawa golongan pekebun kecil individu ini merangkumi kira-kira 9% atau 215,025 hektar daripada kawasan keseluruhan tanaman kelapa sawit negara. Adalah didapati bahawa kutipan ses bagi membiayai penanaman semula sawit adalah tidak praktikal dibandingkan dengan getah yang mana lebih 80% kawasan getah di bawah sektor pekebun kecil.

Walau bagaimanapun, kerajaan akan berusaha untuk membantu pekebun-pekebun kecil ini untuk menanam semula kelapa sawit di kebun-kebun mereka. Kementerian ini sedang mengkaji untuk mengadakan satu skim pinjaman mudah bagi pekebun-pekebun kecil tersebut dengan kadar faedah yang rendah, yang tidak membebankan mereka. Perbincangan awal telah diadakan dengan kementerian dan agensi-agensi berkenaan.

Saya bagi pihak kementerian memberi jaminan bahawa Kementerian Perusahaan Utama akan mengambil maklum dan akan memberi perhatian ke atas semua pandangan, teguran dan cadangan yang membina yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Terima kasih.

**USUL****WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN  
DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Chong Kah Kiat]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 11(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga Rang Undang-undang Perbekalan 1998 telah selesai dibahas dan diputuskan.”

**Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan [Datuk Dr. Shafie bin Haji Apdal]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah satu

Usul:

“Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 11(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga Rang Undang-undang Perbekalan 1998 telah selesai dibahas dan diputuskan.”

hendaklah disetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

“Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 11(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga Rang Undang-undang Perbekalan 1998 telah selesai dibahas dan diputuskan.”

*Perbincangan disambung semula.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos.

**5.50 ptg.**

**Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato' Chan Kong Choy]:** Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan beberapa perkara berhubung dengan bidang tugas kementerian saya semasa perbahasan ke atas Belanjawan 1998.

Izinkan saya menjuruskan keseluruhan ucapan saya pada petang ini kepada dua isu utama iaitu pertama mengenai Projek Hidro Bakun dalam keadaan ekonomi sekarang dan keduanya, mengenai komitmen kerajaan di dalam melaksanakan Projek Koridor Raya Multimedia (MSC).

Tuan Yang di-Pertua, akibat daripada kemerosotan ekonomi yang melanda negara pada masa ini, kerajaan telah mengambil keputusan untuk menangguhkan pelaksanaan projek Hidro Elektrik Bakun. Walau bagaimanapun, beberapa komponen projek yang sedang dijalankan sekarang, seperti River Diversion Tunnel, dengan izin, akan diteruskan. Ingin saya tegaskan di sini, bahawa penangguhan pelaksanaan Projek Hidro Bakun tidak akan menjejaskan kedudukan bekalan elektrik negara. Sehingga tahun 2000 kapasiti penjanaan bagi Semenanjung Malaysia adalah pada tahap yang selesa dengan 'reserve margin' yang mencukupi.

Pelaksanaan Projek Hidro Bakun adalah bagi memenuhi permintaan selepas tahun 2000. Sebagai langkah persediaan sewajarnya pihak kerajaan juga telah mengkaji semula dan mengadakan program peningkatan kapasiti penjanaan penghantaran dan pembahagian di seluruh negara selaras dengan pertumbuhan permintaan bekalan elektrik untuk tempoh sepuluh tahun yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai usaha kementerian untuk mengurangkan kesan kemerosotan ekonomi masa kini, tumpuan akan diberikan untuk menggalakkan langkah-langkah kecekapan tenaga seperti berikut:-

- (i) penggunaan kapasiti penjanaan tenaga elektrik yang optimum secara keseluruhan;
- (ii) pelaburan yang optimum bagi program peningkatan kapasiti penjanaan penghantaran dan juga pengagihan di seluruh negara; dan
- (iii) menggalakkan budaya cekap dalam penggunaan elektrik.

Kerajaan percaya dengan mempraktikkan langkah-langkah tersebut, program-program 'planting up', dengan izin, bagi pembekalan elektrik akan dapat ditangguhkan. Ini seterusnya akan mengurangkan pengaliran keluar wang negara dalam bentuk tukaran wang asing akibat daripada pengimportan jentera-jentera serta peralatan elektrik untuk program-program tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya teruskan ucapan saya dengan menyentuh mengenai pelaksanaan projek MSC. Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, projek MSC adalah lambang cita-cita murni kerajaan untuk mencapai matlamat negara dalam bidang teknologi maklumat dan seterusnya menjadi teras kepada pencapaian Wawasan 2020.

Sehubungan dengan itu, kerajaan akan terus melaksanakan projek MSC seperti yang telah dirancangkan walaupun kita kini sedang mengalami kemerosotan ekonomi. Kerajaan yakin bahawa MSC adalah merupakan teraju yang akan mengubah asas pertumbuhan ekonomi negara daripada yang didorong oleh modal dan pelaburan atau input driven, dengan izin, kepada ekonomi yang dibantu oleh daya pengeluaran ataupun productivity driven.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sehingga setakat ini terdapat sejumlah 88 syarikat tempatan dan antarabangsa yang telah diberi status MSC dengan pelaburan yang dijangkakan melebihi RM2 bilion bagi tempoh lima tahun yang akan datang. Sementara itu sepuluh dari syarikat-syarikat tersebut dijangka akan memasuki cyberjaya pada bulan ini juga. Pada tahun 1997, kerajaan telah meluluskan beberapa undang-undang cyber antaranya Akta Tandatangan Digital 1997 dan Akta Jenayah Komputer 1997.

Mengenai Akta Tandatangan Digital, kementerian saya kini sedang dalam proses melaksanakan akta tersebut. Di samping itu, kementerian juga kini di peringkat akhir penggubalan Rang Undang-undang Komunikasi dan



juga Rang Undang-undang Suruhanjaya Komunikasi. Ini adalah bagi membolehkan pengawalseliaan dan pembangunan aktiviti-aktiviti komunikasi dan multimedia bagi merealisasikan potensi ekonomi berdasarkan teknologi maklumat.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan juga kini di peringkat akhir penyediaan satu struktur dan paras tarif yang berdaya saing di peringkat global bagi syarikat-syarikat yang diberi taraf MSC.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada yang minta laluan.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta laluan sedikit. Terima kasih. Sekarang ini rungutan untuk hendak meningkatkan budaya teknologi maklumat ini, masalah yang besar yang dihadapi oleh bandar-bandar kecil terutama Kuantan ialah kos yang dibebankan oleh Telekom untuk membuatkan line dari segi hendak membuat Internet dan sebagainya, saya difahamkan berpuluh-puluh ribu. Jadi, kemungkinan kalau kos ini tidak dapat diberikan subsidi oleh pihak Telekom atau kementerian, mungkin perkara ini tidak boleh sampai ke peringkat luar daripada koridor multimedia ini. Jadi, saya hendak bertanya kepada pihak kementerian, bolehkah kementerian berunding dengan pihak Telekom, apabila hendak meningkatkan kegunaan IT ini di peringkat-peringkat dan di daerah-daerah

yang tertentu, Telekom beri subsidi sedikit, cross subsidy, maknanya kurang sedikit belanja hendak mengaitkan talian.

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Yang di-Pertua, saya kurang faham apa ertinya kos untuk membekalkan perkhidmatan Internet kepada pengguna.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** *[Menyampuk]*

**Dato' Chan Kong Choy:** Ini memang tidak menjadi masalah kerana setakat ini infrastruktur ataupun network yang diadakan atau diwujudkan ini memang telah sampai termasuk kawasan terpencil. Satu perkara yang selalu dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat ialah caj untuk mengendalikan ataupun caj Internet ini iaitu pakej-pakej yang ditawarkan oleh pihak Telekom ataupun TMnet ataupun Jaring. Tetapi untuk makluman Dewan yang mulia ini, caj Internet yang dikenakan oleh pihak TMnet ataupun Jaring ini adalah merupakan caj yang terendah di kawasan Asia bukan sahaja Asia Tenggara tetapi di seluruh rantau Asia ini termasuk kompetitif juga dengan caj yang dikenakan di negara-negara Barat. Apa yang menjadi masalah setakat ini ialah kesedaran masih belum, sungguhpun telah pun dipertingkatkan tetapi belum sampai satu tahap yang memuaskan antara mereka khususnya yang duduk di kawasan terpencil. Maka sekarang pihak kerajaan melalui pelbagai agensi terutama sekali Kementerian Penerangan telah pun menjalankan satu kempen supaya dapat meningkatkan kesedaran di antara rakyat Malaysia khususnya mereka yang duduk di kawasan terpencil dan kami haraplah selepas kempen

besar-besaran ini dapat dijalankan maka subscriber, dengan izin, untuk menggunakan Internet akan juga dapat dipertingkatkan.

Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah perlu juga sedang diambil untuk menyedia dan membekalkan sumber manusia dan tenaga pakar bagi kawasan MSC, ini termasuklah penubuhan Universiti Multimedia dan Universiti Telekom di samping memperluaskan pemberian status MSC kepada institusi-institusi pengajian tinggi yang menyumbang kepada pembangunan sumber manusia dalam bidang teknologi maklumat.

Mengenai pelaksanaan pembangunan infrastruktur, selain daripada mempertingkatkan infrastruktur bagi voice telephonist yang sedia ada, pelaburan dalam propen fiber optic terus dijalankan bagi memungkinkan penyediaan perkhidmatan-perkhidmatan seperti messaging, data dan autovisual. Adalah dianggarkan pihak Telekom Malaysia Berhad telah membelanjakan lebih kurang RM138 juta pada tahun ini bagi memasang infrastruktur tersebut. Pelaburan ini dijangka berterusan sehingga tahun 2000 dan akan memastikan keseluruhan kawasan MSC akan menikmati sepenuhnya perkhidmatan telekomunikasi yang canggih dan bertaraf global. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

**6.00 ptg.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu bagi pihak Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun memberikan teguran, cadangan dan pandangan yang membina semasa membahaskan Belanjawan 1998 mengenai perkara-perkara yang menyentuh bidang kuasa Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Izinkan saya memberikan jawapan ke atas beberapa perkara dan isu penting yang telah dibangkitkan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Hajah Rahaiah binti Baheran supaya MITI meningkatkan langkah promosi barangan buatan Malaysia ke luar negeri agar eksportnya dapat dipertingkatkan, adalah dimaklumkan bahawa MITI sememangnya menganggap promosi barangan buatan Malaysia sebagai satu strategi penting di dalam usaha untuk mempertingkatkan eksport. Dalam tahun 1997, MITI melalui usaha MATRADE telah menganjurkan sebanyak tiga pameran barangan Malaysia dan menyertai di dalam sepuluh pameran perdagangan antarabangsa. Berdasarkan kepada pengalaman dan pencapaian lepas,

pameran-pameran sebegini adalah berkesan di dalam mempromosikan barangan buatan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada langkah di atas, usaha juga dibuat melalui penganjuran lawatan pembeli ke Malaysia, penyiaran pertanyaan-pertanyaan perdagangan dari luar negeri kepada pengeksport Malaysia serta penyiaran maklumat-maklumat dan kajian-kajian pasaran. Melalui program-program ini, para pengeksport Malaysia dapat berhubung terus dengan pembeli-pembeli dari luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pertanyaan Ahli Yang Berhormat Tuan Abdillah bin Abdul Rahim, berhubung dengan dana IKS sebanyak RM1 bilion, dimaklumkan bahawa satu jawatankuasa peringkat pegawai telah ditubuhkan di Perbendaharaan Malaysia dan masih lagi berbincang mengenai kaedah-kaedah pelaksanaan dana tersebut. Namun begitu, dana ini adalah untuk membangunkan projek-projek IKS yang terlibat dalam rantaian industri sokongan di sektor perkilangan.

Sekianlah sahaja penjelasan yang ingin saya berikan kepada beberapa isu penting yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh bidang kuasa Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih di atas teguran dan pandangan yang telah diberikan buat kali ini dan perkara tersebut akan diambil perhatian sewajarnya. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kementerian Pertanian.

**6.02 ptg.**

**Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor]:** Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Yang Berhormat Menteri Pertanian, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberi perhatian serta membangkitkan perkara-perkara yang berkaitan dengan bidang tugas Kementerian Pertanian atau di bawah kawalan dan tanggungjawabnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih di atas keprihatinan Yang Berhormat Senator Dato' Eng Hoi Choo yang telah memberi saranan yang bernas berhubung dengan soal peningkatan import bahan makanan yang kian bertambah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sememangnya sedang mengambil tindakan dan langkah-langkah ke arah meningkatkan hasil pertanian khususnya dalam bidang pengeluaran makanan. Di antara langkah-langkah tersebut ialah:-

- (a) mewujudkan zon-zon pertanian dan akuakultur yang sesuai disetiap negeri untuk mempertingkatkan lagi pengeluaran sayur-sayuran, buah-buahan dan hasil ternak air atau akuakultur;

- (b) menggalakkan penubuhan taman agro teknologi di negeri-negeri untuk mengeluarkan bahan-bahan makanan dengan menggunakan teknologi tinggi;
- (c) mempergiatkan lagi aktiviti-aktiviti pengembangan dalam projek berkelompok atau mini estet dalam usaha mempertingkatkan hasil pengeluaran buah-buahan dan sayur-sayuran oleh pekebun-pekebun kecil;
- (d) meningkatkan hasil perikanan laut dalam (marine culture), akuakultur dan kemudahan infrastruktur di kompleks-kompleks pendaratan ikan di seluruh negara;
- (e) memperluaskan program kejenteraan ladang serta meningkatkan pasaran pertanian seperti sistem pengarian dan saluran dan jalan-jalan ladang di kawasan jelapang padi;
- (f) memberi tumpuan kepada pembangunan dan penyelidikan dalam usaha mendapatkan klon-klon tanaman yang lebih produktif serta tahan dari segi serangan penyakit.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba telah membangkitkan agar Kementerian Pertanian mengkaji semula Dasar Pertanian Negara.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini, dengan perubahan yang dinamik dalam ekonomi dunia dan dalam negara bagi memenuhi aspirasi rakyat maka program dan strategi yang sedia ada perlu disemak semula dan dikemaskinikan untuk mengambil kira perubahan tersebut. Di antara perkara-perkara yang ditekankan dalam Dasar Pertanian Negara yang baru iaitu DPN3 adalah seperti berikut:-

- (a) mengatasi masalah kekurangan tanah dan mengoptimumkan penggunaannya termasuk tanah-tanah terbiar;
- (b) menggalakkan penyertaan sektor swasta dan pihak perladangan besar berinsentif modal dalam bidang tanaman makanan bernilai tinggi;
- (c) pengeluaran pertanian perlu diselaraskan dengan kehendak pasaran yang telah dikenalpasti bagi permintaan produk makanan dan industri;
- (d) penekanan juga diberi kepada usaha-usaha mengurangkan keperluan buruh dalam sektor pertanian dengan cara menggunakan teknologi penjimatan buruh;
- (e) menggabungkan pembangunan sektor pertanian dan sektor perhutanan bagi mengatasi masalah kekurangan tanah untuk memastikan maklumat membekalkan makanan dan bahan mentah untuk pembangunan perindustrian;



- (f) menyelaraskan keperluan industri berasaskan pertanian yang akan dimajukan dalam pelan induk perindustrian kedua atau IMP2 di mana tumpuan diberikan untuk membangun empat sektor kecil iaitu perikanan, akuakultur, penternakan, hortikultur dan florikultur;
- (g) pembangunan pertanian akan ditumpukan kepada peningkatan produktiviti melalui penggunaan sumber secara lebih cekap dengan melibatkan penyertaan aktif sektor swasta dan petani-petani secara berkelompok.

Dengan mengambil kira penekanan di atas, sektor pertanian dijangka lebih berdaya saing dan dapat menghasilkan pulangan ekonomi yang tinggi. Ini akan menjadikan aktiviti pertanian lebih menarik kepada para petani, penternak, nelayan dan pelabur di samping dapat meningkatkan pengeluaran makanan negara dan bahan mentah untuk industri tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan masalah tanah terbiar yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat yang sama, suka saya menyatakan di sini bahawa beberapa langkah telah dan sedang dilaksanakan sebagaimana berikut:-

- (a) menggubal dasar untuk menggalakkan aktiviti agro forestry;

- (b) menggalakkan pelaksanaan konsep 'landlord in trust' di mana tuan tanah dapat melepaskan tanah miliknya .....

**Puan Kamalia binti Ibrahim:** [*Bangun*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada yang minta laluan.

**Puan Kamalia binti Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri telah memberi pelbagai usaha untuk peningkatan pertanian, cuma saya ingin penjelasan dari apa yang telah disebutkan (a) hingga (f) tadi, kalau dapat Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan kepada Dewan ini sedikit contoh-contoh apa yang sebenarnya telah dilaksanakan supaya kita dapat dengan lebih jelas mengetahui bahawa sebenarnya kementerian telah melaksanakan apa yang telah disebutkan tadi. Terima kasih.

**Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat, oleh kerana masa agak terhad, sebab itu saya hanya dapat merangkakan dasar-dasar ataupun tindakan-tindakan yang dapat diambil, tetapi untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, bolehlah saya terangkan lebih detail satu, dua sebagai contoh. Misalnya pada masa ini kita kekurangan tanah untuk ternakan lembu, kalau hendak menternak lembu dengan secara komersial mesti satu ekar, satu ekor paling kurang atau satu hektar kena seekor, tetapi oleh kerana kita tidak mempunyai tanah, maka kita ada integrated farming di mana tanah yang ditanam dengan kelapa sawit maka digunakan juga untuk feedlot system ataupun cara melepas di kawasan-

kawasan tanah sawit. Jadi, bermakna dahulu tanahnya hanya dikhaskan kepada sawit, tetapi ada kegiatan sampingan iaitu menjadikannya penternakan atau yang kita panggilkan projek pertanian bersepadu (integrated farming) yang saya sebutkan tadi.

Begitu juga tentang apa yang saya kenalkan tentang perikanan akuakultur tadi, kita selalunya menternak ikan dalam sawah, dalam parit atau dalam kolam ataupun di dalam sungai. Tetapi DPN3 kita menekankan supaya ternakan akuakultur ini dijalankan di laut lepas sebagaimana yang telah dijalankan oleh negara-negara maju di mana mereka dapat menternak satu sangkar satu juta ekor ikan, kita menternak sekarang dalam sungai boleh jadi satu sangkar ada 10,000 atau 5,000 ekor, tetapi mereka sebanyak satu juta ekor untuk satu sangkar. Jadi, ini dapat memberi pulangan yang lebih baik ataupun seorang petani dapat mengeluarkan milion ekor ikan. Jadi, inilah salah satu usaha yang sedang kita uruskan.

Saya sambungkan lagi,

..... untuk melepaskan tanah miliknya untuk diusahakan bersama dengan syarikat-syarikat swasta atau agensi kerajaan negeri-negeri;

- (c) menggalakkan peranan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) bagi membantu menambahkan pendapatan petani melalui pembangunan tanah terbiar;

- (d) mempercepatkan usaha-usaha penyatuan tanah bagi membolehkan petani melaksanakan tanaman secara berkelompok atau secara mini estet;
- (e) menggalakkan kerajaan negeri menguatkuasakan keputusan berkaitan dengan tanah terbiar agar dapat digunakan untuk pengeluaran makanan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan Yang Berhormat Senator Tuan Abdillah bin Abdul Rahim dan Yang Berhormat Senator Hajah Ramlah binti Haji Kassim sebentar tadi untuk menghidupkan semula Buku Hijau yang telah diperkenalkan pada tahun 70-an, untuk makluman Dewan yang mulia ini, kerajaan sememangnya berhasrat melancarkan semula rancangan tersebut.

Di samping itu, kerajaan menggalakkan pengusaha-pengusaha swasta yang berkemampuan untuk mengendalikan aktiviti pertanian secara komersial dan secara besar-besaran. Pengeluaran secara komersial ini lebih efisien dan dapat mengeluarkan makanan dengan kos yang lebih rendah serta produktiviti yang lebih tinggi. Petani individu atau orang ramai masih digalakkan mengusahakan tanah berhampiran kediaman mereka sama ada untuk dijual ataupun untuk kegunaan mereka sendiri. Dalam hal ini, jabatan dan agensi pertanian sentiasa memberi khidmat nasihat kepada petani dan orang ramai mengenai kaedah berteknologi moden dengan penggunaan benih yang baik bagi meningkatkan produktiviti mereka.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan cadangan Yang Berhormat Senator Tuan Long bin Jidin agar satu pelan pembangunan industri pertanian dapat diwujudkan dan dikemaskinikan, saya suka menyatakan bahawa Kementerian memang bercadang memperhebatkan lagi tanaman sayur-sayuran di negeri ini di samping dapat menyelamatkan pertukaran wang asing kita.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan Yang Berhormat Senator yang sama agar aktiviti-aktiviti ternakan integrasi dapat dijalankan di kawasan-kawasan ladang kelapa sawit, sukalah saya menyatakan bahawa aktiviti-aktiviti pengeluaran ternakan lembu dan bebiri secara integrasi memang sudah digalakkan dan sudah pun mula dijalankan di kawasan-kawasan ladang kelapa sawit dan juga kawasan ladang getah. Dianggarkan 1.2 juta hektar dari lebih kurang 4 juta hektar ladang yang ada di negara kita pada masa ini iaitu 2.5 juta hektar ladang kelapa sawit dan 1.5 juta hektar ladang getah, kawasan tanaman ladang tanaman kekal boleh diusahakan dengan penternakan secara integrasi tersebut.

Setakat ini dianggarkan terdapat 136,000 ekor lembu sedang ditenak secara integrasi. Untuk makluman, tindakan yang sudah pun diambil oleh Kementerian Pertanian melalui Jabatan Perkhidmatan Haiwan ialah mengenalpasti dan memulakan pembangunan penternakan secara integrasi di sebelas kawasan tumpuan projek integrasi ternakan dengan tanaman kekal atau

istilah yang kita gunakan ‘PINTAR’. Kawasan tumbuhan PINTAR di negeri Pahang ialah di Jengka, Muazzam Shah dan Teriang.

Dengan itu saya mengucapkan sekali lagi terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah sama-sama memberikan perhatian kepada Kementerian Pertanian terutama dalam saat negara kita berada dalam ekonomi yang kurang memuaskan ini dan segala perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat akan diberi perhatian dan tindakan yang sewajarnya bagi meninggikan lagi prestasi Kementerian Pertanian. Bagi perkara-perkara yang tidak sempat dijawab, saya akan mengambil perjalanan mana-mana yang difikirkan perlu untuk kepentingan dan kebajikan seluruh negara. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

**6.15 ptg.**

**Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato’ Seri Megat Junid bin Megat Ayob]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan Rang Undang-undang Perbekalan 1998 terutama sekali kepada Yang Berhormat Tuan Haji Gapar dan Yang Berhormat Puan Sri Sarasa yang

telah membangkitkan isu-isu yang menyentuh bidang tugas Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, kemerosotan nilai ringgit berbanding matawang utama dunia terutama Dolar Amerika Syarikat memberi kesan langsung dan tidak langsung ke atas harga barang-barang yang diimport dan barang-barang yang bahan mentahnya diimport kerana urusan niaga barang-barang itu di peringkat antarabangsa adalah dalam matawang Dolar Amerika Syarikat. Dengan itu kenaikan harga beberapa barangan termasuk barang-barang yang dikawal seperti susu pekat manis, tepung gandum dan gula tidak dapat dielakkan.

Setelah menimbang dengan teliti permohonan kenaikan harga barang-barang tersebut dari syarikat-syarikat pengeluar, kerajaan telah bersetuju dengan kenaikan harga barang-barang itu sepertimana yang telah pun diumumkan. Kenaikan harga susu pekat manis, tepung gandum dan gula ini berkuatkuasa mulai 1 Februari 1998 iaitu selepas perayaan-perayaan Krismas, Tahun Baru Cina dan Hari Raya Puasa.

Kementerian sedar bahawa ramai pihak telah mempersoalkan justifikasi pengumuman awal kenaikan harga barang-barang ini, kerana berpendapat ianya mungkin mendorong pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab melakukan aktiviti seperti menyorok, enggan menjual, menyimpan atau membeli dengan kuantiti berlebihan dan sebagainya dengan tujuan untuk meraih keuntungan

berlebihan atau profiteer yang boleh menjurus kepada berlakunya kekurangan bekalan. Dalam hubungan ini, izinkan saya mengambil kesempatan ini untuk memberi penjelasan mengenai perkara ini.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, bahan stok gula, tepung gandum dan susu pekat manis di peringkat pengeluar adalah sangat terhad dan permintaan terhadapnya dijangka meningkat menjelang bulan Ramadan dan musim-musim perayaan Tahun Baru Cina dan Hari Raya Puasa tidak lama lagi. Syarikat-syarikat pengeluar tidak akan mengimport bahan-bahan mentah bagi barang-barang tersebut jika tidak ada jaminan daripada kerajaan yang harga barang-barang itu akan dinaikkan selaras dengan kenaikan kos termasuk berikutan penurunan nilai Ringgit.

Justeru itu, kerajaan telah memutuskan untuk membuat pengumuman awal mengenai kenaikan harga barang-barang itu sebagai satu komitmen dan jaminan kepada pengeluar bagi mendorong mereka menerus dan mempertingkatkan pengeluaran, lagi pun kerajaan menjangkakan bahawa pelbagai spekulasi akan timbul walaupun pengumuman awal tidak dibuat.

Kerajaan sedar dan peka bahawa ada kemungkinan sesetengah peniaga yang tidak bertanggungjawab akan mengambil kesempatan untuk melakukan kegiatan mencatut (to profiteer) berikutan daripada keputusan kerajaan meluluskan kenaikan harga barang-barang seperti yang diumumkan lebih awal itu. Sehubungan itu, kementerian telah dan sedang mengambil pelbagai



langkah bagi membanteras aktiviti demikian dan seterusnya menentukan bekalan barang-barang tersebut dan barang-barang keperluan asas yang lain tidak terjejas terutamanya di bulan Ramadan dan musim-musim perayaan yang akan menjelang tidak lama lagi.

Di antara tindakan yang diambil oleh kementerian ialah menyusun dan melaksanakan pelan tindakan kestabilan bekalan dan harga yang meliputi:-

- (i) pemeriksaan fizikal dan kawalseliaan melalui penyata stok di peringkat kilang dan penjual borong barang-barang yang terlibat dengan kenaikan harga itu sekurang-kurangnya sekali dalam setiap dua minggu. Tujuannya ialah untuk mengetahui kedudukan stok bahan-bahan mentah dan barang siap, pengedaran serta baki stok di samping mengesan dan membanteras amalan-amalan yang tidak beretika seperti mengurang atau memberhentikan pengeluaran, enggan menjual dan menyimpan stok berlebihan;
- (ii) pemeriksaan berterusan di peringkat runcit termasuk di kawasan-kawasan luar bandar, FELDA, estet, kampung-kampung baru dan lain-lain bagi menentukan peniaga-peniaga meletakkan tanda harga kepada barang-barang

dan tidak melakukan perbuatan yang boleh menjejaskan bekalan dan harga;

- (iii) pemeriksaan ke atas industri-industri yang mengeluarkan barang-barang makanan berasaskan gula dan tepung gandum bagi menentukan tidak berlaku over stocking barang-barang tersebut;
- (iv) larangan ke atas eksport tepung gandum, gula, minyak masak, susu pekat manis dan diesel kecuali untuk kegunaan isi rumah dengan kuantiti yang dihadkan atau oleh syarikat-syarikat pengeluar yang diberi kebenaran bertulis oleh kementerian sahaja.

Bagi maksud ini, ejen-ejen di kawasan sempadan yang pada lazimnya digunakan oleh syarikat-syarikat pengeluar sebagai saluran eksport tidak lagi dibenarkan berbuat demikian. Syarikat-syarikat pengeluar diarah supaya mengurangkan bekalan kepada peniaga-peniaga di kawasan sempadan. Sebarang permintaan untuk penambahan bekalan dari mana-mana pihak perlulah dirujuk dan mendapat kebenaran bertulis dari kementerian dan pemeriksaan ke atas tempat-tempat yang menjadi tumpuan aktiviti urusniaga secara tukaran barang atau barter trade, dengan izin, dipertingkatkan untuk menentukan pihak-pihak terlibat tidak mengambil kesempatan untuk membawa

keluar barang-barang kawalan berkaitan tanpa kebenaran dan menasihati pengguna supaya tidak membuat pembelian berlebihan.

Bagi menentukan keberkesanan pelan tindakan di atas, cuti semua pegawai penguatkuasa kementerian telah dibekukan. Pengarah-pengarah penguatkuasa negeri diarah untuk melaksanakan tindakan-tindakan ini dengan tegas dan konsisten di samping mempertingkatkan penguatkuasaan undang-undang. Dalam hubungan ini adalah diputuskan bahawa mereka yang dikenakan tindakan tidak akan dibenarkan dikompaun. Publisiti yang meluas juga diberi kepada tindakan-tindakan yang diambil untuk mewujudkan kesedaran dan keyakinan bahawa kerajaan adalah serius dalam menangani masalah ini. Bagi memudahkan orang ramai membuat aduan, bilik gerakan dibuka dan beroperasi di ibu pejabat bahagian penguatkuasa kementerian pada waktu pejabat.

Untuk makluman Ahli-ahli Dewan yang mulia ini, bagi tempoh Januari hingga 13 Disember 1997 sejumlah 528,131 premises perniagaan telah diperiksa dan hasilnya 6,337 peniaga telah diambil tindakan di atas pelbagai kesalahan dan melibatkan nilai barangan hampir RM30.5 juta dengan kompaun RM1.6 juta dan denda RM586,000. Tindakan mahkamah telah diambil ke atas seorang peniaga di Seremban yang didapati menyimpan gula melebihi had yang dibenarkan kerana peniaga tersebut didapati telah melanggar Akta Kawalan

Bekalan 1991. Peniaga ini telah didakwa di mahkamah dan dikenakan denda sebanyak RM10,000 oleh mahkamah setelah mengaku bersalah.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan supaya senarai harga barang-barang dipamerkan di tempat-tempat awam dan disiarkan di media massa, ingin saya memaklumkan bahawa pengumuman perubahan harga dari masa ke semasa telah dibuat melalui media massa dan surat-surat pekeliling yang diedarkan untuk pengetahuan peniaga-peniaga dan pengguna. Jika didapati perlu, senarai harga barang-barang akan dipamerkan di tempat-tempat awam seperti yang dicadangkan. Selain dari itu, setiap peruncit diwajibkan oleh undang-undang untuk meletakkan tanda harga kepada barang-barang yang dipamerkan untuk jualan di premis perniagaan masing-masing bagi membolehkan pengguna membuat perbandingan harga.

**Puan Kamilia binti Ibrahim:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada yang minta laluan.

**Puan Kamilia binti Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri kerana tindakan-tindakan yang akan dan telah diambil. Cuma saya ingin penjelasan, kita dapat sekarang memandangkan keadaan ekonomi yang begitu rupa sekarang ini dan juga tindakan dan masalah yang timbul, kita juga faham bahawa beban kerja penguatkuasa akan bertambah. Jadi, saya ingin penjelasan sama ada pihak

kementerian mempunyai cukup kakitangan penguatkuasaan dan kawal selia yang saya rasa sangat penting dewasa ini.

**Dato' Seri Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, dalam keadaan yang begitu genting dan darurat ini, saya ingat kita tidak ada masa untuk memikirkan adakah kakitangan cukup atau tidak. Apa yang perlu ialah kita gunakan segala gunatenaga yang ada secara maksimum agar dapat kita menyelesaikan masalah ini. Biarlah kekurangan kakitangan itu merupakan masalah yang kedua, masalah menyelesaikan masalah adalah perkara yang utama. Saya .....

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** [*Bangun*]

**Dato' Seri Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, ada pula yang bangun ini.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana memberi peluang kepada saya. Saya ingin mendapat penjelasan dari Yang Berhormat Menteri, sama ada kerajaan akan menggunakan unit-unit peladang ataupun agensi-agensi kerajaan bagi mengedarkan barang-barang perlu kepada rakyat. Sekarang ini kita tidak dapat elak daripada kenaikan harga barang-barang, maksud saya barang-barang yang di bawah kawalan sahaja, kalau kita gunakan PPK koperasi yang ada ini untuk membolehkan rakyat yang menjadi keahlian, yang diberi kupon sahaja yang membeli barang-barang itu dengan harga yang berpatutan. Ini adalah satu

jalan yang cukup baik. Rakyat akan tetap menyokong kita, ada orang lain, kita benarkan mereka beli dan kita hadkan pembelian, bukan makna kata boleh beli seberapa banyak yang dia suka.

**Dato' Seri Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bercakap terlalu laju, kurang fahamlah. *[Ketawa]* Tetapi tentang outlet yang diminta oleh Ahli Yang Berhormat itu bahawa agensi-agensi lain juga terlibat, pihak saya mengalu-alukan kerana kita mempunyai jawatankuasa khas untuk menangani masalah ini, jadi jikalau sekiranya ada agensi-agensi yang difikirkan perlu, yang boleh mengurangkan lagi beban serta memberi manfaat kepada pengguna, kita sedia untuk memberikan kerjasama.

Tentang hal kupon dan mengehendkan pembelian ini, kita memang dari masa ke semasa menasihatkan, sehinggakan bila lawatan saya ke supermarket baru-baru ini, saya melihat satu famili membeli sampai lima tong minyak masak yang berat 5 kg satu, saya pun tanya: “Mengapa beli banyak sangat ini?” Kerana saya tahu untuk satu keluarga sepuluh orang satu tin 5 kg sudah cukup satu bulan. Dia kata: “Ini untuk pak menakan dia, ini untuk saudara dia, ini untuk emak dia.” Jadi, kita memang check, jangan sekiranya mereka membeli berlebihan sehinggakan wujud dikatakan tidak cukup barang-barang tersebut.

Dengan kerjasama dari semua pihak, saya yakin kegiatan yang tidak sihat seperti yang dikhuatirkan oleh banyak pihak itu akan dapat dibanteras dan pada masa yang sama orang ramai tidak akan menghadapi apa-apa masalah untuk mendapatkan barang-barang keperluan dengan harga yang berpatutan

termasuk sepanjang bulan Ramadan, di musim-musim perayaan yang akan datang.

Saya menyeru sangat kepada semua wakil rakyat dan Senator, pihak penguatkuasa saya ada di setiap negeri dan di setiap daerah, saya minta sangatlah sebagai pemimpin masyarakat di daerah-daerah untuk bersama-sama dengan penguatkuasa saya membuat lawatan di premis-premis perdagangan dan menentukan bahawa peniaga-peniaga menjual barang kepada orang ramai mengikut sepertimana yang telah ditetapkan oleh kerajaan. Ini akan memberikan semangat kepada kakitangan penguatkuasa kementerian saya dalam menjalankan tugasnya. Dan saya minta sangat kalau sekiranya ada orang-orang dalam kawasan yang kena tangkap oleh kerana menjalankan kegiatan yang menyalahi undang-undang dari segi perniagaan ini, saya harap sangatlah wakil-wakil rakyat dan Senator janganlah pula duduk di belakang minta supaya dilonggarkan, jangan ditangkap dan sebagainya. Kerana perbuatan yang seperti ini adalah satu perbuatan yang akan menjejaskan keseluruhan rakyat terutama rakyat yang susah. Jadi, biarlah kita beri pengajaran kepada peniaga-peniaga ini supaya mereka bertanggungjawab bersama di atas kegawatan ekonomi hari ini.

Akhirnya, saya sekali lagi mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat .....

**Puan Kamalia binti Ibrahim:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Megat Junid bin Megat Ayob:** Ya, ada lagi?

**Puan Kamalia binti Ibrahim:** Ada sedikit, Tuan Yang di-Pertua. Saya mengalu-alukan cadangan Yang Berhormat Menteri untuk kami, wakil-wakil rakyat dan juga Ahli Dewan Negara untuk sama-sama bekerjasama dengan pihak penguatkuasa. Jadi untuk tujuan tersebut, saya ingin mencadangkan kalau dapat kami dikirinkan garis panduan tentang penguatkuasaan supaya kalau kami hendak pergi, kami tahu apa dia yang perlu kami lakukan. Terima kasih.

**Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang tempat yang kita hendak melawat itu kita tidak boleh beritahu awal. Saya sendiri kalau saya hendak pergi buat raiding, saya suruh semua penguatkuasa saya, reporter datang ke rumah saya, minum kopi dahulu, sudah kenyang semua, baru saya kata, Okay, sekarang kita pergi ke sini. Kalau tidak, bocor. Bila bocor, semua orang bersiap sedia. Jadi, kalau sekiranya di peringkat daerah bila penguatkuasa hendak buat raiding, Yang Berhormat ini iring sahaja sebagai orang kata 'pengapit mempelai'. *[Ketawa]* Jadi, biar mempelai buat tugas tetapi kita jadi pengapit mempelai supaya peniaga-peniaga dan orang ramai merasakan bahawa, ah, tengok Senator kita ini, dia sama-sama bertanggungjawab walaupun kerja itu biarlah penguatkuasa buat. Macam saya sendiri pun tidak boleh hendak tangkap kerana saya tidak ada hak dan kuasa itu, tetapi orang di belakang saya, penguatkuasa yang boleh tangkap, tetapi kita jadi macam orang yang dihormati, orang yang difikirkan bertanggungjawab untuk mengepalai raiding ini.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, sepertimana saya kata tadi.....

**Datuk Haji Sairin bin Karno:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Oh, ada lagi.

**Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob:** Ha, wakil Keningau, Senator daripada Keningau.

**Datuk Haji Sairin bin Karno:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengajukan, barangkali mohon penjelasan kepada Datuk Seri Menteri kita di mana satu ketika semasa Yang Berhormat datang ke Keningau, masyarakat Keningau meminta supaya penguatkuasa itu ditempatkan di Keningau dan kalau menurut jawapan tadi memang okay, cuma kebiasaan peniaga-peniaga kita ini bila dia nampak penguatkuasa, dia tidak akan menaikkan harga ataupun membuat sesuka hati. Tetapi masalahnya bila tidak ada penguatkuasa di situ, sewenang-wenangnya ikut suka hati dia untuk



menaikkan harga. Jadi saya tidak tahu apa soalan ini, tetapi barangkali mungkin salah satu yang penguatkuasa ditempatkan di bahagian Keningau itu perlu dan barangkali sekali gus seperti yang dinyatakan oleh rakan-rakan tadi, Senator-Senator ini mungkin perlu ada sama ada surat khas daripada menteri atau apa juga bentuk bagi membolehkan kita pada bila-bila waktu untuk bersama menegur mana yang patut ditegur. Terima kasih.

**Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, masalah menempatkan satu Jabatan Penguatkuasa di Keningau, yang sebenarnya telah pun diluluskan oleh Kabinet, salah satu daripada 24 tempat yang diluluskan oleh Kabinet dan pihak kementerian sedang berbincang dengan JPA untuk menentukan kakitangan dan sebagainya. Bila ianya telah selesai, maka satu pasukan penguatkuasa akan ditempatkan di daerah Keningau.

Lagi sekali, Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak kementerian, saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada semua Yang Berhormat dan berharap kita dapat menangani masalah ini bersama sebagai rakyat yang bertanggungjawab. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kementerian Pendidikan.

**6.33 ptg.**

**Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus]:** Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Yang Berhormat Menteri, saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan 1998 dan telah membangkitkan pelbagai perkara, isu serta cadangan yang menyentuh Kementerian Pendidikan.

Terdapat beberapa isu yang telah diberikan penjelasan dalam Dewan yang mulia ini, sama ada dalam perbahasan rang undang-undang atau jawapan bagi pertanyaan mulut. Oleh yang demikian, saya akan memberikan penjelasan secara umum dan mana-mana yang perlu secara khusus.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin telah memilih beberapa isu pembangunan sekolah dalam ucapannya. Beliau telah mencadangkan agar Kementerian Pendidikan menubuhkan Unit Pembangunan untuk mengawal selia pembinaan sekolah-sekolah baru. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di Kementerian Pendidikan

terdapat Bahagian Pembangunan Penswastan dan Bekalan yang berfungsi sebagai pelaksana pembangunan sekolah yang dirancangan. Di samping itu, di peringkat Jabatan Pendidikan Negeri juga terdapat Unit Pembangunan untuk memantau pembangunan sekolah yang sedang dilaksanakan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam Rancangan Malaysia Ketujuh ada sebanyak 1,032 projek pembangunan pendidikan rendah dan 651 projek pembangunan pendidikan menengah akan dilaksanakan. Sebagai tambahan, projek mengganti dan membaik pulih bangunan bilik darjah daif di 930 buah sekolah rendah dan 114 buah sekolah menengah akan juga dilaksanakan. Manakala projek ubahsuai dan naiktaraf dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, sekolah rendah dan menengah juga diberi peruntukan tahunan mengikut permohonan untuk kerja-kerja kecil yang dilaksanakan oleh Jabatan Pendidikan Negeri.

Mengenai cadangan beliau agar diwujudkan Tabung Tanah untuk pembinaan sekolah baru pada masa akan datang, suka saya jelaskan bahawa Kementerian Pendidikan telah meminta kerajaan-kerajaan negeri mensyaratkan agar pemaju-pemaju perumahan menyediakan tapak di kawasan perumahan dan seterusnya membina sekolah. Untuk mempercepatkan pembinaan sekolah, kaedah pembinaan secara, dengan izin, Design and Build, telah dilaksanakan di kawasan perumahan. Kementerian Pendidikan telah mengeluarkan garis panduan bahawa setiap 1,250 unit rumah maka pihak pemaju dikehendaki menyediakan tapak seluas enam ekar bagi pembinaan sekolah rendah. Bagi perumahan baru yang mempunyai 2,500 unit rumah pula, pihak pemaju dikehendaki menyediakan dan menyerahkan tapak kepada pihak berkuasa bagi pembinaan sebuah sekolah menengah dan dua buah sekolah rendah.

Yang Berhormat Dato' Marimuthu a/l Nadeson, betulkah atau lain?

**Tuan N. Marimuthu:** Marimuthu a/l Nadeson, bukan Dato'.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tak ada "Dato", tak mahu "Dato"? Okay.

*[Ketawa]*

Yang Berhormat Tuan N. Marimuthu - minta maaf, diperbetulkan - telah menggesa agar Kementerian Pendidikan mengambil alih sekolah rendah jenis kebangsaan Tamil di estet-estet, betul? Okay. Perlu dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan tidak keberatan, syaratnya pemilik tapak

sekolah tersebut bersedia menyerahkan kepada kerajaan. Kementerian Pendidikan sentiasa memantau perkembangan yang mempunyai implikasi ke atas sekolah-sekolah, termasuklah pemindahan tapak sekolah tersebut dari kawasan sedia ada akibat daripada kawasan perladangan menjadi kawasan perumahan dan perindustrian. Bagi sekolah-sekolah bantuan kerajaan dan sekolah bantuan modal, mengikut amalannya pihak pemaju akan menggantikan sekolah berserta tapak melalui perundingan dengan Lembaga Pengurus atau lain-lain pihak yang bertanggungjawab.

Yang Berhormat Tuan Janggu Anak Banyang dan Yang Berhormat Tuan Abdillah bin Abdul Rahim telah membangkitkan soal sekolah-sekolah daif di kawasan luar bandar. Kerajaan telah melaksanakan pelbagai program bagi meningkatkan kemudahan fizikal, menghantar guru-guru terlatih serta membekalkan sumber-sumber keperluan pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah luar bandar. Dalam hal ini kerajaan tidak pernah membeza-bezakan pemberian peruntukan untuk pendidikan mengikut negeri atau kawasan. Usaha-usaha tersebut akan memastikan pelajar-pelajar di kawasan luar bandar tidak terpinggir dalam arus kemajuan pendidikan malahan setanding dengan kualiti pendidikan di kawasan bandar.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Eng Hoi Choo dan Yang Berhormat Tuan N. Marimuthu telah membangkitkan masalah kekurangan guru di sekolah rendah jenis kebangsaan Cina dan sekolah rendah jenis kebangsaan Tamil dan isu ini telah berulang kali ditimbulkan di Dewan yang mulia ini. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, apa yang berlaku adalah bilangan calon yang memohon untuk pengkhususan pengajian Cina dan Tamil di maktab-maktab perguruan adalah kecil bilangannya. Namun demikian, beberapa langkah telah diambil seperti meningkatkan unjuran pengambilan calon untuk kedua-dua bidang pengkhususan tersebut. Mulai dari sesi pengambilan 1998, Kementerian Pendidikan telah memberi pengecualian syarat kepujian Bahasa Malaysia kepada peringkat SPM dan yang setaraf dengannya kepada calon-calon yang memohon bidang pengkhususan pengajian Tamil dan pengajian Cina bagi program Diploma Perguruan Malaysia (DPM). Walau bagaimanapun, walaupun kita beri kelonggaran syarat, calon-calon yang berjaya diwajibkan mendapat kepujian Bahasa Malaysia semasa tempoh masa berkursus.

Yang Berhormat Tuan Janggu a/l Banyang juga telah menimbulkan isu kebanyakan guru yang dihantar di kawasan pedalaman.....

**Tuan Janggu Anak Banyang:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada yang bangun.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Ya.

**Tuan Janggu Anak Banyang:** Minta penjelasan. Nama tadi bukan 'anak lelaki' tetapi 'Anak Banyang'.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Minta maaf. Yang Berhormat Tuan Janggu Anak Banyang, betul ya? Saya tengok 'a/l', saya ingat 'anak lelaki', saya minta maaf. Saya ingat lain kali tukar, bubuh 'bin' teruslah, senang. *[Ketawa]*

Yang Berhormat Tuan Janggu Anak Banyang telah menimbulkan isu kebanyakan guru yang dihantar di kawasan pedalaman kurang berpengalaman sedangkan guru-guru yang berpengalaman ditempatkan di bandar. Kementerian Pendidikan menyedari masalah ini dan saya suka menjelaskan bahawa masalah ini sukar diatasi kerana kebanyakan guru yang sudah berpengalaman memohon berpindah di kawasan bandar terutama guru-guru wanita yang sudah berkahwin - kita sama-samalah fikir hal itu. Kekosongan ini terpaksa diisi oleh guru-guru yang baru menamatkan kursus perguruan sama ada di maktab-maktab perguruan dan universiti-universiti tempatan. Namun demikian, Kementerian Pendidikan tetap berusaha untuk menempatkan lebih ramai guru berpengalaman di kawasan luar bandar demi meningkatkan prestasi pelajar di kawasan-kawasan tersebut.

Mengenai isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman mengenai pengurangan penghantaran pelajar ke luar negara dalam menghadapi kegawatan ekonomi sekarang, kerajaan terpaksa mengambil langkah yang drastik. Namun demikian, ini tidak bermakna kerajaan tidak akan menghantar langsung pelajar ke luar negara. Bilangan yang dihantar khususnya di peringkat Ijazah Pertama akan dikurangkan dan kerajaan hanya akan menghantar pelajar-pelajar dalam bidang-bidang yang tidak ditawarkan di IPT tempatan dan bidang-bidang yang kritikal sahaja.

Untuk tujuan tersebut, Kementerian Pendidikan sedang berunding dengan pihak-pihak penganjur seperti MARA dan Jabatan Perkhidmatan Awam untuk menempatkan pelajar-pelajar tajaan

mereka di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) tempatan. Penubuhan universiti-universiti swasta seperti Universiti Telekom, Universiti Petronas dan Universiti Tenaga Nasional akan membuka ruang yang banyak kepada pelajar melanjutkan pengajian tinggi di dalam negara. Universiti-universiti tempatan juga telah diarahkan untuk meningkatkan enrolmen pelajar kepada 20,000 pelajar di setiap universiti.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba dan sekali lagi Yang Berhormat Tuan Janggu Anak Banyang dan Yang Berhormat Puan Sri Sarasa Pasamanickam telah membangkitkan mengenai isu tenaga pengajar yang tidak berwibawa terutamanya di institusi pengajian tinggi swasta (IPTS). Dalam soal ini, suka saya jelaskan Kementerian Pendidikan tidak ada kompromi ataupun Kementerian Pendidikan tidak boleh berkompromi demi memelihara kualiti pendidikan khususnya dalam usaha untuk menjadikan negara ini sebagai pusat kecemerlangan pendidikan di kawasan rantau ini. Tenaga pengajar dari luar yang ingin berkhidmat di negara ini akan dikenakan tapisan yang ketat dari segi kelayakan serta pengalaman agar dapat menyumbangkan pendidikan bermutu. Institusi-institusi yang didapati mengambil tenaga pengajar yang tidak berkelayakan akan dikenakan tindakan malahan salah satu syarat utama sesebuah IPTS diluluskan penubuhannya ialah dari segi kelayakan dan keberkesanan tenaga pengajar.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahaja yang dapat saya jelaskan mengenai perkara-perkara yang menyentuh Kementerian Pendidikan yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Perkara-perkara yang tidak sempat saya jelaskan kali ini akan diberi perhatian dan tindakan sewajarnya akan diambil. Sekali lagi bagi pihak Yang Berhormat Menteri Pendidikan, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberikan sokongan berterusan, teguran membina dan pandangan positif kepada Kementerian Pendidikan dalam usaha menjana pendidikan bertaraf dunia. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan.

**6.49 ptg.**

**Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [Dato' Teng Gaik Kwan]:**

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang

Berhormat yang telah memberi cadangan, pendapat serta teguran-teguran yang membina terhadap isu-isu yang berkaitan dengan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan dalam perbahasan Belanjawan 1998.

Senator Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail berpendapat bahawa promosi yang dijalankan oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan tidak adil kerana bagi sesetengah negeri, Perlis khususnya, tidak banyak ditonjolkan tarikan-tarikan pelancongan sepertimana negeri-negeri lain. Beliau berharap supaya pihak kementerian merujuk terlebih dahulu kepada pihak kerajaan negeri sebelum program promosi pelancongan dijalankan.

Yang Berhormat Datuk Haji Sairin bin Karno pula meminta kementerian mempromosikan 13 negeri di Malaysia secara sistematik kerana setiap negeri mempunyai keunikan seperti Sabah dengan Gunung Kinabalu dan Sarawak dengan Cave Mulu.

Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (LPPM) merupakan agensi di kementerian yang bertanggungjawab mempromosikan Malaysia sebagai sebuah destinasi pelancongan yang menarik di kalangan pelancong asing dan tempatan. Pelbagai usaha pemasaran telah dijalankan oleh LPPM termasuk program-program pengiklanan dan perhubungan awam melalui media cetak dan elektronik, lawatan pengenalan kepada agensi-agensis pengembara, penganjuran program pendidikan pelancongan ke sekolah-sekolah serta penyertaan pameran di dalam dan juga di luar negara, usaha-usaha mempromosi ini merangkumi kesemua negeri di Malaysia termasuk lokasi-lokasi baru yang dikenal pasti. Di samping itu, pejabat-pejabat LPPM wilayah dibuka dengan tujuan memberikan bantuan dan sokongan terutama dari segi teknikal, kemahiran dan kewangan kepada kerajaan negeri di wilayah masing-masing serta pihak lain yang memerlukan bantuan dalam mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan yang menarik.

Antara program yang telah dirancang dan diatur dengan kerjasama kerajaan negeri ialah 'Malaysia Destinasi' yang diwujudkan khas kepada pengusaha-pengusaha pelancongan tempatan bagi mendedahkan mereka kepada produk-produk baru. Oleh itu, pengusaha-pengusaha ini dapat mempelbagaikan pakej-pakej pelancongan yang lebih menarik dan meliputi setiap negeri di Malaysia. Strategi yang digunakan oleh kementerian untuk mempromosikan pelancongan adalah berlandaskan

strategi destinasi. Sebanyak 12 destinasi telah dikenal pasti dan dipasarkan terutamanya ke luar negara bagi menarik lebih ramai pelancong asing melancong ke Malaysia. Destinasi-destinasi yang dipromosikan dan keistimewaannya adalah seperti berikut:

- Kota Kinabalu - Alam Semula Jadi
- Sarawak - Kebudayaan Etnik
- Kuala Lumpur - Membeli-belah
- Pangkor - Pulau dan Pantai
- Langkawi - Pulau Legenda
- Melaka - Sejarah
- Pulau Pinang - Makanan dan Pantai
- Taman Negara - Alam Semula Jadi
- Tasek Bera - Alam Semula Jadi
- Johor Bahru - Membeli-belah
- Lembah Danun - Pengembaraan dan Alam Semula Jadi
- Tasek Kenyir - Pengembaraan dan Alam Semula Jadi

Di samping itu, kerjasama di antara LPPM dengan Unit Perancangan Ekonomi Negeri, Perbadanan Kemajuan Negeri serta badan-badan yang terlibat dalam industri pelancongan akan diteruskan bagi memasarkan produk-produk pelancongan di Malaysia.

Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali telah meminta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan mengadakan kempen promosi Sukan Komanwel di luar negara lebih agresif terutama di negara-negara Komanwel.

Tuan Yang di-Pertua, ekoran dari pemilihan Kuala Lumpur sebagai penganjur Sukan Komanwel Ke-XVI, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan telah merancang usaha-usaha promosi yang agresif yang mana bukan sahaja untuk menarik lebih ramai pelancong ke Malaysia semasa sukan ini, tetapi juga mengambil kesempatan untuk menonjolkan Malaysia sebagai destinasi sukan dan rekreasi yang utama di rantau ini. Sehubungan dengan ini, usaha-usaha mempromosikan Sukan Komanwel ini telah dimulakan sejak tahun 1995 dan dijalankan secara lebih agresif mulai Julai

1997 tahun ini. Kementerian melalui Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia telah mengedarkan risalah-risalah, poster dan bahan cenderamata KL 98 ke pasaran utama negara, terutama negara Komanwel. Kuala Lumpur 98 juga telah dipromosikan melalui penyertaan LPPM dalam pameran pelancong dan misi galakan yang dianjurkan. Di samping itu, pejabat-pejabat LPPM di luar negeri menganjurkan seminar dan woksyp kepada pengusaha pelancongan, kelab-kelab sukan dan rekreasi serta orang ramai melalui road show yang dianjurkan.

Tuan Yang di-Pertua, promosi khas juga dibuat sempena dengan penyertaan Malaysia dalam sukan-sukan berprestij dan bersejarah yang berlaku di luar negeri, seperti Mesyuarat CHOGM 1997 di Edinburgh, APEC di Vancouver dan bersempena JIAAF World Championship di Athens. LPPM juga mengadakan aktiviti pengiklanan melalui media massa dengan keutamaan kepada media sukan. LPPM juga membuat pengiklanan 'a clickable banner' melalui Internet di samping penggunaan homepage dan E-mail LPPM bagi menyebarkan maklumat KL 98 ke seluruh dunia. LPPM turut bekerjasama dengan para pengusaha pelancongan yang dilantik oleh Commonwealth Games Association di negara-negara Komanwel bagi mengadakan extended tour selepas KL 98. Di samping itu, dengan kerjasama Sukom Ninety Eight Berhad, Persatuan Agensi Pengembaraan dan Pelancongan (MAHTA) dan Persatuan Hotel Malaysia, pakej pelancongan khas KL 98 telah dapat dihasilkan untuk dijual di luar negeri.

Sukacita juga dimaklumkan bahawa aktiviti promosi dan pemasaran yang lebih agresif terutama melalui pengiklanan media dan Internet akan dilaksanakan oleh kementerian ini sehingga menjelang Sukan KL 98 nanti.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali telah meminta Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan membina Hotel Seri Malaysia di Kelantan di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh. Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan sememangnya telah merancang untuk membina Hotel Seri Malaysia di negeri-negeri yang belum lagi mempunyai hotel ini termasuk Kelantan. Walau bagaimanapun, sehingga kini kementerian masih belum memperolehi tapak yang sesuai di Kelantan untuk pembinaan hotel itu.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Janggu Anak Banyang meminta Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan memperkenalkan tempat-tempat lain di negeri Sarawak seperti Kapit, selain daripada Taman Negara Mulu kerana tempat-tempat tersebut juga



mempunyai tarikan pelancongan seperti hidupan liar. Kementerian juga telah diminta untuk menyetengahkan Sape, alat muzik tradisional yang dibuat daripada kayu sebagai salah satu tarikan pelancongan kerana Sape pernah dipamerkan di luar negara. Memang telah menjadi Dasar Pelancongan Negara untuk membangun, mempertingkatkan dan mempelbagaikan destinasi dan produk pelancongan yang berasaskan kekuatan, kekayaan dan imej tempatan seperti kekayaan warisan alam semula jadi dan sosial budaya tempatan sepertimana yang terdapat di Sarawak. Di dalam Pelan Induk Pelancongan Sarawak telah dikenal pasti bahawa Kapit adalah merupakan asas kepada pembangunan pelancongan ecotourism di zon tengah Sarawak. Justeru itu, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan akan bekerjasama dengan kerajaan negeri Sarawak untuk memperkenalkan Kapit dan destinasi lain di Sarawak, di samping memperkenalkan permainan muzik tradisional seperti Sape untuk menarik lebih ramai kedatangan pelancong ke Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberi teguran, pandangan dan cadangan membina kepada kementerian sama ada secara langsung mahupun secara tidak langsung. Semua teguran, cadangan dan pandangan ini akan diberi perhatian dan diberi pertimbangan sewajarnya di dalam merancang strategi dan program-program kebudayaan dan pelancongan kementerian ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Kementerian Penerangan sila jawab.

**7.00 mlm.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman dan Dato' Ghazi bin Haji Ramli ke atas pandangan yang membina mengenai isu yang berkaitan dengan Kementerian Penerangan semasa membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 1998 di Dewan yang mulia ini.

Kementerian Penerangan amat menghargai pandangan-pandangan yang diberikan. Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman telah menggesa supaya Kementerian Penerangan memainkan peranan untuk

memulihkan imej negara di peringkat antarabangsa dengan menangkis laporan-laporan media asing yang memburukkan negara ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Penerangan melalui jabatan-jabatan dan agensi di bawahnya sedang berusaha untuk mempertingkatkan lagi program dan aktiviti-aktiviti masing-masing bagi menerangkan kepada orang ramai di dalam dan di luar negeri dalam usaha mengatasi pihak-pihak tertentu yang memburukkan imej negara kita. Berita-berita positif yang menjelaskan kedudukan sebenar disalurkan melalui program-program radio, televisyen serta Bernama. Pihak media swasta juga diminta agar bertindak sedemikian sebagaimana yang dilaksanakan oleh media kerajaan seperti RTM dan Bernama.

Yang Berhormat Menteri dan pegawai-pegawai kanan kementerian sering mengadakan perjumpaan dengan pihak media luar negeri bagi menjelaskan kedudukan sebenar tentang Malaysia. Kementerian Penerangan dan CNN telah menjalin hubungan kerjasama dalam bidang penyiaran khususnya bagi 'Segment Site and Sound, Travel Asia and World Report' yang melaporkan iklim sihat dalam segala aspek di Malaysia seperti politik, ekonomi dan sosial. Penyiaran bahan-bahan ini melalui satelit yang boleh diterima di seluruh dunia akan memberi kesan positif.

Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman, yang telah membangkitkan soal kualiti Berita Perdana yang disiarkan oleh RTM pada 20

November 1997 yang dikatakan terdapat gangguan suara, orang ketawa dan berbisik apabila video dalam berita tersebut ditayangkan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kesilapan yang berlaku boleh digolongkan kepada dua jenis, iaitu kesilapan teknikal dan kesilapan manusia. Dalam kes yang dibangkitkan, jelas kesilapan tersebut berpunca daripada kelalaian pembaca berita yang tidak peka kepada disiplin di dalam studio semasa menjalankan tugas. Bagi kesalahan yang demikian lazimnya pembaca berkenaan diberi teguran, amaran atau jika perlu disingkirkan.

Yang Berhormat Dato' Ghazi bin Haji Ramli ingin tahu mengapa RTM menyiarkan permainan golf. Beliau mahu rancangan tersebut diganti dengan rancangan untuk menyedarkan rakyat terhadap masalah ekonomi negara dan bagaimana rakyat boleh menyertai kempen atau langkah berjimat-cermat yang sedang diambil oleh kerajaan. Beliau juga menyeru supaya penerangan dan penjelasan yang bersepadu hendaklah disampaikan kepada rakyat jelata menerusi radio, televisyen supaya langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan boleh berjaya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di samping berusaha untuk menyedarkan rakyat terhadap masalah ekonomi dan penyertaan kempen berjimat-cermat di kalangan rakyat, RTM juga mempunyai tanggungjawab dalam menggalakkan rakyat bersukan sebagai satu usaha meningkatkan kesihatan diri. Permainan golf ternyata kini menjadi satu industri komersial

yang berkembang dan mendapat sokongan dari semua pihak. Justeru itu, sebagai sokongan kepada bidang tersebut, RTM menyiarkan permainan golf yang kebanyakannya mendatangkan hasil iklan lumayan kepada kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam membincangkan peranan Kementerian Penerangan. Mana-mana perkara yang tidak sempat saya membalas, Kementerian Penerangan akan mengambil perhatian ke atas pandangan-pandangan yang diberikan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri Sumber Manusia.

**7.06 mlm.**

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbincangan Rang Undang-undang Perbekalan 1998, terutamanya Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman, Yang Berhormat Datin Hajah Wan Intan binti Wan Ahmad Tajuddin dan Yang Berhormat Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor yang telah menyentuh perkara-perkara di bawah bidang fungsi Kementerian Sumber Manusia.

Sesungguhnya cadangan dan pandangan yang telah diutarakan itu sangat-sangatlah dialu-alukan dan kementerian ini akan mengambil tindakan yang positif terhadap perkara-perkara yang telah dibangkitkan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman telah menekankan pentingnya kerajaan mewujudkan satu knowledge-based labour force untuk menangani masalah kekurangan tenaga kerja mahir pada masa akan datang di samping meminta perancangan kerajaan untuk menyediakan tenaga kerja yang mahir dalam tempoh lima tahun akan datang. Kerajaan pada sepanjang masa menggalakkan usaha-usaha untuk meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran bekerja dengan melibatkan pihak industri melatih pekerja-pekerja mereka dari semasa ke semasa agar pengetahuan mereka sentiasa kemaskini dan berkembang.

Sehubungan dengan ini, kerajaan telah mewujudkan Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia (Human Resources Development Fund). Kumpulan Wang Sumber Manusia adalah di bawah kelolaan Kementerian Sumber Manusia dan bertujuan untuk menggalakkan majikan-majikan supaya pekerja-pekerja mereka dihantar untuk menjalani latihan semula dan peningkatan kemahiran secara berterusan.

Semenjak tabung ini dilancarkan dalam tahun 1993, sehingga 31 Oktober 1997 sebanyak RM426.06 juta dalam bentuk bantuan kewangan telah diluluskan untuk melatih sejumlah 1.6 juta orang pekerja. Majikan-majikan

yang layak boleh juga mendapat bantuan kewangan di bawah Kumpulan Wang ini sekiranya pekerja-pekerjanya dilatih melalui latihan jarak jauh dan latihan terbuka.

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh, Kementerian Sumber Manusia akan menubuhkan lebih banyak lagi pusat-pusat latihan kemahiran sebagai langkah untuk menambahkan bilangan pekerja-pekerja yang terlatih dan mahir. Lima buah Institut Latihan Perindustrian, empat buah Pusat Latihan Teknologi Tinggi dan sebuah Institut Teknikal Jepun-Malaysia akan ditubuhkan di samping mengembangkan dan memperluaskan infrastruktur, sepuluh buah pusat latihan yang sedia ada untuk menampung pengambilan lebih ramai pelatih.

Berhubung dengan saranan Yang Berhormat Datin Hajah Wan Intan binti Wan Ahmad Tajuddin supaya kerajaan mengawal gaji sektor swasta untuk menghindarkan daripada berlaku terlalu banyak 'job hopping' di kalangan pekerja-pekerja, saya ingin menjelaskan bahawa kerajaan mengamalkan dasar perdagangan yang bebas dan gaji ditentukan oleh kuasa-kuasa pasaran. Walau bagaimanapun masalah 'job hopping' ini lazimnya berlaku dalam keadaan pasaran buruh yang ketat dan kedua-dua pihak mengambil kesempatan di atas keadaan ini.

Saya berpendapat dalam kegawatan ekonomi sekarang, masalah ini akan berkurangan lebih-lebih lagi pekerja akan sedar bahawa lompat-melompat ini,

dari satu majikan ke satu majikan yang lain sebenarnya tidak menguntungkan langsung. Ini kerana sekiranya keadaan syarikat itu merosot sehingga mereka terpaksa mengurangkan pekerja-pekerja maka dasar 'last in first out' akan terpakai. Dalam keadaan sedemikian, pekerja yang setia dengan syarikat dan tidak bertukar-tukar majikan adalah yang paling kukuh dan tidak mungkin akan diberhentikan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor, jabatan di Kementerian Sumber Manusia telah mendapatkan khidmat nasihat kaunseling dan beberapa program siri ceramah termasuk yang bersepadu dengan Jabatan Agama Islam di tempat pekerjaan sama ada majikan tempatan atau asing bagi memberi kefahaman pentingnya pekerja Islam tidak dihalang ataupun disekat daripada menunaikan tuntutan agama, malah kebanyakan majikan telah pun menyediakan bilik sembahyang ataupun mengubahsuaikan waktu rehat pekerja bagi membolehkan mereka menunaikan sembahyang. Pada hari Jumaat pula kebanyakan majikan telah membenarkan pekerja lelaki Islam menunaikan sembahyang Jumaat dengan memberi masa rehat yang lebih panjang dan ada di antaranya menyediakan pengangkutan membawa pekerja berkenaan ke masjid. Sekiranya Jabatan Buruh menerima sebarang aduan tentang perkara-perkara ini secara spesifik, tindakan untuk menghubungi majikan terlibat akan dijalankan dengan serta-

merta. Dengan itu saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua yang telah mengambil bahagian dalam perdebatan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

**7.10 mlm.**

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Abu Bakar bin Daud]:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi penjelasan terhadap perkara-perkara yang disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan.

Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali telah mencadangkan supaya Projek Kuala Lumpur Linear City diberhentikan terus untuk membolehkan Kuala Lumpur menjadi Bandar Dalam Taman. Beliau juga berpendapat bahawa adalah tidak wajar pembangunan di atas permukaan sungai diadakan tanpa mengambil kira kesan-kesan yang mungkin timbul kepada alam sekitar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan telah pun membuat keputusan untuk menangguhkan beberapa projek mega termasuk Kuala Lumpur Linear City. Keputusan ini dibuat berdasarkan kedudukan ekonomi yang dihadapi oleh negara pada masa ini.

Yang Berhormat Tuan Haji Gapar bin Gurrohu telah menyentuh tentang kempen 'Cintailah Sungai Kita' dan seterusnya beliau mencadangkan kempen



tersebut disertai oleh setiap lapisan masyarakat. Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat di atas kesedaran dan keperhatian mengenai program kempen ‘Cintailah Sungai Kita.’

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, program kempen ‘Cintailah Sungai Kita’ telah dianjurkan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran dengan kerjasama Jabatan Alam Sekitar. Program ini bertujuan meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai tanggungjawab menjaga dan mengawal sungai supaya ianya dapat diwujudkan suasana yang bersih, bebas dari bahan pencemaran dan memastikan kualiti air sentiasa bersih. Dalam melaksanakan program ini, Jabatan Alam Sekitar memainkan peranan untuk meningkatkan kesedaran pelajar-pelajar sekolah supaya menghargai, menghayati keindahan alam semula jadi khususnya sungai di samping menghargai suasana yang bersih dan bebas dari segala bentuk pencemaran. Program ini dilaksanakan melalui aktiviti-aktiviti luar seperti pengawasan kualiti air, kajian hidupan akuatik dan pembersihan sampah-sarap sungai.

Saya sangat bersetuju dengan pendapat Ahli Yang Berhormat bahawa program ini seharusnya disertai oleh semua lapisan masyarakat. Usaha-usaha seperti ini tidak seharusnya dipertanggungjawabkan kepada agensi-agensi kerajaan sahaja.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, walaupun pada masa ini terdapat pencemaran sungai di negara ini, tetapi pencemaran tersebut masih

dalam keadaan terkawal. Dari jumlah 116 limbangan sungai utama hanya 13 limbangan sungai dikategorikan sebagai sangat tercemar dan ini menunjukkan hanya 11% sahaja dari jumlah tersebut yang mengalami pencemaran.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat selain daripada melaksanakan kempen 'Cintailah Sungai Kita', kementerian juga sedang mengambil langkah-langkah untuk mencapai hasrat ini dengan meningkatkan penguatkuasaan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan peraturan-peraturan di bawahnya. Selain daripada itu, kementerian juga memberi kerjasama dan khidmat nasihat kepada agensi-agensi kerajaan yang lain termasuk pihak berkuasa tempatan untuk menerimapakai garis panduan yang tertentu bagi mengawal pencemaran sungai. Majlis-majlis dialog juga diadakan dengan baik, dengan pihak industri bagi membantu mereka menyelesaikan masalah pencemaran tersebut. Langkah-langkah ini patut diberi perhatian dan keutamaan oleh semua masyarakat tanpa mengira lapisan dan tempat di mana mereka berada, kerana pencapaian hasrat ini bukan sahaja bergantung kepada perancangan yang dibuat oleh pihak kerajaan, tetapi yang pentingnya ialah sambutan dan sikap orang ramai untuk bersama-sama mengambil bahagian dalam kempen tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali izinkan saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi perhatian kepada aktiviti-aktiviti Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. Sekiranya pandangan, teguran dan cadangan dari Ahli-ahli Yang Berhormat itu tidak

sempat disentuh dalam jawapan ini, perkara-perkara yang dibangkitkan itu akan saya berikan perhatian dan tindakan sewajarnya akan diambil.

Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

**7.15 mlm.**

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Azmi bin Khalid]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian membahaskan perkara-perkara berkaitan dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Berhubung dengan perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Abdillah bin Abdul Rahim mengenai Tabung Pembangunan Rumah Kos Rendah dan Tabung Pinjaman Rumah Kos Rendah, ingin saya maklumkan bahawa kerajaan telah pun meluluskan dana berjumlah RM600 juta bagi Tabung Perumahan Rakyat Termiskin.

Kedua, dana RM500 juta untuk memudahkan bridging finance dan pengwujudan tabung pusingan perumahan kos rendah dengan peruntukan sebanyak RM1 bilion yang dikendalikan oleh Bank Negara. Selain dari itu

Syarikat Perumahan Negara telah ditubuhkan dengan dana RM1 bilion untuk membantu mengatasi masalah perumahan kos rendah seluruh negara.

Mengenai persoalan mutu rumah kos rendah, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dengan kerjasama Construction Industries Development Berhad (CIDB), dengan izin, telah menubuhkan Jawatankuasa Kerosakan Sifar Dalam Perumahan bagi merangkakan dasar dan garis panduan untuk mengawal mutu pembinaan rumah terutama rumah kos rendah.

Mengenai persoalan pengagihan rumah kos rendah pula, ingin saya maklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa kerajaan telah mengeluarkan garis panduan pelaksanaan sistem pendaftaran terbuka berkomputer untuk digunakan oleh semua kerajaan negeri. Sistem ini dijangka dapat dilaksanakan sepenuhnya disemua negeri pada tahun 1998.

Mengenai gesaan Yang Berhormat Tuan Tan Swee Hueng tentang perlunya pembinaan rumah kos rendah dan rumah kos sederhana di setiap negeri dipertingkatkan, ingin saya maklumkan bahawa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sedang menyelaras dan mengesan kemajuan projek perumahan di peringkat negeri agar ianya memenuhi matlamat 800,000 unit rumah semua jenis, iaitu kos rendah, sederhana dan kos tinggi yang disasarkan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh.

Akhir sekali, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang sentiasa perihatin mengenai permasalahan yang dihadapi oleh kementerian ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

**7.18 mlm.**

**Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar [Dato' K. Kumaran]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih, kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam membincangkan isu-isu pembangunan yang terletak di bawah bidang kuasa Kementerian Pembangunan Luar Bandar semasa perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 1998.

Yang Berhormat Senator Janggu Anak Banyang telah menyentuh mengenai Program Pembasmian Kemiskinan di Sarawak. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian akan terus memberikan tumpuan kepada pelaksanaan Program Pembasmian Kemiskinan di semua negeri miskin termasuk di negeri Sarawak.

Bagi tahun kewangan 1998, sejumlah RM94.3 juta telah diperuntukkan bagi Program Pembasmian Kemiskinan ini. Selain dari itu, di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh sejumlah RM14.5% daripada peruntukan kementerian akan diagihkan bagi pembangunan kawasan luar bandar dan Program Pembasmian Kemiskinan di Sarawak. Ini merupakan peratusan peruntukan yang tertinggi berbanding negeri-negeri yang lain.

Selain itu, Dasar Pembangunan Negara telah menetapkan bahawa Program Pembasmian Kemiskinan untuk tempoh Rangka Rancangan Kedua

(1991-2000) adalah ditumpukan kepada Program Pembangunan Rakyat Termiskin. Pengagihan peruntukan kepada negeri-negeri adalah berasaskan kepada bilangan keluarga termiskin yang terdapat di sesebuah negeri itu. Negeri Sarawak adalah salah satu daripada enam negeri yang mempunyai bilangan keluarga termiskin tertinggi iaitu 18% daripada sejumlah 57,000 ketua isi rumah. Di samping itu pengagihan peruntukan ini bergantung kepada Pelan Tindakan Pembasmian Kemiskinan yang disediakan oleh tiap-tiap daerah.

Yang Berhormat Senator Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi telah menyentuh tentang pemberian projek-projek jalan kampung kepada kontraktor-kontraktor. Kementerian mengambil ingatan atas saranan Yang Berhormat supaya pelaksanaan program menaikkan taraf jalan kampung secara konsep payung ini dikaji semula. Walau bagaimanapun, sukacita dijelaskan pelaksanaan projek-projek di bawah program menaikkan taraf jalan kampung mulai tahun 1997 iaitu tahun ini telah diputuskan dibuat secara konsep payung setelah kerajaan membuat kajian yang teliti ke atas masalah-masalah pelaksanaan yang dihadapi.

Antara masalah-masalah yang dihadapi ialah projek tidak dilaksanakan mengikut spesifikasi yang ditetapkan, kerja dipecah kecil, kurangnya pengesanan dan kawal seliaan oleh pejabat-pejabat daerah, proses penyediaan sebut harga dan tawaran mengambil masa dan tenaga kerja yang membebankan agensi pelaksanaan serta ketidakupayaan kontraktor kecil. Akibatnya ialah

pelaksanaan projek terjejas, jalan-jalan yang dibina tidak bermutu dan cepat rosak. Sebagai langkah tegas untuk mengatasi masalah-masalah ini, kaedah pelaksanaan yang terbaik ialah melaksanakan secara konsep payung. Sukacita ditekankan bahawa pemberian kontrak kerja secara konsep payung tidak akan meminggir apatah lagi menindas kontraktor kelas F atau pilih kasih di dalam pemilihannya.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, tahun 1997 sahaja kerajaan telah meluluskan perlantikan 529 kontraktor kecil bagi membantu syarikat payung di negeri-negeri Kedah, Johor, Kelantan, Pahang dan Sabah. Bagi tahun 1998 hingga 2000 lebih banyak lagi kontraktor kelas F akan dilibatkan. Ini dengan jelas membuktikan bahawa pelaksanaan konsep payung tidak membawa keburukan sepertimana didakwa. Soal pilih kasih di dalam pemilihan kontraktor kelas F adalah tidak benar, kerana proses pemilihan ini melibatkan peringkat daerah, iaitu pejabat daerah, negeri iaitu pegawai kemajuan negeri dan kementerian iaitu kementerian saya dan akhirnya Kementerian Kewangan.

Pemilihan kontraktor kelas F dibuat berdasarkan kepada perakuan mengenai rekod prestasi yang baik, keupayaan dan kemampuan kontraktor mempunyai lesen yang sah iaitu berdaftar dengan PKK dan mempunyai kepercayaan kepada kerja yang sesuai.

Yang Berhormat Senator Tuan Janggu Anak Banyang juga telah menyentuh tentang bekalan elektrik dan bekalan air di luar bandar. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengenai projek Bekalan Elektrik Luar Bandar dan Bekalan Air Luar Bandar, kerajaan mengambil perhatian terhadap saranan supaya peruntukan tahun 1998 tidak dipotong. Walau bagaimanapun, jika berlaku pemotongan ianya dijamin tidak akan menjejaskan pelaksanaan projek-projek tersebut secara keseluruhannya.

Yang Berhormat Senator Tuan Charern Intachat juga telah menyentuh tentang kemudahan asas di kawasan penduduk Siam. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sentiasa mengambil berat tentang pembangunan prasarana asas di luar bandar sepertimana yang ditegaskan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sewaktu membentangkan Belanjawan 1998. Sejumlah RM2.08 bilion diperuntukkan bagi membangunkan kawasan luar bandar. Justeru itu, kementerian akan berusaha dengan lebih giat lagi di dalam proses penjanaaan pembangunan di kawasan luar bandar termasuk kawasan-kawasan penduduk berketurunan Siam.

Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba pula membangkitkan isu penswastan RISDA. Kementerian mengambil berat terhadap pandangan Yang Berhormat supaya RISDA tidak diswastakan. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan belum membuat apa-apa keputusan berhubung sama ada RISDA diswastakan atau tidak. Di dalam



mempertimbangkan perkara ini, perhatian kepada isu berkaitan kumpulan sasar iaitu pekebun-pekebun kecil getah di luar bandar adalah diberi penekanan utama sebelum sebarang keputusan dibuat.

Yang Berhormat Puan Hajah Rahaiah binti Baheran membangkitkan program Pendidikan Kesejahteraan Keluarga yang dibuat oleh KEMAS. Untuk makluman Yang Berhormat, dalam usaha menghadapi kemelut ekonomi sekarang, KEMAS telah merancang supaya aktiviti Pendidikan Kesejahteraan Keluarga ini dapat memberi tumpuan kepada kegiatan-kegiatan yang dapat menjamin kestabilan pendapatan keluarga di luar bandar, seperti berkebun sayur sekeliling rumah, mengusahakan kraftangan, jahitan dan usaha-usaha memproses makanan seperti membuat kerepek, biskut dan kek.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat kerana telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan ini, khususnya yang berkaitan dengan Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Jika ada perkara lain yang disebut, yang tidak saya sentuh, sukacita saya tegaskan bahawa segala pandangan dan saranan itu akan diberi perhatian oleh kementerian saya dan akan diambil tindakan sewajarnya.

Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi.

**7.22 mlm.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi [Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas]:** Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Yang Berhormat Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Puan Hajah Rahaiah binti Baheran kerana sudi menyentuh Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi serta mengutarakan beberapa cadangan.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Rahaiah binti Baheran telah mencadangkan supaya diadakan program tabungan koperasi serta meminta supaya dikurangkan pinjaman daripada koperasi bagi pembelian barangan mewah dan import.

Sukacita saya maklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa program tabungan koperasi telah pun dijalankan dan akan terus dijalankan serta dipertingkatkan lagi, terutama melalui penambahan caruman ahli-ahli koperasi. Di samping itu, Jabatan Pembangunan Koperasi sentiasa menggalakkan koperasi-koperasi mengutamakan penjualan barangan tempatan khususnya kepada anggota-anggotanya yang meminjam wang koperasi.

Berkaitan dengan membimbing anggota-anggota koperasi supaya membeli secara berkumpulan serta cadangan supaya koperasi membeli barangan secara pukal, saya ingin memaklumkan bahawa Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi mengambil berat mengenai kesan-kesan kegawatan

ekonomi sekarang ini terhadap kehidupan masyarakat umum, khususnya kepada pengguna-pengguna. Seajar dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, kementerian telah menubuhkan sebuah jawatankuasa yang diberi nama Jawatankuasa Mengkaji Peranan Koperasi Dalam Menangani Kegawatan Ekonomi Masa Kini. Jawatankuasa ini telah mengatur beberapa program ke arah membantu menangani kegawatan ekonomi khususnya meringankan beban pengguna dan mengawal inflasi di mana anggota-anggota koperasi digerakkan dan digemblengkan dalam kepenggunaan melalui konsep 'Huns Group' yang sedia diamalkan di negara Jepun.

Mengikut konsep ini, Tuan Yang di-Pertua, bekalan dan pengedaran barang-barang berguna dibuat secara berkelompok kepada anggota-anggota koperasi melalui networking kepada koperasi-koperasi di peringkat jabatan seperti beberapa koperasi kakitangan kerajaan yang berpotensi, koperasi di taman-taman perumahan dan koperasi wanita. Program-program ini sedang dalam tindakan dan insya-Allah akan dilaksanakan awal tahun 1998.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai insentif kepada koperasi pengguna, saya suka menyatakan bahawa kementerian sentiasa prihatin terhadap peningkatan prestasi koperasi dan sememangnya kementerian memberi anugerah kualiti koperasi termasuk dalam kategori koperasi pengguna seperti yang diadakan pada tahun-tahun yang lepas. Bagaimanapun kementerian ambil maklum dalam hal ini dan amat menghargai cadangan Yang Berhormat itu.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja ulasan saya terhadap perkara-perkara yang dibangkitkan berkaitan Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi. Kementerian amat menghargai serta mengalu-alukan cadangan-cadangan bernas daripada Ahli-ahli Yang Berhormat dan sekiranya ada perkara.....

**Datuk Haji Sairin bin Karno:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada yang minta laluan.

**Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas:** Okay.

**Datuk Haji Sairin bin Karno:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Cuma saya hendak tahu adakah anugerah ini dalam bentuk kewangan atau bentuk apa dan kalau dalam bentuk kewangan berapa jumlah yang biasa diberi kepada koperasi? Terima kasih.

**Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas soalan itu. Anugerah ini diadakan pada tahun-tahun yang lepas dan diberi dalam bentuk wang dan juga dalam bentuk sijil. Pemberian penganugerahan ini ada berperingkat-peringkat dan jumlah kewangannya berbeza-beza. Sebagai contoh, anugerah yang pertama RM1,000, kemudian RM500 ataupun RM200 sebagai contoh sahaja. Tetapi saya tidak ada jumlah-jumlah dan peringkat-peringkatnya pada masa sekarang ini.

Sebagaimana yang saya kata tadi, Tuan Yang di-Pertua, sekiranya ada perkara-perkara yang tidak sempat saya sentuh, saya harap makluman bahawa pegawai-pegawai kementerian akan beri perhatian dan tindakan-tindakan sewajarnya akan diambil. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat.

**7.32 mlm.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat**

**[Tuan G. Palanivel]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor, Yang Berhormat Senator Puan Jamilah binti Ibrahim dan Yang Berhormat Senator Tuan Long bin Jidin yang telah menyentuh perkara-perkara yang berkaitan dengan Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat semasa perbahasan Belanjawan 1998 yang lalu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor yang bertanya mengenai program-program untuk membantu ibu tunggal. Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat melalui Jabatan Hal Ehwal Wanita memang telah mewujudkan program Ibu Tunggal Waja (ITW). Di bawah program ITW empat panel sokongan telah ditubuhkan, iaitu Panel Sokongan Kelompok dan Pembimbing, Panel Sokongan Guaman, Panel Sokongan Ekonomi dan Panel Sokongan Pendidikan.

Keempat-empat panel tersebut dipengerusikan oleh mereka yang mempunyai kelayakan dalam bidang-bidang yang berkaitan. Ahli-ahli juga terdiri daripada mereka yang terlibat dalam bidang-bidang yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan Yang Berhormat Puan Jamilah binti Ibrahim supaya diberikan latihan kemahiran kepada remaja yang terlibat dengan masalah akhlak pula, suka saya maklumkan bahawa Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat memang sedia ada program latihan berbentuk kemahiran kepada pelatih-pelatih di semua institusi akhlak di bawah kementerian. Di antara program pemulihan yang dijalankan termasuk bidang pertanian seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat. Ianya dijalankan secara kecil-kecilan seperti tanaman sayur-sayuran, buah-buahan, ternakan ikan air tawar dan penanaman pokok bunga. Di samping itu, ada di kalangan remaja-remaja yang diselia oleh jabatan dan mereka yang telah pulih di Institut Pemulihan Akhlak diberi bantuan untuk melaksanakan aktiviti pertanian.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Long bin Jidin ada mencadangkan supaya digubal satu pelan tindakan untuk memberi milik tanah kepada Orang Asli bagi menyelesaikan masalah pemberian milik tanah yang dikatakan terabai. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini kementerian melalui Jabatan Orang Asli telah menubuhkan pasukan petugas mengenai tanah dan sedang meneliti kertas bagi mengambil tindakan-tindakan yang sewajarnya di peringkat jabatan bagi menangani isu-isu tanah masyarakat Orang Asli. Walau bagaimanapun, seperti yang telah dinyatakan di Dewan ini sebelumnya masalah tanah adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri dan kementerian akan terus berusaha untuk menyelesaikan dari masa ke semasa.

Mengenai cadangan supaya dilantik seorang wakil dari kalangan masyarakat Orang Asli ke dalam Majlis Tanah Negara pula, sukacita dimaklumkan bahawa setakat ini tidak ada peruntukan yang membolehkan perlantikan dibuat kepada mana-mana pihak yang mewakili mana-mana kumpulan masyarakat atau NGO termasuk yang mewakili masyarakat Orang Asli. Ingin saya menegaskan di sini bahawa pihak kementerian tidak akan membenarkan dan membiarkan masyarakat Orang Asli dihalau dari kawasan penempatan mereka atau dianyai serta diperalatkan dengan sewenang-wenangnya oleh mana-mana pihak. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkara ini memang menjadi dasar kementerian yang berterusan.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berucap menyentuh peranan kementerian ini dan kementerian ini akan mengambil perhatian terhadap perkara-perkara yang dibangkitkan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Kementerian Pembangunan Usahawan.

**7.36 mlm.**

**Menteri Pembangunan Usahawan [Dato' Mustapa bin Mohamed]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi kerana telah meminta penjelasan berkaitan dengan peranan Pusat Khidmat Kontrak dan juga mengemukakan cadangan bagi memperbaiki prestasi pusat tersebut. Tiga isu yang dibangkitkan. Pertama, mengenai pertindihan fungsi di antara PKK dengan CIDB. Yang kedua, berkaitan dengan kursus yang diberikan kepada bumiputera khususnya di Perak, dan yang ketiga beliau menyarankan agar PKK dimansuhkan dan diserapkan di bawah JKR.

Sebagai latar belakang ingin saya jelaskan bahawa PKK ditubuhkan pada awalnya tahun 1981 namanya Pusaka Bumi, pada tahun 1987 ditukar kepada nama PKK pada asalnya di bawah Unit Penyelarasan Pelaksanaan JPM, tahun 1990 diletakkan di bawah Kementerian Perusahaan Awam dan kini di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan. Peranan utamanya dua sahaja. Yang pertama, sebagai pusat untuk mendaftarkan kontraktor untuk semua sektor awam, iaitu kerajaan. Yang kedua, untuk memberi taraf bumiputera kepada kontraktor-kontraktor yang berdaftar, itu dua peranan utama.

Setakat ini 19,900 kontraktor telah berdaftar. Daripada bilangan tersebut 15,515 merupakan kontraktor bumiputera, 4,385 merupakan kontraktor bukan bumiputera. Pada tahun lepas sebanyak 17 kursus diadakan termasuk 1 di negeri Perak melibatkan 2,200 orang peserta.

Tuan Yang di-Pertua, CIDB ditubuhkan pula oleh kerajaan bagi mengawasi keseluruhan industri binaan. Ia diberi tanggungjawab untuk memastikan industri binaan kualiti tinggi, ia juga dipertanggungjawabkan untuk mengadakan Research and Development, dengan izin, ia diberi tanggungjawab untuk menubuhkan pusat latihan untuk industri binaan. Ini antara tugas CIDB. sepertimana Yang Berhormat sedia maklum CIDB juga dibolehkan ataupun dibenarkan mengenakan levi dan melalui levi ini CIDB merupakan sebuah badan yang bertenaga, yang kuat mempunyai kedudukan ekonomi dan kewangan yang kukuh membolehkan ia menjalankan tugas dengan berkesan untuk membimbing kontraktor. Jadi, ringkasnya CIDB dan PKK mempunyai peranan yang agak berbeza, kerana PKK menumpu perhatian kepada kontrak sektor awam kerajaan dan juga memberi taraf bumiputera kepada kontraktor-kontraktor yang layak.

Dalam pada itu, saya ingin menyatakan bahawa kami sentiasa mengadakan penyelarasan antara PKK dengan CIDB bagi mengelakkan pertindihan yang mungkin berlaku. Saya ingin memberi jaminan kepada Yang Berhormat Tuan Mustaffa Kamal bahawa kami di PKK akan sentiasa melaksanakan usaha bagi memperbaiki perkhidmatan dari masa ke semasa supaya masyarakat kontraktor mendapat perkhidmatan yang terbaik daripada pusat ini. Itulah jaminan daripada pihak saya. Sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Mustaffa Kamal kerana telah mengemukakan cadangan untuk memperbaiki prestasi PKK yang insya-Allah, kita akan mengambil tindakan sewajarnya. Sekian, terima kasih.

**Datuk Haji Sairin bin Karno:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat mahu minta apa?

**Datuk Haji Sairin bin Karno:** Minta penjelasan sedikit.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila.

**Datuk Haji Sairin bin Karno:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Cuma dari segi PKK terutama kelas A, untuk memperolehi kelas A adakah satu syarat kelonggaran terutama kepada konsortium-konsortium bumiputera? Terima kasih.

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Satu masa dahulu memang dibenarkan dan memang ada konsortium bumiputera yang didaftarkan sebagai kontraktor kelas A. Di Sabah isu ini masih lagi belum diselesaikan, boleh kita bincangkan selepas ini.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Majlis ini ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang esok.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 7.43 malam.***